

"DARI Abi Hurairah Radhiallahuanhu, dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Barang siapa mengerjakan ibadat di malam Lailatulqadar kerana imannya kepada Allah dan kerana mengharap keredaan-Nya nescaya diampunkan dosanya yang telah lalu".

(Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

## SENTIASA PEKA DENGAN PERGOLAKAN GEOPOLITIK ANTARABANGSA

Oleh : Nurhamiza Awang Haji Roslan



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Mac.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bukan setakat pertemuan tahunan tetapi ia juga adalah wadah strategik untuk membahaskan isu-isu sebenar yang dihadapi oleh negara dan rakyat, berdasarkan penelitian mendalam dan fakta yang kukuh.

Pendekatan sesi dialog dan permuakharahan bersama kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, perlu dimanfaatkan sebaiknya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah berpendapat pendekatan sedemikian telah pun terbukti berkesan dalam merapatkan lagi Ahli-ahli



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

MMN dengan masyarakat, dalam memedulikan keperluan serta untuk mendengar keluhan rakyat.

"Negara perlu sentiasa peka dengan

pergolakan geopolitik antarabangsa dan kesannya terhadap cabaran ekonomi global.

>> Muka 3

## Memastikan pembangunan NBD dilaksanakan secara inklusif, mampan, berdaya tahan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Mac.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyokong usul Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, iaitu Usul Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda bersempena keberangkatan ke Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

>> Muka 8

## Kesejahteraan, kemajuan rakyat jadi keutamaan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 13 Mac. - Keprihatinan dan pemedulian tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengambil berat terhadap pelbagai sudut dan aspek kehidupan

rakyat termasuk kesejahteraan sosial, pertumbuhan ekonomi negara, infrastruktur dan kemudahan awam, keselamatan negara dan tadbir urus pentadbiran awam yang mencerminkan kepimpinan baginda yang sentiasa meletakkan kesejahteraan dan kemajuan rakyat sebagai keutamaan di samping memastikan kemakmuran dan kestabilan negara terus terpelihara.

>> Muka 7

## Merukyah anak bulan Syawal, 19 Mac ini

Siaran Akhbar : Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac. - Sebanyak lima lokasi telah dipilih bagi penglihatan anak bulan Syawal Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi seluruh negara pada petang Khamis, 29 Ramadan 1447H bersamaan 19 Mac 2026M.

Sehubungan dengan itu, Hakim-hakim Sya'rie dan pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan akan berada di tempat-tempat yang telah ditetapkan untuk merukyah (melihat anak bulan Syawal 1447H) di Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya

Tungku, Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara, dan Bukit Agok, Jerudong, bagi Daerah Brunei dan Muara.

Manakala, Bangunan Hilal Bukit Ambog di Daerah Tutong; dan Bangunan Hilal Bukit Lumut di Daerah Belait.

Berikutan dengan itu, pengumuman satu Syawal (awal Syawal bagi tahun 1447H/2026M) akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) sebaik sahaja ruyah pada petang berkenaan diperoleh melalui pihak berkenaan.

Sehubungan itu, orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat berkenaan.



## Berita Utama

KESIHATAN BUAH PINGGANG UNTUK SEMUA

Menjaga Manusia, Melindungi Bumi



PENCEGAHAN, pengesanan awal mengurangkan risiko penyakit buah pinggang kronik

Muka 13



IKTIRAF peranan wanita dalam keluarga, masyarakat

Muka 14



PROGRAM Ihsan YSHHB : Bantu meringankan beban mereka yang memerlukan

Muka 17

AMALAN PADA 10 MALAM TERAKHIR RAMADAN

MEMBACA AL-QURAN PERBAHAYKAN ZIKIR, ISTIGHFAR DAN DOA PERBAHAYKAN SEDEKAH

### RENCANA

GANDAKAN amalan di 10 akhir Ramadan

Muka 37

# Pencapaian pendidikan negara 2025 bukti komitmen memacu kecemerlangan

Bismillahir Rahmanir Rahim,  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen  
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Aalihee  
Wasahbiee Ajma'een,  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

**A**LHAMDULILLAH syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat bersua lagi dalam Sesi Muzakarah antara Kementerian Pendidikan dengan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada tahun ini.

Bagi mewakili Kementerian Pendidikan, kaola / saya terlebih dahulu menjunjung kasih dan sukacita merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas kesudian berangkat dan hadir di pagi yang mulia ini.

Sukacita pada kesempatan ini, kaola / saya juga ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2026 kepada semua dan berharap agar sesi permuakarah seumpama ini dapat terus dimanfaatkan sebagai wadah strategik untuk berkongsi pandangan demi mengukuhkan lagi pencapaian Kementerian Pendidikan, sekali gus memacu kecemerlangan pendidikan negara.

Sukacita kaola / saya mengimbas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Guru Kali Ke-35 mengenai kepentingan pihak Kementerian Pendidikan mengemas kini dan membentuk beberapa dasar pendidikan, antaranya : 'Pengemaskinian Klausa dan Terma Rujukan Akta Pendidikan Brunei (Bab 56), yang memberi kuasa kepada Lembaga Peperiksaan Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk menganugerahkan kelayakan dan pensijilan bagi mata pelajaran tempatan di peringkat menengah atas dan pra universiti', Penyediaan 'Garis Panduan Institusi Pengajian Tinggi Swasta untuk menawarkan Program Hasil Sendiri dan menganugerahkan Kelulusan-kelulusan dalam Brunei Darussalam Qualification Framework (BDQF)' dan Bagi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan, untuk menggubal sebuah Kerangka Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan yang komprehensif.

Tahun 2025 juga merupakan tahun yang penuh bermakna apabila Kementerian Pendidikan telah berjaya meraih beberapa pencapaian yang signifikan hasil kerjasama strategik dan komitmen bersepadu dari semua pihak berkepentingan. Antara pencapaian tersebut adalah : Penerbitan Sebuah Buku Panduan Kecerdasan Buat

(AI) dalam Pendidikan yang telah dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-35 Tahun 2025, Penganjuran Persidangan Majlis Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara Kali Ke-53 (SEAMEC53) bertemakan 'Greening Education for a Sustainable Southeast Asia : Empowering Change Through Collective Action' yang telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pelancaran 'Greening Education Plan 2025-2035' yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, semasa acara SEAMEC Kali Ke-53 Tahun 2025, Penganjuran Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Kali Ke-14 (ASEAN Schools Games - ASG14) yang disertai oleh 10 Negara ASEAN. Temasya ini melibatkan kira-kira 1,000 atlet-pelajar termasuk 153 peserta dari NBD dengan lapan acara sukan dipertandingkan. Alhamdulillah, NBD telah mencatatkan pencapaian yang terbaik sejak mula menyertai kejohanan ini, dengan memperolehi 18 pingat secara keseluruhan dan pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-32 Tahun 2025 pula, Kementerian Pendidikan telah mencipta sejarah apabila buat julung kalinya



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh semasa berucap pada Sesi Muzakarah Kementerian Pendidikan Bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Rabu, 14 Januari 2026 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat P1 Kementerian Pendidikan.**

memenangi Anugerah Emas dalam Anugerah Inovasi Perdana (AIP), selain berjaya membawa pulang Anugerah Gangsa dan Saguhati. Pencapaian ini merupakan pengiktirafan signifikan yang membuktikan keupayaan dan daya saing warga kementerian dalam memacu inovasi serta mencerminkan iltizam berterusan untuk membudayakan kecemerlangan.

>> Muka 15

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14	SABTU	24	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.42	6.32	7.41
15	AHAD	25	5.00	5.10	6.27	6.49	12.30	3.41	6.32	7.41
16	ISNIN	26	4.59	5.09	6.26	6.49	12.30	3.40	6.32	7.41
17	SELASA	27	4.59	5.09	6.26	6.48	12.30	3.39	6.32	7.41
18	RABU	28	4.59	5.09	6.25	6.48	12.30	3.38	6.31	7.40
19	KHAMIS	29	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.38	6.31	7.40
20	JUMAAT	30	4.58	5.08	6.25	6.47	12.29	3.37	6.31	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	JUMAAT	AHAD	
Bandar Seri Begawan 32 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Pekan Bangar 32 24 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Pekan Tutong 32 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Kuala Belait 32 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	

Wallahualam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 14 MAC 2026

### Penyakit Buah Pinggang Kronik semakin meningkat

**D**I Negara Brunei Darussalam, Penyakit Buah Pinggang Kronik (CKD) telah menjadi cabaran kesihatan awam yang serius dan semakin meningkat, dengan kadar Penyakit Buah Pinggang Tahap Akhir (ESKD) antara yang tertinggi di dunia. Menurut data daripada Brunei Dialysis and Transplant Registry (BDTR), seramai 1,163 individu direkodkan menghidap ESKD pada tahun 2025, iaitu peningkatan sebanyak 7 peratus berbanding tahun 2024. Trend ini bukan sahaja menunjukkan peningkatan kes kegagalan buah pinggang, malah turut menekankan bilangan penduduk yang terjejas dari segi kesihatan dan kualiti hidup.

Seiring dengan peningkatan jangka hayat penduduk serta pertambahan penyakit tidak berjangkit seperti diabetes dan tekanan darah tinggi, jumlah individu yang menghidap CKD dijangka akan terus meningkat. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization - WHO), melalui Perhimpunan Kesihatan Sedunia Ke-78, telah mengiktiraf penyakit buah pinggang sebagai satu keutamaan kesihatan global. Pengiktirafan ini menegaskan bahawa tindakan segera dan kerjasama yang bersepadu di peringkat antarabangsa serta kebangsaan amat diperlukan bagi menangani peningkatan kes penyakit ini.

Perkara tersebut dikongsi oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, dalam perutusan sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2026.

Penyakit diabetes dan hipertensi adalah dua faktor risiko utama bagi penyakit buah pinggang, bukan sahaja di Brunei Darussalam, tetapi di seluruh dunia. Di Brunei Darussalam, diabetes terus menjadi penyebab utama bagi penyakit buah pinggang tahap akhir, menyumbang sebanyak 74 peratus daripada keseluruhan kes. Oleh itu, amat penting untuk memantau tekanan darah dan mengamalkan kawalan gula darah sejak peringkat awal.

Selain itu, obesiti juga secara tidak langsung dikaitkan dengan penyakit buah pinggang. Saringan kesihatan adalah tidak terhad kepada individu yang menghidap penyakit diabetes atau hipertensi sahaja, ia juga merangkumi individu yang mempunyai sejarah keluarga yang menghidap penyakit buah pinggang, pernah mengalami kecederaan buah pinggang yang akut, berusia lanjut, menghidap penyakit jantung, mempunyai penyakit buah pinggang berkaitan dengan kehamilan, menghidap penyakit autoimun, dilahirkan dengan berat badan rendah, dan mempunyai batu karang di buah pinggang.

Sepertimana yang ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, bebanan penyakit buah pinggang yang semakin meningkat memerlukan tanggungjawab bersama serta tindakan bersepadu di peringkat negara. Melalui kerjasama antara penyedia penjagaan kesihatan, komuniti dan setiap individu, kita bukan sahaja dapat mengurangkan kegagalan buah pinggang yang boleh dicegah, bahkan melindungi sumber penjagaan kesihatan negara serta memelihara kesejahteraan generasi akan datang.

Oleh itu, ambillah peluang untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan mengetahui status kesihatan masing-masing. Pencegahan dan pengesanan awal hanya akan berjaya dengan kesedaran serta kerjasama semua pihak iaitu anggota kesihatan, pesakit, keluarga dan masyarakat. - **Ketua Penyuntingan(Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Sentiasa peka dengan pergolakan geopolitik antarabangsa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.

Oleh : Nurhamiza Awang Haji Roslan  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

"Negara kita juga tidak terlepas dari menerima kesan cabaran ini, lebih-lebih lagi jika kesan itu menjejaskan harga komoditi tenaga yang menjadi sumber pendapatan negara. Di sinilah Ahli-ahli MMN perlu berganding bahu dan bekerjasama untuk menangani sebarang ketidakpastian yang timbul," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, mahu melihat tindakan pelaksanaan yang lebih agresif serta ketahanan dalam merangka dasar dan strategi pembangunan negara, khasnya ke arah matlamat Wawasan Brunei 2035,

termasuk usaha berterusan dalam menerokai pelaburan strategik dalam sektor-sektor baharu yang boleh merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan usaha mengukuhkan fiskal kerajaan.

Apa yang pasti, titah baginda, keperluan untuk membangunkan perkara - perkara baharu bukanlah lagi satu pilihan, bahkan ia satu keperluan yang wajar direalisasikan. Namun begitu, titah baginda lagi, kemajuan juga perlu seimbang dengan perbelanjaan berhemah, termasuk mengutamakan inisiatif yang berimpak tinggi untuk meningkatkan daya tahan negara.

"Pendekatan - pendekatan baharu memang diperlukan dalam mewujudkan ekosistem

kondusif ke arah pemerkasaan peranan sektor swasta serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

"Dari sudut infrastruktur dan kemudahan awam pula, usaha perlu diteruskan dengan meneroka penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih berkualiti dan selamat," titah baginda.

Terdahulu, Kebawah DYMM dalam titah menzahirkan rasa syukur dengan limpah rahmat Allah juga, dapatlah kita berkumpul bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 2026 Masihi.

Menyentuh mengenai dengan musibah yang berlaku baru-baru ini yang mengorbankan dua penunggang basikal, Kebawah DYMM amat bersimpati dan bertitah dalam hal ini di mana



baginda menyeru pihak - pihak yang berkenaan terutama Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya untuk bukan hanya sahaja melihat

dari segi perundangan dan penguatkuasaan tetapi juga mesti mengambil berat prasarana yang selamat untuk digunakan.

Dari sudut lain pula, titah baginda, kerajaan akan terus memperkukuh budaya kerja bersih, beretika, berintegriti dan tabdir urus cemerlang merentasi semua sektor.

Ini tambah titah baginda lagi, termasuk usaha membanteras secara agresif gejala rasuah dan salah guna kuasa akan terus dilaksanakan dengan menumpukan kepada sektor-sektor kerajaan dan swasta, khususnya yang melibatkan aspek perkhidmatan dan penguatkuasaan.

"Kerajaan beta tidak akan

bertolak ansur dalam membanteras gejala rasuah kerana jika tidak dibendung, ianya akan mengancam keselamatan negara," tegas baginda.

Pada akhir titah, Kebawah DYMM menzahirkan harapan supaya MMN akan membahaskan isu-isu strategik yang berkeutamaan sebagai sifatnya pencetus idea-idea bernas, pragmatik dan inovatif selaras dengan keperluan semasa negara.

Kebawah DYMM ingin Ahli-ahli MMN bersama-sama berganding bahu dengan kerajaan untuk mencari penyelesaian terhadap cabaran - cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara.

"Matlamat kita adalah jelas iaitu untuk membina sebuah negara yang progresif dan berpandangan jauh yang mengimbangi inovasi dengan kelestarian kewangan serta terus menjamin kesejahteraan rakyat," titah baginda.



SEKITAR Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447H / 2026M (kiri dan kiri sekali).

# BERANGKAT MENYEMPURNAKAN ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MMN KE-22

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) (atas dan kiri).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Mac. - Hari ini menandakan bermulanya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang akan membincangkan pelbagai isu demi kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berangkat merasmikan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN, pagi tadi.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Bangunan Dewan Majlis dijunjung oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat

berangkat

Istiadat

Rasmi

Mesyuarat

Di-Raja,

Setiausaha

Majlis

Mesyuarat

Menteri -

menteri

Kabinet dan

Jurutulis MMN, Datin

Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini

binti Pehin Orang Kaya Setia

Jaya Dato Paduka Awang Haji

Hurairah.

Berangkat sama ialah

paduka-paduka

anakanda dan



Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib; dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri - menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan

adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri

Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berangkat masuk ke Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis dengan diiringi perarakan masuk Cokmar MMN.

>> Muka 5

**TURUT** berangkat ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (kanan dan kanan sekali).



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diiringi perarakan masuk Cokmar MMN (bawah). Manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada persidangan berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja dijunjung sesi bergambar ramai (atas dan bawah).

>> Muka 4

Pada istiadat tersebut, baginda berkenan menyempurnakan istiadat dengan mengurniakan titah sebagai tanda bermulanya Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Ke-22 MMN. Bagi memberkati istiadat berkenaan, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned. Sebelum berangkat

meninggalkan Bangunan Dewan Majlis, Kebawah DYMM serta kerabat diraja berkenan berangkat bagi sesi bergambar ramai. Persidangan MMN Kali Ke-22 antara lain akan membincangkan perkara berkaitan hala tuju pembangunan negara dengan

tumpuan kepada Rang Undang-Undang Perbekalan 2026/2027 serta usul Kumpulanwang Kemajuan. Sebelum Istiadat Pembukaan Rasmi berlangsung, Persidangan MMN Ke-22 telah bersidang untuk meneliti dan mengesahkan Jurnal (Minit Mesyuarat) Musim

Permesyuaratan Ke-21 MMN yang telah bersidang selama 19 hari pada tahun lalu. Mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN. Persidangan MMN akan disambung esok, 13 Mac pada pukul 9.30 pagi dengan Usul Menjunjung Kasih.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah pada istiadat tersebut (atas kanan). Manakala gambar bawah kiri, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned. Sementara gambar bawah dan kanan, sekitar persidangan tersebut.



## LET'S RAYA KINI KEMBALI DENGAN PELBAGAI PILIHAN FESYEN



**YANG** Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakhiah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan berangkat merasmikan Let's Raya Ke-8 (atas). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

**BERAKAS**, Khamis, 12 Mac. - Pameran dan jualan pelbagai fesyen eksklusif Brunei, Let's Raya, anjuran Thevent Co buka tirainya hari ini sejurus berlangsungnya Majlis Perasmian Let's Raya Ke-8 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, di sini. Berkenan berangkat bagi

merasmikan acara tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakhiah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Seiring dengan tema 'Raya Dalam Setiap Detik', Let's Raya 2026 menjemput para pengunjung untuk sama-sama merasai detik-detik bermakna ini sambil melengkapkan persiapan Raya bersama keluarga dan rakan-rakan menjelang sambutan perayaan yang bakal tiba.

Pengunjung boleh membeli dengan pelbagai tawaran selain fesyen, termasuk penjagaan kulit, kosmetik, kuih raya dan keperluan perayaan lain, bersama koleksi raya eksklusif daripada jenama terkenal Malaysia seperti Thalia, Raezar, Ataraxia, Kalima dan Yanareka serta kegemaran tempatan termasuk T.Silk, Sharqiaa Hijab Brunei dan Saadeddin Pastry Brunei.

Edisi tahun ini juga menyaksikan tokoh terkenal Malaysia, Rizman Ruzaini bersama kemunculan penyanyi terkenal Malaysia, Ziana Zain serta personaliti Malaysia, Dayah Bakar, yang akan hadir melalui kerjasama bersama

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

Thalia.

Pada tahun ini ialah Zon DIY yang baru diperkenalkan, di mana pengunjung boleh memperibadikan beg tote mereka menggunakan pilihan lencana menggunakan pilihan lencana pra-cetak yang direka khas.

Lencana tersebut menampilkan ilustrasi yang diinspirasi daripada mercu tanda Brunei, kuih dan hidangan ikonik tempatan

serta dekorasi dan elemen perayaan Raya, membolehkan pengunjung menyesuaikan beg tote mereka sambil mencerminkan aspek budaya Brunei dan semangat musim perayaan.

Aktiviti ini memberikan pengalaman yang menarik kepada pengunjung serta cenderamata peribadi daripada Let's Raya 2026.



## Menggalakkan budaya membaca Al-Quran dalam kehidupan



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat, mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai sebagai pembuka acara dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim yang diraikan di majlis tersebut (atas dan kanan).

**MUKIM KOTA BATU**, Jumaat, 13 Mac. - Ramadan bakal melabuh tirainya lebih kurang seminggu sahaja lagi namun demikian, majlis-majlis keagamaan lagi berkebjakan rancak diadakan termasuk daripada Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, hari ini.

Justeru itu, Majlis Khatam Al-Quran, Doa Arwah Sekampung serta Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada Anak-anak Yatim dan Golongan Kurang Berkemampuan diadakan di Masjid Kampung Sungai Besar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman yang juga mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai sebagai pembuka acara.

Majlis diteruskan dengan

bacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari Surah Ad-Dhuha dan diteruskan dengan acara Tahliil, Takhtim dan kemudiannya diserikan dengan Dikir Marhaban.

Yang Berhormat juga menyampaikan sumbangan derma kepada seramai 19 anak yatim dan 24 penerima bagi golongan yang kurang berkemampuan termasuk ibu tunggal dari sekitar kawasan berkenaan.

Adapun sumbangan berkenaan adalah merupakan hasil keprihatinan dan semangat kongsi rezeki daripada para penduduk kampung serta orang ramai yang dermawan.

Sementara itu, para peserta khatam yang diraikan pada tahun ini adalah seramai 152 orang terdiri daripada 40 dewasa, 33 Muslimah, 46 belia dan 33 beliawanis.

Sebelum mengakhiri majlis, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh imam masjid berkenaan, Awang Muhammad Hazman bin Haji Mohd. Hairol Azme, dan selepas

itu diteruskan dengan acara bersungkaik (iftar) dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Juga hadir, Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit serta para jemaah terdiri daripada Kampung Sungai Besar dan sekitarnya.

Adapun majlis berkebjakan anjuran AJK Takmir masjid berkenaan adalah bagi menggalakkan budaya membaca Al-Quran dalam kalangan jemaah dan penduduk kampung terutama sekali golongan muda agar mereka dipupuk untuk sentiasa mendampingi kitab suci Allah itu.

Selain itu, ia juga menjadi platform penting untuk memperkukuh ukhuwah dan perpaduan dalam kalangan masyarakat serta memastikan golongan yang memerlukan tidak dilupakan dalam menyambut kemeriahan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit



**TAHUKAH AWDA?**

جايڤن تناس  
JABATAN TENAGA

### APA ITU TENAGA SURIA?

- Tenaga suria adalah salah satu tenaga yang boleh diperbaharui yang dijana oleh matahari.
- Cahaya matahari ditukar kepada tenaga elektrik melalui alat yang dikenali sebagai panel solar fotovoltaik.

Terdapat 3 jenis sistem tenaga suria

**ATAS GRID**

Bersambung dengan grid utiliti.

**LUAR GRID**

Bergantung kepada panel solar dan bateri sahaja.

**HIBRID**

Gabungan sistem penyimpanan tenaga elektrik melalui bateri dengan grid.

**TAHUKAH AWDA?**

Dengan sistem atas grid, sebarang lebihan tenaga elektrik yang awda dihasilkan boleh dieksport kembali ke grid utiliti melalui Program **Net-metering**.

www.energy.gov.bn

renewable.energy@energy.gov.bn

673 2584488 ext 3271

## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# KESEJAHTERAAN, KEMAJUAN RAKYAT JADI KEUTAMAAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

>> Muka 1

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menggariskan perkara tersebut semasa berucap pada hari kedua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menyeru semua pihak untuk sama-sama menghayati dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu dengan penuh gigih, komitmen, bertanggungjawab dan bersama-sama berganding bahu melalui pendekatan seluruh kerajaan dan seluruh negara dalam tindakan pelaksanaan yang lebih agresif serta berketahanan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan dapat meneliti sepenuhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah dikurniakan semasa

Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN terutamanya harapan baginda kepada Ahli-ahli MMN akan sama-sama berganding bahu dengan kerajaan baginda untuk mencari penyelesaian caraban-cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara kita," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, majlis ini amat terhormat dan menjunjung kasih setinggi-tingginya atas keberangkatan baginda ke Istiadat MMN, dalam keadaan baginda yang mana jelas memperlihatkan semangat dan iltizam baginda yang tinggi dalam memelihara serta mengambil berat akan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

"Di kesempatan ini, kita semua

terus berdoa semoga baginda akan dikurniakan kesihatan yang berterusan dan berpanjangan serta sentiasa berada dalam perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua.

"Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan pada tahun ini adalah agak istimewa sedikit, yang mana ianya berlangsung dalam bulan yang penuh mubarak ini. Ini juga bermakna kita mengadakan mesyuarat dalam keadaan yang sedikit berbeza dan memerlukan kita untuk menyesuaikan diri dengan cabaran cabaran yang kita hadapi.

"Ke arah ini, saya berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat memberikan sokongan dan kerjasama sepenuhnya agar kita dapat memastikan urusan mesyuarat kita mendapati keperluan semasa.



**YANG** Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

"Saya percaya dengan semangat muafakat dan profesionalisme yang tinggi, kita mampu melaksanakan tanggungjawab ini dengan berkesan bagi mencapai keputusan yang terbaik demi kepentingan rakyat dan negara," ujar Yang Berhormat lagi.

## Sesi dialog terbukti berkesan merapatkan Ahli MMN dengan masyarakat



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 13 Mac. – Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

Dato Paduka Awang Haji Othman menjelaskan, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi menandakan bahawa baginda sangat mementingkan MMN sebagai institusi kenegaraan dan mahu memastikannya berfungsi sewajarnya.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kerana itu baginda bertitah Persidangan MMN bukan setakat pertemuan

tahunan tetapi ia juga adalah wadah strategik untuk membahaskan isu-isu sebenar yang dihadapi oleh negara dan rakyat berdasarkan penelitian mendalam dan fakta yang kukuh.

Perkara demikian dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mengemukakan Usul Menjunjung Kasih pada hari kedua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat sukacita mengusulkan bahawa Majlis ini bersetuju meluluskan satu usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini dan atas titah perutusan baginda yang mana majlis menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.

Yang Berhormat menjelaskan, sesungguhnya keberangkatan baginda semalam sangatlah disyukuri dan ia berupa keberangkatan pertama baginda ke Majlis Kenegaraan dalam tempoh pemulihan rawatan baginda setelah menjalani pembedahan yang lebih awal dirancang dan kita turut sama bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung tinggi keberangkatan baginda yang tampil dalam keadaan sihat dan ceria dan sangat mengembirakan sekalian rakyat yang mengasihi dan menyanjung tinggi kepimpinan berwibawa lagi berwawasan baginda.

Yang Berhormat seterusnya turut menyentuh titah baginda yang memuji serta menghargai pendekatan sesi dialog dan permuzakarah Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dari ketiga-tiga kategori lantikan.

Jelas Yang Berhormat, sesi dialog pendekatan bersama kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan perlu dimanfaatkan sebaiknya yang mana pendekatan sedemikian pada pendapat baginda telah pun terbukti berkesan dalam merapatkan lagi Ahli-ahli MMN dengan masyarakat dalam memedulikan keperluan serta untuk mendengar keluhan rakyat.

"Sedemikian itulah perhatian dan harapan baginda kepada MMN selaras dengan tujuan mewujudkannya sebagai instrumen permesyuaratan sejakia ditubuhkan semula di bawah Perlembagaan Negara Pindaan 2004," ujar Yang Berhormat.

## Membahaskan isu sebenar yang dihadapi oleh negara, rakyat

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 13 Mac. – Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) sebagai wadah strategik untuk membahaskan isu-isu sebenar yang dihadapi oleh negara dan rakyat berdasarkan penelitian mendalam dan fakta yang kukuh, antara yang disentuh oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih pada hari kedua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan

Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, ini termasuk melalui sesi-sesi dialog dan permuzakarah bersama dalam usaha memedulikan keperluan serta untuk mendengar keluhan rakyat, telah dan perlu diadakan secara berterusan di antara satu persidangan ke satu persidangan yang seterusnya.

"Harapan baginda yang mahu melihat pertumbuhan ekonomi negara yang rancak dan usaha mengukuhkan fiskal kerajaan melalui tindakan pelaksanaan yang lebih agresif serta ketahanan

dalam merangka dasar dan strategi pembangunan negara menuju Wawasan Brunei 2035 termasuk penerokaan pelaburan strategik dalam sektor-sektor baharu, akan juga kaola junjung setinggi-tingginya.

"InsyaaAllah perkara ini dan juga perkara-perkara yang melibatkan kesejahteraan rakyat akan kaola titik-beratkan sebagai garis pandu dalam mengajukan dan meneliti perkara-perkara dan isu-isu strategik dan dasar yang akan kaola bangkitkan dalam dewan yang mulia ini," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat merakamkan syukur dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan seterusnya mengurniakan titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN tahun ini.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, usulan-usulan atau cadangan-cadangan bagi penambahbaikan kepada sektor-sektor yang sedia ada berpotensi dalam mempelbagaikan lagi pertumbuhan ekonomi negara telah diajukan olehnya dan



**AHLI** MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pada sesi-sesi MMN sebelumnya.

# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## Terus berusaha terokai pelaburan strategik dalam sektor baharu



**YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAL UGAMA.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 13 Mac. – Majlis Mesyuarat Negara (MMN) merupakan instrumen permesyuaratan negara di zaman modennya yang kekal dengan sifat kebruneiannya yang Islami, kekal dan 'antik bijaksana'.

Menteri Hal Ehwal Agama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman menjelaskan, ia telah terbukti berjasa menyelamatkan

negara walaupun sejarah wujud wilayahnya sekarang ibarat tinggal seampap jari.

Namun jelas Yang Berhormat, ia telah selamat dengan *survivalnya* dan rakyat telah tetap terpeduli serta merasakan selamat bernaung di bawah payung negara berpemerintahan beraja yang pemeduliaan akan susah senang rakyatnya.

Perkara demikian dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Agama semasa mengemukakan Usul Menjunjung Kasih pada hari kedua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, sesungguhnya corak kepimpinan yang pemeduliaan sedemikian adalah menepati kriteria kepimpinan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala sesuai dengan firman-Nya yang memaparkan contoh kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang difirmankan dalam ayat 128, Surah At-Taubah yang bermaksud

*"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri iaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu yang sangat tamak, inginkan kebaikan bagi kamu dan ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayang kepada orang-orang yang beriman"*.

Menurut Yang Berhormat dalam konteks sebenar ayat itu ialah ayat mengenai corak kepimpinan. Maka dengan kepimpinan yang berkepeduliaan rakyat sedemikian itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, negara perlu sentiasa peka dengan pergolakan geopolitik antarabangsa dan kesannya terhadap cabaran ekonomi global.

"Menurut baginda, negara kita juga tidak terlepas dari menerima kesan cabaran ini, lebih-lebih lagi jika kesan itu menjejaskan harga komoditi tenaga yang menjadi sumber

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman**

pendapatan negara.

"Lalu baginda seterusnya menitahkan 'di sinilah Ahli-ahli MMN perlu berganding bahu dan bekerjasama untuk menangani sebarang ketidakpastian yang timbul,'" ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menekankan, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk tidak setakat berwaspada bahkan seperti yang dititahkan baginda bahawa baginda mahu melihat tindakan pelaksanaan yang agresif serta ketahanan dalam merangka dasar yang strategi pembangunan negara khususnya ke arah matlamat Wawasan Brunei 2035 termasuk usaha berterusan dalam menerokai pelaburan strategik dalam sektor-sektor baharu yang boleh merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan usaha mengukuhkan fiskal kerajaan.

Bagi sikap dan pendekatan yang sedemikian itu, Yang Berhormat menaruh keyakinan bahawa kita terutama sekali kerajaan, tidak akan sampai dilihat memilih pendekatan

agresif yang semata-mata berharap untuk kejayaan dalam makna sukses yang berisiko jangka panjang kepada negara.

Yang Berhormat yakin bahawa kerajaan kita yang berpemerintahan beraja seperti yang terbukti dan diyakini sentiasa pemeduliaan terhadap rakyatnya dan untung nasib negara dalam jangka panjang tidak mudah goyang, goncang dengan projek gelap mendung ekonomi dan kewangan negara.

"Kaola menaruh kepercayaan kepada kita semua di sini, generasi pemangkin dan generasi muda sekarang yang ditakdirkan berperanan masing-masing untuk menjayakan negara, memaju dan mengembangkannya, semua sektornya, yang berat dan yang ringan, menurut bersaiz kapasiti dan kapasiti masing-masing dan sentiasa berusaha dalam bentuk penuh bersemangat meneruskan usaha ikhtiar menjayakan taklif atau *tasking* yang memajukan negara terutama ke arah Wawasan Brunei 2035 selepasnya itu," ujar Yang Berhormat.

## MEMASTIKAN PEMBANGUNAN NBD DILAKSANAKAN SECARA INKLUSIF, MAMPAN, BERDAYA TAHAN

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**

**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman**

>> Muka 1

Menurut Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut memberikan panduan yang jelas, menyeluruh dan berpandangan jauh mengenai cabaran serta keutamaan negara dalam memastikan pembangunan Negara Brunei Darussalam (NBD) terus dilaksanakan secara inklusif, mampan dan berdaya tahan.

"Titah baginda bukan sahaja mencerminkan wawasan yang jauh ke hadapan dalam menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini malah turut menggambarkan keprihatinan mendalam dan komitmen berterusan baginda dan kerajaan baginda dalam memelihara kemakmuran negara serta memperkukuh hala tuju pembangunan selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat pada hari kedua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa ada terdapat tiga perkara utama yang akan ketengahkan, iaitu mengenai dengan MMN bukan sekadar satu perjumpaan tahunan tetapi merupakan wadah strategik untuk membincangkan isu sebenar negara dan rakyat. Titah baginda menekankan pendekatan dialog dan permuzakarahan yang berkesan antara Ahli-ahli MMN, kementerian dan kerajaan.

Yang Berhormat juga menyatakan majlis ini hendaklah dimanfaatkan sebagai forum tertinggi negara untuk bertukar pandangan secara terbuka, membincangkan cabaran semasa secara objektif dan merumuskan pendekatan yang lebih berkesan berasaskan fakta serta penelitian yang mendalam.

"Pendekatan ini termasuk juga penglibatan masyarakat, para peniaga, pertubuhan bukan kerajaan dan golongan belia yang mana pendekatan yang sudah kita amalkan bagi memperkasa perbincangan serta memastikan setiap dasar dan inisiatif mencerminkan realiti sebenar negara.

"Pendekatan sedemikian bukan sahaja sejajar dengan semangat syura dalam Islam malah berlandaskan lunas-lunas Perlembagaan Negara. Mencerminkan tadbir urus yang inklusif, berpandangan jauh dengan mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan, perbincangan dasar dapat diperkayakan dan penyelesaian yang dirumuskan menjadi lebih pragmatik, berkesan serta berpaksikan kepentingan negara," ujar Yang Berhormat lagi.

Perkara kedua yang disentuh dalam titah baginda kata Yang Berhormat lagi, ialah hakikat bahawa NBD, negara berdaulat mencipta kedamaian ini tidak terlepas daripada tempas cabaran global.

Turun naik harga komoditi tenaga, perubahan iklim, krisis kesihatan global yang tidak

disangka dan perkembangan geopolitik antarabangsa merupakan antara cabaran yang memerlukan perhatian serius dan pendekatan yang lebih strategik.

Yang Berhormat juga menjelaskan titah baginda yang menekankan tindakan pelaksanaan yang agresif dan berstrategi untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 termasuk meneroka pelaburan strategik dalam sektor baharu. Selain itu, titah baginda juga menekankan kepentingan mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi serta memperkukuh peranan sektor swasta dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) sebagai pemacu utama daya tahan ekonomi negara.

Yang Berhormat seterusnya berkata, Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut mengingatkan bahawa pembangunan negara hendaklah disertai dengan perbelanjaan yang berhemah dan pengurusan sumber secara optimum. Setiap peruntukan kerajaan perlu menumpukan kepada inisiatif yang berimpak tinggi dan mampu memberikan pulangan bernilai dan bermakna yang berpanjangan kepada negara.

Pendekatan ini jelas Yang Berhormat lagi, amat penting bagi memastikan kemampanan fiskal kerajaan serta memanfaatkan sumber negara secara strategik demi kepentingan rakyat dan generasi akan datang.

"Perkara ketiga, peramba, kaola, saya sukacita ketengahkan daripada kurnia titah baginda ialah penekanan bahawa pembangunan negara hendaklah sentiasa berpaksikan kepada kesejahteraan rakyat. Titah baginda menekankan

kepentingan penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam yang berkualiti dan selamat.

"Baginda turut menzahirkan rasa dukacita dan simpati terhadap insiden kemalangan jalan raya yang mengorbankan nyawa yang mengingatkan kita semua mengenai kepentingan memperkukuh kepentingan keselamatan jalan raya dan meningkatkan kesedaran bersama pengguna-pengguna jalan raya," ujar Yang Berhormat.

Selain itu kata Yang Berhormat lagi, titah baginda menekankan tadbir urus yang cemerlang, integriti dan usaha membanteras rasuah serta salah guna kuasa tanpa kompromi. Ini selaras dengan aspirasi membina negara yang progresif, inovatif dan berpandangan jauh sambil memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara. Pendekatan ini penting bagi memastikan tadbir urus negara berlandaskan prinsip akauntabiliti, ketelusan dan mengekalkan kepercayaan rakyat terhadap institusi negara.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan kurnia titah baginda merupakan peringatan bermakna dan tepat pada masanya bahawa dalam menghadapi cabaran masa hadapan kita perlu memperkukuh kecekapan, membudayakan kreativiti serta mempertingkatkan kerjasama antara semua sektor dalam melaksanakan dasar serta inisiatif pembangunan negara. Wawasan dan titah nasihat baginda sewajarnya diberikan sebagai pandangan bersama agar kita dapat melangkah dengan lebih yakin, merancang tindakan yang lebih strategik serta mencapai kemajuan yang lebih cemerlang bagi negara kita tercinta, NBD yang berpaksikan



**YANG BERHORMAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN II.**

falsafah Melayu Islam Beraja.

"Sehubungan dengan itu, peramba, kaola, saya yakin semua Ahli-ahli Berhormat Yang Dilantik juga menyedari kepentingan untuk bersama-sama memanfaatkan majlis ini sebagai medan perbincangan yang terbuka, matang dan berlandaskan semangat syura, mengemukakan pandangan serta cadangan yang bernas mengenai isu-isu kepentingan negara termasuk cabaran global baharu.

"Semoga persidangan majlis ini akan terus menjadi medan untuk berunding dengan penuh integriti, berfikiran kreatif serta bertindak secara strategik. InsyaaAllah, segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan berasaskan fakta, data yang relevan dan amalan terbaik akan dapat menyumbang kepada kemajuan, kesejahteraan dan kemakmuran negara bumi bertuah ini yang sama-sama kita cintai," ujar Yang Berhormat lagi.

# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## PERLUNYA PELAN TINDAKAN BERSTRATEGIK, PENDEKATAN SENEGARA



**AHLI** Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof menekankan demikian semasa menyokong perbahasan usul yang dicadangkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 2026, yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

"Alhamdulillah, apabila kita bersama-sama mengamati serta menghayati akan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sangat berpandangan jauh, merangkumi pelbagai hikmah nasihat yang amat tinggi nilainya di mana mencerminkan kebijaksanaan, kewibawaan, keprihatinan dan wawasan baginda dalam memimpin serta menerajui pemerintahan Negara Brunei Darussalam, yang sangat penting untuk digalas, diambil perhatian yang serius seterusnya diikuti dengan tindakan yang sewajarnya demi menjamin kemaslahatan serta kesejahteraan rakyat dan

negara.

"Alhamdulillah, *abiskaola* dan juga Ahli-ahli MMN Yang Dilantik, insyaaAllah akan meneruskan dalam menaani kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Apa yang *abiskaola* amalkan dengan mengadakan sesi muzakarah dan juga perjumpaan dan bahkan bukan saja dengan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan akan tetapi sesi dialog dan perjumpaan juga melibatkan masyarakat, ahli-ahli profesional, NGO dan juga dewan-dewan perniagaan," tambahnya lagi.

Yang Berhormat Ahli MMN menjelaskan dapatan - dapatan serta *feedback* daripada orang ramai telah pun dikongsikan kepada pihak kerajaan. Ini selaras dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana baginda ingin Ahli-ahli MMN berganding bahu dengan kerajaan untuk mencari penyelesaian terhadap cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara.

"Ke arah ini, ada baiknya penglibatan bersama-sama Ahli-ahli MMN perlu dipertimbangkan dalam apa jua perancangan dan merangka dasar dan strategi pembangunan negara khususnya ke arah matlamat Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

Bukan itu sahaja, hasrat murni baginda juga katanya adalah untuk melihat negara ini bergerak maju, berinovasi, lebih agresif serta ketahanan dalam merangka dasar dan strategi pembangunan negara ke arah khususnya matlamat Wawasan Brunei 2035. Ini termasuk juga terus menerokai pelaburan baharu yang lebih strategik dan berimpak tinggi yang boleh merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan usaha mengukuhkan fiskal kerajaan.

Dalam mendokong dan menaani kurnia titah baginda tersebut, Yang Berhormat berpandangan dan terus-menerus menyuarakan pihak-pihak yang berkepentingan khususnya dalam kerajaan supaya melaksanakan transformasi yang terkandung dalam ketiga-tiga *blueprint* iaitu Manpower Blueprint, Economic Blueprint dan Social Blueprint secara lebih efektif, berkesan, progresif dan dinamik. Terutamanya yang berkaitan dengan dasar berhubungkait dengan daya tarikan pelabur asing yang lebih strategik, memperkasakan *ease of doing business* dan menjadikan persekitaran ekosistem bisnes yang lebih kondusif di negara ini. Ini termasuklah juga mensejajarkan dasar kerajaan yang sehaluan untuk dipraktikkan oleh agensi-agensi kerajaan.

Bahkan, pada masa yang sama, usaha mengukuhkan dan

persekitaran perusahaannya *industry-ready*, tegas Yang Berhormat, juga perlu disokong dan diselarasakan dengan memperluaskan penyediaan infrastruktur dan utiliti yang *reliable* dan infrastruktur digital, *connectivity* dan *accessibility* yang lebih kondusif.

Menurut Yang Berhormat, apa yang mustahak, yang perlu juga diambil perhatian dari aspek memperluaskan dan memperkukuhkan lagi persediaan sumber tenaga manusia dalam pelbagai kemahiran profesional dan berteknologi tinggi diselarasakan dengan sistem pendidikan negara dengan berorientasikan TVET, mengikut piawaian antarabangsa dan memenuhi keperluan industri.

"InsyaaAllah, dengan mewujudkan dasar transformasi yang lebih berdaya tahan dan progresif sudah setentunya mampu menjana *spin-off effect* dan *multiplier effect* dan seterusnya impak signifikan kepada mengembangluaskan dan menggerak-rancakkan lagi kepelbagaian aktiviti perniagaan dan perindustrian termasuk industri hiliran di negara ini. Limpahan daripada rangkaian pelbagai aktiviti perekonomian ini juga akan dinikmati dalam usaha menggerak aktifkan lagi pihak swasta, apatah lagi di kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana," kata Yang Berhormat.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 13 Mac. - Kita perlu sentiasa peka mengenai pergolakan geopolitik antarabangsa dan kesannya terhadap cabaran ekonomi global seperti terputusnya rantaian perbekalan, perhubungan, kenaikan harga komoditi, keselamatan, makanan dan perdagangan, sebagaimana yang dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kesemua ini memerlukan pelan tindakan berstrategik dan pendekatan senegara bagi mengurangkan apa jua impak dari sebarang ketidakpastian serta *domino effect*.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin

## Bersatu padu tangani cabaran negara



**AHLI** MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

permuzaan yang diusahakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik bersama pihak-pihak berkepentingan dari sektor kerajaan dan juga swasta.

Yang Berhormat Ahli MMN menyatakan pengiktirafan ini menjadi pendorong kepada mereka untuk meneruskan usaha tersebut sebagai salah satu saluran alternatif bagi memperkukuh kerjasama dalam menangani cabaran negara, membincangkan isu - isu berkeutamaan yang memberikan implikasi langsung kepada pembangunan negara serta menyampaikan suara rakyat melalui perbincangan dua hala yang lebih telus, terbuka dan konstruktif demi rakyat dan negara yang berdaulat ini.

"Baginda juga telah menitahkan mengenai pentingnya meningkatkan usaha bagi memperkasakan ekonomi negara

yang turut terkesan oleh perkembangan geopolitik di peringkat antarabangsa. Dalam hal ini kita juga, harus berwaspada akan kesan pergolakan geopolitik ini terhadap *national food security* kita memandangkan sebahagian besar bekalan makanan negara diperoleh melalui import," tambah Yang Berhormat semasa menyokong usul yang dicadangkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 2026, yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Selain itu, kepentingan sektor swasta dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam mempelbagaikan ekonomi negara juga menjadi perhatian baginda. Usaha ini, tegas Yang Berhormat, memerlukan sokongan padu dari semua agensi kerajaan yang berkepentingan termasuk dengan cara mempermudah dasar-dasar yang sedia ada dan mempercepatkan proses-proses

yang berkaitan.

Dalam hal ini juga, Yang Berhormat menyokong usaha berterusan kerajaan menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini. Namun dalam masa yang sama, kerajaan juga, kata Yang Berhormat, wajar menilai semula dasar-dasar pelaburan yang ada bagi memacu penglibatan pelabur - pelabur tempatan. Inisiatif dan strategi yang kurang menunjukkan hasil positif perlu dikaji semula bagi mencari alternatif yang lebih proaktif dan berpaksikan pencapaian hasil.

Menyentuh dari aspek keselamatan, Yang Berhormat amat terharu dengan keprihatinan baginda mengenai musibah kemalangan yang mengorbankan dua penunggang basikal baru-baru ini.

"Dalam hal ini juga, *biskaola* ingin menarik perhatian semua kepada isu gangguan bekalan air yang berlaku sebelum ini akibat insiden tanah runtuh yang berpunca daripada fenomena perubahan iklim. Kejadian-kejadian ini mengingatkan kita tentang keperluan untuk sentiasa siap siaga menghadapi risiko yang tidak dijangka, serta pentingnya

melakukan penilaian semula secara kritikal terhadap semua prasarana utama negara".

Sehubungan itu, Yang Berhormat menegaskan meningkatkan prasarana dan kemudahan awam termasuk pengangkutan awam adalah satu keperluan yang mendesak bagi menjamin keselamatan, kelangsungan hidup dan kesejahteraan rakyat.

Malahan, integriti adalah asas kepada urus tadbir yang baik serta menjadi tonggak kestabilan dan kemajuan negara. Gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa akan menjejaskan kepercayaan rakyat serta melemahkan sistem pentadbiran negara sekiranya tidak dibanteras dengan tegas.

Oleh itu, proses-proses siasatan terhadap kes-kes berkaitan integriti tegas Yang Berhormat lagi, hendaklah dipercepat dan diperkukuh dengan peruntukan sumber-sumber yang bersesuaian, termasuk bagi kes-kes yang tertangguh untuk sekian lama. Ketegasan kerajaan dalam hal ini mencerminkan komitmen untuk memastikan pentadbiran negara kekal telus, berwibawa dan sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 13 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam menjunjung kasih dan berbesar hati atas pengiktirafan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap peranan MMN ini serta terhadap pendekatan sesi dialog dan

# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## KEPELBAGAIAN EKONOMI PERLU DIGERAKKAN DENGAN LEBIH AGRESIF

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 13 Mac. - Sesungguhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mencerminkan keprihatinan baginda yang berterusan terhadap kesejahteraan rakyat serta kemajuan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam (NBD).

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, juga Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong berucap demikian pada perbahasan Usul Menjunjung Kasih pada hari kedua Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22, MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masih yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjunjung tinggi penekanan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kepentingan memperkukuhkan kerjasama antara Ahli-ahli MMN dengan agensi-agensi kerajaan melalui sesi muzakarah dan perbincangan yang berterusan.

"Pendekatan ini amat penting bagi

memastikan wujudnya sikap keterbukaan, saling memahami serta kesediaan kedua-dua pihak untuk bersama-sama mengemaskinikan dasar-dasar yang berkaitan dengan kepentingan rakyat dan negara.

"Melalui pendekatan ini juga, ia menjadi landasan kepada kesefahaman yang lebih kukuh dalam menangani isu-isu strategik negara, khususnya perkara-perkara yang menjadi keutamaan rakyat," jelas Yang Berhormat.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat juga menjunjung perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap perkembangan situasi global yang semakin tidak menentu, termasuk konflik dan peperangan yang boleh memberi kesan kepada kestabilan ekonomi dunia. Ketidaktentuan ini secara tidak langsung boleh menjejaskan harga komoditi tenaga seperti minyak dan gas yang menjadi sumber utama ekonomi negara.

Sehubungan itu tambah Yang Berhormat lagi, usaha memperkukuhkan sumber ekonomi alternatif negara sewajarnya dilihat sebagai satu keperluan yang mendesak dan bukan lagi sekadar satu pilihan. Kepelebagaian ekonomi perlu digerakkan dengan lebih agresif melalui pembangunan sektor-sektor berpotensi seperti pertanian, pembuatan, industri kreatif serta industri hiliran

berasaskan sumber negara.

Bagi menjayakan usaha ini kata Yang Berhormat, pembangunan sumber tenaga manusia tempatan hendaklah diberikan keutamaan. Tenaga kerja tempatan perlu diperkasakan dengan kemahiran, kepakaran dan pengetahuan yang relevan supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih signifikan dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Menurut Yang Berhormat lagi, dasar-dasar ekonomi negara hendaklah sentiasa dikaji dan dikemaskinikan agar selari dengan perkembangan semasa. Pendekatan ini penting bagi merangsang aktiviti pemiagaan serta menggalakkan pelaburan yang berterusan.

Persekitaran ekonomi yang kondusif ujar Yang Berhormat, akan terus mengekalkan keyakinan para pelabur untuk melihat NBD sebagai sebuah negara yang selamat dan berpotensi untuk pelaburan, di samping mewujudkan persaingan yang sihat dalam kalangan peniaga tempatan agar terus berdaya maju.

"Selain itu, patik juga menjunjung titah baginda mengenai kepentingan mengamalkan budaya perbelanjaan negara secara berhemah. Inisiatif pembangunan yang mempunyai impak tinggi hendaklah menjadi keutamaan supaya setiap projek yang dilaksanakan benar-benar memberi manfaat yang berkesan kepada rakyat.

"Dalam hubungan ini, usaha meningkatkan produktiviti industri tempatan melalui penggunaan teknologi moden dalam penghasilan produk tempatan amatlah dialu-alukan. Produk yang dihasilkan oleh

anak-anak tempatan perlu diperkasakan agar mampu bersaing dengan produk dari negara luar," jelas Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, untuk merealisasikan matlamat ini, kerjasama yang erat antara pihak kerajaan dan sektor swasta perlu diperkukuhkan serta dilaksanakan secara telus dan berintegriti. Dalam pada itu, budaya rasuah dan amalan pilih kasih hendaklah dibanteras sehingga ke akar umbi agar sistem pentadbiran negara sentiasa berlandaskan prinsip integriti, ketelusan dan keadilan.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai kesejahteraan rakyat menjadi perhatian, iaitu isu infrastruktur jalan raya yang sering menjadi kebimbangan masyarakat. Keadaan jalan yang rosak, berlokap dan kurang disenggarakan bukan sahaja menjejaskan keselesaan pengguna jalan raya, bahkan turut meningkatkan risiko kemalangan. Perkara ini sewajarnya terus diberikan perhatian serius oleh pihak-pihak yang berkepentingan agar kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Selain itu, Yang Berhormat juga mengongsikan mengenai dengan isu gangguan bekalan elektrik dan air merupakan antara perkara yang sering disuarakan oleh rakyat. Keadaan ini lebih dirasai apabila gangguan berlaku pada waktu malam atau pada hari-hari cuti, iaitu ketika keluarga berkumpul dan berehat bersama.

"Adalah diharapkan agar isu-isu ini ditangani dengan lebih berkesan demi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara. Semua

usaha ini adalah selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu ke arah membentuk sebuah negara yang maju, berpendidikan tinggi serta mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi.

"Akhirnya, *kaola* dengan penuh takzim menyokong usul menjunjung kasih ini sebagai tanda penghargaan dan sokongan padu terhadap kepimpinan serta wawasan Kebawah DYMM. Sebagai rakyat yang setia, kita semua hendaklah terus berusaha meningkatkan keupayaan diri, memperkukuhkan komitmen serta memainkan peranan masing-masing dalam menyumbang kepada kemajuan negara.

"Sesungguhnya kejayaan sesebuah negara bukan hanya diukur melalui perancangan yang baik atau *blueprint* yang hebat, tetapi yang lebih penting ialah apabila segala perancangan tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya dan manfaatnya benar benar dapat dirasai oleh seluruh rakyat," ujar Yang Berhormat lagi.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, juga Ketua Kampung Sengkarai, Daerah Tutong.

## MMN wadah penting bahas isu negara, tambah baik dasar kerajaan



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas.

Perkara ini dibahaskan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas, semasa menyatakan sokongan terhadap usul yang dicadangkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 2026, bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Antara perkara yang boleh terus diperkukuh, jelas Yang Berhormat, ialah kegiatan ekonomi yang berasaskan kekuatan domestik, termasuk pengeluaran makanan, pertanian komersial serta perkembangan perusahaan tempatan.

Apabila asas ekonomi dalam negara menjadi lebih kukuh, negara akan lebih bersedia menghadapi perubahan dan ketidakpastian yang berlaku di peringkat global.

Dalam hubungan ini juga, perkembangan perusahaan tempatan katanya, mempunyai peranan yang amat penting.

Tambahnya lagi, usahawan dan syarikat tempatan boleh menjadi antara pemacu utama kepada kegiatan ekonomi negara sekiranya mereka terus diberi ruang untuk berkembang serta mengambil

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi,  
Hernie Suliana Haji Othman

bahagian dalam peluang-peluang ekonomi yang wujud.

Apabila lebih banyak kegiatan ekonomi digerakkan oleh kekuatan tempatan, manfaat pembangunan ekonomi akan dapat dirasai dengan lebih meluas oleh masyarakat.

Sementara itu, titah baginda mengenai keperluan untuk melaksanakan pembangunan negara secara lebih berkesan juga jelas Yang Berhormat, membawa makna bahawa keberhasilan sesuatu dasar tidak hanya bergantung kepada perancangan yang baik, tetapi juga kepada keupayaan untuk memastikan pelaksanaan berjalan dengan tersusun dan memberi hasil yang jelas.

Dalam hal ini, Yang Berhormat menyuarakan usaha memperkukuh penyelarasan antara agensi serta memastikan agar setiap inisiatif dilaksanakan dengan fokus yang jelas kepada hasil yang ingin dicapai boleh membantu memastikan bahawa manfaat pembangunan benar-benar sampai kepada rakyat.

"Berhubung dengan keselamatan jalan raya, *kaola* dengan penuh kesedaran mengambil maklum peristiwa musibah yang berlaku baru-baru ini yang mengingatkan bahawa keselamatan jalan raya perlu dilihat sebagai sebahagian daripada perancangan pembangunan negara dalam jangka panjang," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, infrastruktur jalan raya yang dirancang secara berpandangan jauh bukan sahaja memudahkan pergerakan kenderaan, tetapi juga memastikan ruang jalan raya dapat digunakan dengan selamat oleh semua pengguna termasuk penunggang basikal dan pejalan kaki.

Dengan mengambil kira keperluan ini, peringkat perancangan sistem jalan raya dapat berkembang secara lebih teratur, selamat dan sesuai dengan perubahan corak mobiliti masyarakat pada masa hadapan.

"Sebagai Ahli Mesyuarat Negara, *kaola* mengambil maklum sepenuhnya harapan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar dewan ini terus berperanan sebagai medan untuk menilai dengan teliti isu-isu yang memberi kesan kepada negara dan rakyat.

"Persidangan ini memberi peluang kepada Ahli-ahli MMN untuk menyumbangkan pandangan yang berpandukan kepada pengalaman, pemerhatian serta kefahaman terhadap keadaan semasa agar setiap perbahasan yang berlangsung dapat memberi nilai tambah kepada usaha kerajaan dalam memastikan kemajuan negara terus terpelihara dan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

"Sesungguhnya *kaola* akan terus berusaha memainkan peranan dengan sebaik-baiknya dalam menyokong segala usaha kerajaan bagi memastikan pembangunan negara berjalan secara seimbang, mampan, inklusif dan berintegriti selaras dengan aspirasi baginda agar Negara Brunei Darussalam terus aman, stabil makmur dan selamat untuk semua rakyat serta mencapai Wawasan Brunei 2035," kata Yang Berhormat.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

[www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

# DANA TERIMA SUMBANGAN DERMA



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**KATIMAHAR**, Khamis, 12 Mac. - Sempena bulan suci Ramadan, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad, Darussalam Holdings Sendirian Berhad dan TAIB Filling Station Sendirian Berhad petang

tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyerahan Sumbangan kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) yang berlangsung di Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Kampung Katimahar.



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas dan atas kiri).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Turut hadir adalah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Muhammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Timbalan Pengerusi Perbadanan TAIB; ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya; serta ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Perbadanan TAIB dan Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad.

Juga hadir sama para tetamu jemputan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Mohamed, Ketua Kampung Putat; Penghulu Mukim

Pekan Sengkurong; Ketua Kampung Lugu dan Kampung Katimahar; pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, di samping penduduk kampung di kawasan sekitarnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Awang Mohamad Kamal bin Mohaimin, diikuti dengan bacaan Takhtim Al-Quran yang dipimpin oleh Bilal Masjid berkenaan, Awang Azizan bin Haji Asmat.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan Doa Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Imam Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

Atur cara seterusnya menyaksikan penyampaian sumbangan kepada lima orang anak yatim dalam kalangan keluarga warga kerja Perbadanan

TAIB dan anak-anak syarikatnya, serta 34 orang anak yatim dari kawasan Kampung Lugu dan Kampung Katimahar.

Sumbangan tersebut telah disempurnakan penyampaiannya oleh tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Majlis juga menyaksikan penyampaian sumbangan derma kepada DANA.

Perbadanan TAIB telah menyumbangkan sebanyak BND150,000, manakala Insurans Islam General Takaful Sendirian Berhad, Insurans Islam Family Takaful Sendirian Berhad dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad masing-masing menyumbangkan sebanyak BND10,000.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Perbadanan TAIB, dan diterima oleh Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Mejar (B) Sopian bin Haji Mohammad Yassin.

Bagi memohon keberkatan majlis, acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh imam masjid berkenaan.

Majlis ini merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan yang diadakan oleh Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya bagi menyemarakkan bulan suci Ramadan di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, serta dengan penduduk kampung sekitarnya.



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Perbadanan TAIB semasa menyerahkan sumbangan kepada Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

## Majlis Sentuhan Kasih Ramadan santuni anak yatim Kementerian Pertahanan



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II bersama isteri semasa hadir pada Majlis Sentuhan Kasih Ramadan (atas dan kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**JERUDONG**, Khamis, 12 Mac. - Dalam menghayati nilai-nilai kerohanian serta keberkatan bulan suci Ramadan, Kementerian Pertahanan lewat petang tadi mengadakan Majlis Sentuhan Kasih Ramadan bagi menyantuni seramai 173 orang anak yatim dalam kalangan warga Kementerian Pertahanan.

Daripada jumlah tersebut, 115 orang merupakan anak yatim daripada keluarga warga tentera, manakala 58 orang lagi daripada keluarga warga awam.

Majlis berkenaan diadakan

secara serentak di Dewan Al-Barakah, Parkview Hotel, Jerudong sebagai tumpuan majlis, sementara majlis yang sama turut berlangsung di Dewan Nikmat, Penanjong Garison.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Parkview Hotel ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, bersama isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.



Turut hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, dan isteri; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, serta barisan kepimpinan kanan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Manakala di Penanjong Garison, sumbangan telah disampaikan oleh Timbalan Pemerintah ABDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim, dan isteri.

Turut hadir, Timbalan

Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Poh Kui Choon.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Japar.

Sejurus itu majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim, disusuli dengan acara bersungkaai.

Sumbangan tersebut diperoleh melalui Tabung Kebajikan ABDB, Tabung Infaq ABDB, Persatuan Kebajikan Isteri (BAKTI) ABDB, serta sumbangan daripada anggota dan warga Kementerian Pertahanan, di samping kutipan derma daripada surau-surau

ABDB.

Hasil kutipan derma yang berjaya dikumpulkan pada tahun ini berjumlah BND63,400.

Sumbangan tersebut diharap akan dapat membantu meringankan beban anak-anak yatim serta menceriakan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang.

Majlis tahunan Sentuhan Kasih Ramadan mencerminkan penghargaan berterusan Kementerian Pertahanan terhadap jasa dan pengorbanan warga yang telah kembali ke rahmatullah, di samping memperkukuh semangat kebersamaan dalam menjaga kebajikan keluarga yang ditinggalkan.

# Kementerian Pertahanan bertahlil di Kubah Makam Diraja



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (atas) hadir mengetuai rombongan Kementerian Pertahanan (kanan) pada Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Mac. - Kementerian Pertahanan petang tadi mengadakan Majlis Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda,

Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Majlis berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Hadir mengetuai rombongan Kementerian Pertahanan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, Ahli - ahli Jawatankuasa Eksekutif Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB),

serta pegawai-pegawai dan warga Kementerian Pertahanan.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Letenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar, diikuti dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis keagamaan tahunan berkenaan merupakan sebahagian daripada Program Ihya Ramadan Kementerian Pertahanan bagi mengimarahkan lagi bulan suci Ramadan yang penuh keberkatan, di samping pelbagai kegiatan keagamaan lain yang dilaksanakan sepanjang bulan berkenaan.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.pkk.gov.bn](http://www.pkk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

## MEMBUDAYAKAN AMALAN MEMBACA AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**JERUDONG**, Rabu, 11 Mac. - Sempena bulan Ramadan yang مبارak dan penuh keberkatan ini, Majlis Bertadarus Al-Quran giat diimarahkan di masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bagi menyemarakkan lagi suasana ibadah di bulan yang mulia ini.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Hal Ehwal Belia dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong pagi tadi mengendalikan Majlis Khatam Al-Quran Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara sempena Tadarus Al-Quran di

Bulan Ramadan Kali Ke-11 bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Seramai 300 orang dalam kalangan belia dan beliawanis masjid menyertai majlis berkenaan yang diadakan di masjid berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis berkenaan bertujuan bagi menyemai dan menyuntik semangat cintakan kitab suci Al-Quran dalam kalangan para belia dan beliawanis, di samping menggalakkan mereka untuk menjadikan pembacaan Al-Quran



**YANG** Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis di mana seramai 300 orang dalam kalangan belia dan beliawanis masjid menyertai majlis tersebut (atas dan kiri).

sebagai amalan seharian serta memperbanyakkan amalan ibadah dan kebajikan, khususnya dalam bulan Ramadan yang مبارak ini.

Majlis berkenaan juga dihasratkan dapat mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan ahli kumpulan belia dan beliawanis masjid di seluruh negara, sekali gus menyemarakkan masjid dengan pelbagai aktiviti keagamaan ke arah merealisasikan hasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Atur cara majlis diisi dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Dengan adanya pengendalian acara seumpama berkenaan diharapkan dapat membudayakan amalan membaca Al-Quran secara berterusan dalam kehidupan seharian, lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan yang مبارak dan penuh keberkatan berkenaan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; Penasihat AJK Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz; serta Penasihat AJK Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, Dato Paduka Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad.

# PENCEGAHAN, PENGESANAN AWAL MENGURANGKAN RISIKO PENYAKIT BUAH PINGGANG KRONIK

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac.** - Penyakit buah pinggang kronik atau Chronic Kidney Disease (CKD) merupakan antara cabaran utama kesihatan awam di peringkat global dan mencatat peningkatan yang ketara dari semasa ke semasa.

Dianggarkan hampir 10 peratus daripada penduduk dunia, iaitu melebihi 850 juta orang, terjejas akibat pelbagai jenis penyakit buah pinggang. Keadaan ini menjadikan CKD antara penyumbang utama kepada kematian di seluruh dunia.

Seiring dengan peningkatan jangka hayat penduduk serta pertambahan penyakit tidak berjangkit seperti diabetes dan tekanan darah tinggi, jumlah individu yang menghidap CKD dijangka akan terus meningkat.

Perkara demikian dikongsi oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, dalam perutusan sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2026 (World Kidney Day-WKD 2026), dengan tema 'Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua : Menjaga Manusia, Melindungi Bumi' (Kidney Health for All : Caring for People, Protecting the Planet).

Jelas Yang Berhormat lagi, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization - WHO), melalui Perhimpunan Kesihatan Sedunia Ke-78, telah mengiktiraf penyakit buah pinggang sebagai satu keutamaan kesihatan global. Pengiktirafan berkenaan menegaskan bahawa tindakan segera dan kerjasama yang bersepadu di peringkat antarabangsa serta kebangsaan amat diperlukan bagi menangani peningkatan kes penyakit ini.

Penyakit CKD tambah Yang Berhormat ialah keadaan jangka panjang dengan fungsi buah pinggang semakin merosot secara beransur-ansur. Pada peringkat awal, penyakit berkenaan sering berlaku secara senyap tanpa gejala yang jelas, menyebabkan ramai individu tidak menyedari bahawa mereka menghidapnya.

"Jika tidak dikesan atau dirawat, CKD boleh berkembang kepada Penyakit Buah Pinggang Tahap Akhir (End-Stage Kidney Disease, ESKD), iaitu tahap paling serius apabila buah pinggang tidak lagi mampu menjalankan fungsi

penting bagi menyokong keperluan badan.

"Pada tahap ini, rawatan seperti dialisis atau pemindahan buah pinggang diperlukan untuk membolehkan pesakit meneruskan kehidupan dengan baik.

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD), CKD telah menjadi cabaran kesihatan awam yang serius dan semakin meningkat, dengan kadar Penyakit Buah Pinggang Tahap Akhir (ESKD) antara yang tertinggi di dunia," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga mengongsikan data daripada Brunei Dialysis and Transplant Registry (BDTR), seramai 1,163 individu direkodkan menghidap ESKD pada 2025, iaitu peningkatan sebanyak 7 peratus berbanding 2024.

Trend berkenaan jelas Yang Berhormat lagi, bukan sahaja menunjukkan peningkatan kes kegagalan buah pinggang, malah turut menekankan bilangan penduduk yang terjejas dari segi kesihatan dan kualiti hidup.

Pada tahun ini kata Yang Berhormat, WKD disambut pada 12 Mac 2026 dengan tema 'Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua : Menjaga Manusia, Melindungi Bumi'.

Caring for People terang Yang Berhormat lagi, menekankan kepentingan pencegahan, pengesanan awal, dan pengurusan CKD yang berkesan, terutamanya bagi kumpulan berisiko tinggi seperti pesakit diabetes dan hipertensi. Intervensi awal dapat mengurangkan risiko penyakit berkenaan berkembang kepada kegagalan buah pinggang serta meningkatkan peluang pesakit untuk terus hidup lebih lama.

"Protecting the Planet pula menekankan bahawa penjagaan pesakit dengan ESKD memerlukan penggunaan sumber yang besar. Rawatan hemodialisis merupakan rawatan yang menyelamatkan nyawa bagi pesakit ESKD.

"Walau bagaimanapun, rawatan ini juga antara yang paling intensif dari segi penggunaan sumber dalam sistem kesihatan moden. Satu sesi hemodialisis memerlukan jumlah air terawat yang banyak, penggunaan elektrik yang tinggi, dan pelbagai bahan pakai buang seperti alat dialisis, tiub, serta peralatan perlindungan.

"Dengan bertambahnya

bilangan pesakit yang memerlukan dialisis jangka panjang di NBD, keperluan untuk memastikan penjagaan buah pinggang yang lestari menjadi satu cabaran utama," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat selanjutnya berkata, selaras dengan tema tahun ini, Sambutan WKD 2026 di NBD memberi penekanan kepada pencegahan dan pengesanan awal sebagai asas kepada penjagaan buah pinggang yang mampan.

Kementerian Kesihatan kata Yang Berhormat, terus memperkukuh strategi menyeluruh yang merangkumi saringan berasaskan risiko, kerjasama erat dengan penjagaan kesihatan asas, serta akses tepat pada masanya kepada ubat-ubatan penting yang terbukti berkesan.

Selaras dengan konsep 'Protecting the Planet', Yang Berhormat menjelaskan Kementerian Kesihatan komited untuk memperkukuh amalan penjagaan kesihatan buah pinggang yang berkualiti dengan secara bertanggungjawab, termasuk menggalakkan rawatan di rumah, khususnya dialisis *peritoneal*, bagi memastikan kesihatan pesakit terjaga sambil menggunakan sumber negara dengan lebih cekap, sekali gus menyumbang kepada perlindungan alam sekitar.

Rawatan buah pinggang di rumah tambah Yang Berhormat lagi, menawarkan kelebihan alam sekitar yang penting berbanding rawatan di pusat dialisis. Pendekatan berkenaan bukan sahaja memperkasa pesakit, malah turut menyumbang kepada sistem penjagaan kesihatan jangka panjang yang berterusan dan lestari.

Terang Yang Berhormat lagi, antara kelebihannya ialah mengurangkan pelepasan karbon daripada perjalanan kerap ke pusat dialisis; mengurangkan beban terhadap infrastruktur pusat dialisis, mengoptimalkan penggunaan sumber di pusat dialisis, dan menggalakkan pesakit lebih berdaya serta meningkatkan kualiti hidup.

Selain itu, Yang Berhormat turut menjelaskan pemindahan buah pinggang kekal sebagai rawatan jangka panjang yang paling berkesan dan mampan bagi pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang. Berbanding dialisis berterusan, pemindahan



**KESIHATAN BUAH PINGGANG UNTUK SEMUA**

**Menjaga Manusia, Melindungi Bumi**



[worldkidneyday.org](http://worldkidneyday.org)

buah pinggang mengurangkan penggunaan sumber kesihatan dalam jangka panjang dan meningkatkan kadar kelangsungan hidup serta kualiti hidup pesakit.

Dalam pada itu kata Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan akan terus memperkukuh laluan rujukan untuk penilaian pemindahan buah pinggang, memastikan prosedur pemindahan buah pinggang setiap tahun, secara tempatan dan serantau, mencapai sasaran prestasi yang ditetapkan; memperkukuh kerjasama dengan pusat pemindahan di peringkat serantau, menggalakkan kesedaran awam mengenai pendermaan organ, dan menyokong pemantauan dan penjagaan jangka panjang selepas pemindahan.

"Beban penyakit buah pinggang yang semakin meningkat memerlukan tanggungjawab bersama serta tindakan bersepadu

di peringkat negara. Melalui kerjasama antara penyedia penjagaan kesihatan, komuniti dan setiap individu, kita dapat mengurangkan kegagalan buah pinggang yang boleh dicegah, melindungi sumber penjagaan kesihatan negara, serta memelihara kesejahteraan generasi akan datang.

"Oleh itu, ambillah peluang untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan mengetahui status kesihatan masing-masing. Pencegahan dan pengesanan awal hanya akan berjaya dengan kesedaran serta kerjasama semua pihak, iaitu anggota kesihatan, pesakit, keluarga dan masyarakat.

"Marilah kita bersama-sama mengambil langkah menjaga kesihatan demi masa depan yang lebih sihat dan sejahtera, selaras dengan visi negara 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

## Tingkatkan kefahaman sejarah penurunan Al-Quran

■ **Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**  
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Mac.** - Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya kelolaan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dengan tema 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya' telah diadakan di Dewan Serbaguna, KHEDN, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Guru Ugama di JBP, Awang Haji Shamsuri bin Haji Tuah, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran

oleh Ahli Bomba Kelas Satu 1026 Amin bin Zainuddin dan seterusnya tafsiran oleh Ahli Bomba Kelas Satu 769 Shaikh Tamamulqamar bin Shaikh Mahmud.

Acara kemudian diteruskan dengan ceramah bertajuk 'Pesan-pesan Ramadan dan Nuzul Al-Quran' yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mengenai sejarah penurunan Al-Quran serta pengajaran yang dapat diambil dan diamalkan di sebalik hikmah turunnya kalam Allah Subhanahu Wata'ala.

Ceramah berkenaan disampaikan oleh penceramah jemputan, iaitu Penolong Kanan Profesor, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Mikdar Rusdi.

Hadir sama pada majlis



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya.**

berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta

pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya, dan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.

Majlis diakhiri dengan bacaan

Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Ketua Guru Ugama di JBP, Awang Haji Shamsuri.

# HENGYI INDUSTRIES ADAKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada para penerima (atas dan kanan). Sementara gambar bawah kanan, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan ayat-ayat suci Al-Quran.

## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sendirian Berhad

**KIULAP**, Khamis, 12 Mac. - Dalam menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, Hengyi Industries Sendirian Berhad (Hengyi Industries) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan penyampaian sumbangan kepada keluarga yang memerlukan yang diadakan di J Hotel, Kampung Kiulap.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Seramai 62 kakitangan Hengyi Industries menyertai Majlis Khatam Al-Quran.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan majlis tersebut dipimpin oleh Ketua Pembantu Bomba Hengyi Industries, Awang Mohd. Hardie bin Haji Minudin diikuti dengan bacaan Takhtim yang dipimpin oleh anggota bomba Hengyi Industries, Awang Mohammed Kamarul Zaman bin Awang Abas, manakala Dikir dipimpin oleh anggota bomba Hengyi Industries, Awang Mohd. Izuan bin Marali.

Sejurus selesai Majlis Khatam Al-Quran, acara diteruskan dengan penyampaian sumbangan yang berjumlah BND8,100 kepada 12 keluarga kurang

bernasib baik dan sembilan anak yatim dari Kampung Perpindahan Serasa. Acara tersebut kemudiannya diakhiri dengan majlis berbuka puasa bersama para penerima dan tetamu jemputan.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; dan Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun.

Program sumbangan Ramadan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab



Sosial Korporat 'Hengyi Cares', mereka, dan diharapkan dapat dengan sumbangan tersebut membantu meringankan beban kewangan mereka, dan diharapkan dapat menceriakan lagi sambutan Hari Raya Aidilfitri mereka yang akan datang.



## Iktiraf peranan wanita dalam keluarga, masyarakat



Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**JERUDONG**, Khamis, 12 Mac. - Sambutan Hari Wanita Antarabangsa merupakan platform penting untuk mengiktiraf sumbangan serta pencapaian wanita dalam pelbagai bidang pembangunan negara.

Tema tahun ini, 'Melindungi, Mengupayakan dan Memperkasa: Kemajuan Wanita dalam Masyarakat', mencerminkan komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam memperkukuh perlindungan, kesejahteraan serta peluang pembangunan bagi wanita dan gadis.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Pemangku Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM),

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, pada Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2026 bertempat di Dar Al-Intishar, Kompleks Sukan Jerudong.

Berucap selaku Pengerusi Majlis, Dayang Fauziah seterusnya menyentuh mengenai dapatan 'Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita' di NBD yang menunjukkan kemajuan memberangsangkan dalam penyertaan wanita dalam pendidikan dan tenaga kerja.

Di samping itu, beliau turut menekankan kepentingan memperkukuh sokongan kepada wanita bekerja serta mengiktiraf peranan wanita dalam keluarga

**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2026 yang diadakan di Dar Al-Intishar, Kompleks Sukan Jerudong (kiri dan bawah kanan).

dan masyarakat.

Beliau juga menyatakan bahawa dapatan penyelidikan tersebut akan menjadi asas kepada penggubalan Pelan Tindakan Wanita 2026-2030 bagi terus memperkasa peranan wanita dalam keluarga, komuniti dan pembangunan negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah JAPEM.

Acara kemudian diteruskan dengan pelancaran penerbitan 'Buku Ringkasan Eksekutif Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita di NBD' yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis turut menyaksikan penyerahan Buku Ringkasan Eksekutif kepada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) dan Centre for Strategic and Policy Studies sebagai rujukan dalam usaha memperkukuhkan

inisiatif dan program pembangunan wanita di negara ini.

Buku Ringkasan Eksekutif Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita di NBD yang dilancarkan dalam majlis ini boleh diakses oleh orang ramai dalam bentuk salinan digital melalui laman sesawang rasmi KKBS sebagai sumber rujukan dalam usaha memperkukuh inisiatif pembangunan wanita di negara ini.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran sempena Hari Wanita Antarabangsa serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD yang dibacakan oleh Ketua Guru Ugama, JAPEM, Awang Mohammad Shahrin bin Sulaiman.

Hari Wanita Antarabangsa disambut pada 8 Mac setiap tahun

merupakan satu detik penting dalam mengiktiraf sumbangan serta pencapaian wanita di seluruh dunia.

Tahun 2026 menandakan kali ke-13 NBD meraikan sambutan ini.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee; Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Hadir sama ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, MKIS, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta jemputan-jemputan khas.



# MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN, SALING BANTU-MEMBANTU

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Awang Haji E'rifin Haji Mohd. Yusof



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Sumbangan Derma berkenaan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim yang diraikan. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Lumapas, selaku Pengerusi Majlis (kiri dan kanan).

**LUMAPAS**, Rabu, 11 Mac. - Dalam usaha menyantuni serta menceriakan anak-anak yatim, satu Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada anak-anak yatim Mukim Lumapas telah diadakan bagi membantu serta memberi kegembiraan kepada mereka, khususnya sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan yang berlangsung di Masjid Kampung Putat, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri

Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, juga Penghulu Mukim Lumapas, Daerah Brunei dan Muara, selaku Pengerusi Majlis.

Majlis dimulakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim oleh tetamu kehormat majlis dan disusuli dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Bilal Masjid Kampung Putat, Awang Affendi bin Haji Taha.

Manakala, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Ketua Imam Masjid Kampung Putat, Awang Md. Ahmad Hasyer bin Haji Samry.

Sumbangan yang disampaikan merupakan hasil kutipan derma daripada orang ramai serta sumbangan daripada individu-individu dan pihak yang prihatin terhadap kebajikan masyarakat.

Melalui sumbangan berkenaan, para penerima diharap dapat merasakan sedikit keceriaan serta bantuan dalam menjalani

kehidupan seharian, khususnya dalam menyambut bulan Ramadan.

Selain sebagai usaha untuk meringankan beban anak-anak yatim dan keluarga mereka, majlis berkenaan juga menjadi platform untuk mengeratkan lagi silaturahim serta memupuk semangat perpaduan dan saling bantu-membantu dalam kalangan masyarakat Mukim Lumapas.

Pihak penganjur turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penyumbang

yang telah bermurah hati menghulurkan sumbangan bagi menjayakan majlis berkenaan. Semoga segala sumbangan yang diberikan akan mendapat ganjaran serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis seumpama berkenaan diharap akan terus diadakan pada masa akan datang sebagai usaha berterusan dalam memupuk budaya prihatin serta menggalakkan masyarakat untuk terus berganding bahu membantu golongan yang memerlukan.

## HALUAN

>> Muka 2

Seterusnya, kaola / saya ingin mengongsikan beberapa pencapaian pelajar di sepanjang tahun 2025, khususnya dalam bidang teknologi dan inovasi serta keusahawanan sama ada di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa : Anugerah CIPTA (Creative, Innovative Product and Technology Advancement) Duli Pengiran Muda Mahkota Tahun 2025 telah disertai oleh 16 pasukan pelajar bagi Local Category 3, dan 21 pasukan pelajar bagi Smart Junior Category. Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) dan Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait telah berjaya meraih 'Gold Medal and Sustainable Energy Award' bagi setiap kategori, Anugerah Brunei ICT Award (BICTA) mencatat jumlah penyertaan pasukan pelajar yang tinggi dengan keseluruhan 88 penyertaan iaitu 50 penyertaan bagi Kategori Sekolah Rendah, 46 penyertaan bagi Kategori Sekolah Menengah, dan 18 penyertaan bagi Kategori Pengajian Tinggi, enam pasukan yang memenangi Anugerah BICTA 2025 telah mewakili NBD di pertandingan Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) yang dianjurkan oleh Taipei Computer Association (TCA) berlangsung pada Disember lalu. Produk DualFarm AI yang dihasilkan oleh pelajar MSPSBS dalam kategori Senior Student telah berjaya dinobatkan sebagai pemenang.

Sementara dua Anugerah Merit pula masing-masing dimenangi oleh Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49 melalui produk The Bright Buddies 49 dalam Kategori Junior Student, serta Universiti Teknologi Brunei (UTB) menerusi produk PsychoBoard dalam Kategori Tertiary School. Dalam Pertandingan Celik-Biz bagi sekolah-sekolah rendah dan Pertandingan BigStart 2025 bagi sekolah-sekolah menengah yang dianjurkan oleh Pusat Keusahawanan dan Inovasi (EIC) juga turut memperlihatkan peningkatan dari segi penyertaan pelajar.

Sementara itu, Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan, IBTE telah mengharumkan nama negara apabila dianugerahkan 'Best of Nation' dalam Pertandingan WorldSkills Asia 2025 di Taipei. Pada masa yang sama, seorang pelajar IBTE turut meraih dua pengiktirafan berprestij, iaitu 'Medallion of Excellence' dan 'Best of Nation Award' pada WorldSkills ASEAN 2025 yang berlangsung di Manila, Republik Filipina.

Selain itu, Institusi-institusi Pendidikan Tinggi juga telah mencapai pelbagai kejayaan yang membanggakan, antaranya : Tahun 2025 menandakan Ulang Tahun Ke-40 penubuhan Universiti Brunei Darussalam (UBD). Seiring dengan perjalanannya sebagai Institusi Pendidikan Tinggi unggul negara, UBD telah memperkenalkan kurikulum baharu dinamakan 'GenBESTARI'

yang akan bermula pada Sesi Pengajian 2026/2027. GenBESTARI menitikberatkan keseimbangan antara kecemerlangan akademik dan pembangunan kemahiran insan (*soft skills*), dalam usaha melahirkan graduan yang serba boleh dan bersedia menghadapi cabaran, UBD turut melangkah ke hadapan dengan penubuhan 'UBD Sustainability Living Lab', sebuah platform inovatif dan strategik yang bertujuan menangani pelbagai cabaran masyarakat dan industri.

Alhamdulillah, UBD telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam THE World University Rankings 2026, dari kedudukan 501-600 tahun lalu ke kedudukan 351-400. UBD juga merupakan antara tujuh universiti terbaik di Asia Tenggara, dengan pencapaian cemerlang dalam kualiti penyelidikan, menunjukkan komitmen tinggi dalam kajian merentas bidang seperti AI, genomik dan tenaga, Seiring dengan kemajuan penyelidikan. Universiti Teknologi Brunei (UTB) turut sama menekankan kepentingan jalinan kerjasama dengan pihak industri dalam bidang penyelidikan dan inovasi, antaranya melalui pelaksanaan projek Solar Farm dan projek Kenderaan Elektrik (EV) dalam kampus. Langkah ini bukan sahaja menyokong agenda hijau negara, bahkan menjadikan UTB sebagai model universiti berorientasikan teknologi lestari.

Alhamdulillah, UTB juga telah membuat penampilan sulung dalam kedudukan Times Higher Education World University Rankings 2025. Sementara itu, kedudukan terkini dalam 'QS World University Ranking 2026' menunjukkan bahawa UTB kini berada pada tangga Ke-9 di kalangan Universiti Kejuruteraan dan Teknologi di ASEAN.

Pencapaian Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menunjukkan peningkatan dalam The World University Rankings for Innovation (WURI) pada kedudukan 201, berserta top 3 dalam kategori Technology Development and Application, dan top 19 dalam kategori Environmental, Social and Governance (ESG) trend. UNISSA juga terus menerajui penyelidikan dalam bidang autentikasi halal dan sains makanan. InsyaaAllah, penerapan teknologi pengesanan halal serta kajian ke arah piawai halal serantau dijangka akan memberi impak positif terhadap sistem jaminan halal, bukan sahaja di NBD tetapi juga di peringkat global.

Selain itu, beberapa orang guru dan ahli akademik tempatan turut menerima pengiktirafan di peringkat serantau dan antarabangsa, antaranya termasuk : Pertama penganugerahan Princess Maha Chakri Award; Kedua pelantikan sebagai Mentor ASEAN-Europe dalam program Asia-Europe Foundation (ASEF) Classroom Network, di samping


kejayaan meraih Jade Award di ASEF Classroom Network Conference; dan Ketiga penganugerahan UL Research Institutes' ASEAN-U.S. Science Prize for Women 2025 bagi Senior Scientist Category kepada seorang Senior Assistant Professor.

Kesemua pencapaian ini mencerminkan tahap profesionalisme, kepakaran serta sumbangan warga pendidik dan akademik negara yang semakin diiktiraf di peringkat antarabangsa. Keseluruhan pencapaian dan kejayaan ini jelas mencerminkan usaha gigih serta dedikasi berterusan warga Kementerian Pendidikan, khususnya para pendidik yang menjadi pemangkin utama kejayaan sistem pendidikan negara. Pencapaian ini juga membuktikan bahawa sistem pendidikan negara berada di landasan yang tepat dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Demikianlah yang dapat kaola / saya kongsi buat masa ini. Kaola / saya amat menghargai segala pandangan dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sama-sama memperkukuhkan serta meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negara ini.

Sekian sahaja. *Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# BDCB ADAKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN



**KILANAS**, Khamis, 12 Mac. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran berlangsung di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit,

Jalan Bebatik Kilanas, hari ini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB semasa hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri dan bawah kiri).

Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB.

Juga hadir, Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, Pengarah Urusan dan Pengurusan Eksekutif BDCB serta para pegawai dan kakitangan BDCB dan Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF).

Setelah menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Majlis Khatam diteruskan dan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran bermula dari Surah Ad-Dhuha.

Majlis disusuli dengan bacaan Tahliil, Takhtim dan seterusnya penyampaian sumbangan derma kepada para penerima yang memerlukan termasuk anak-anak yatim.

Adapun acara keagamaan ini merupakan aktiviti tahunan dalam menyambut dan menyemarakkan lagi Ramadan Al-Mubarak sebagai usaha murni mencerminkan

**Oleh :** Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
**Foto :** Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

komitmen BDCB dalam menyokong masyarakat serta menggalakkan kesejahteraan sosial. Melalui inisiatif itu juga, BDCB berharap dapat memberikan sokongan yang bermakna,

khususnya kepada mereka yang kurang berkemampuan sekali gus meringankan bebanan dalam menyambut hari kemenangan umat Islam iaitu Aidilfitri yang akan menjelma nanti.

## Majlis Khatam Al-Quran semarakkan Ramadan

**Oleh :** Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
**Foto :** Mohamad Azmi Haji Awang Damit

**BELAIT**, Rabu, 11 Mac. - Bersempena dengan bulan suci Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi, Royal Brunei Airlines (RB) telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Wakaf RB berlangsung di Masjid Zainab, Lumut, Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pengerusi RB.

Turut hadir, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus selaku Timbalan Pengerusi RB; Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kolonel Dayang Norsuriati binti Haji Sharbini serta Pegawai Hal Ehwal Masjid bagi Daerah Belait, Awang Mohd. Didi Normaday bin Haji Mohd. Yusof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha dan Takhtim oleh pegawai dan kakitangan RB.

Seterusnya majlis disusuli dengan bacaan Doa Khatam yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Operasi RB, Awang Haji Badaruddin Haji Bagol, manakala Doa Kesyukuran dibacakan oleh Imam Masjid Zainab, Awang Soffian bin Bidin.

Pada majlis itu turut menyaksikan penyampaian sumbangan wakaf RB kepada Masjid Zainab oleh tetamu kehormat yang kemudian menyerahkan kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Didi Normaday bin Haji Mohd. Yusof, bagi pihak Masjid Zainab.

Pada tahun ini, RB menyampaikan beberapa barangan wakaf iaitu Televisyen (TV) 75 inci berserta kaki TV; TV 65 inci berserta pemasangan dinding dan pembesar suara mudah alih.

Kira-kira 80 pegawai dan kakitangan RB bersama penduduk Kampung Lumut dan Kampung Sungai Liang telah menghadiri majlis tersebut. Majlis diakhiri dengan Majlis Bersungkaik bersama para jemaah masjid serta menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Royal Brunei Airlines (RB) hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan wakaf RB kepada Masjid Zainab (atas dan bawah).



## Kementerian Pembangunan adakan Majlis Nuzul Al-Quran, penyampaian derma



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim yang diraikan.

**Siaran Akhbar dan Foto :** Kementerian Pembangunan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Mac. - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Nuzul Al-Quran bagi Tahun 1447 Hijrah dan penyampaian Derma Anak-anak Yatim di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Industri dan Pembinaan), Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohammad Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Dayang Aldila

binti Haji Mohamad Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Awang Haji Shahrudin Khairul bin Haji Anuar serta ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah

Al-Hasyr, ayat 18 hingga 24 oleh Awang Abdul Halim bin Haji Jainih@Haji Zaini daripada Pejabat Tanah Daerah Temburong, diikuti dengan bacaan terjemahannya oleh Awang Khairulakmal Hafizi bin Moharor daripada Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara.

Kemudian diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim seramai 87 orang yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis. Majlis yang diadakan bertujuan untuk menyemarakkan lagi majlis sempena Nuzul Al-Quran bagi Kementerian Pembangunan.

Di samping itu, majlis juga diharap akan menyemai semangat keprihatinan dan kasih sayang dalam kalangan masyarakat khususnya kepada anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

Melalui bacaan ayat suci Al-Quran serta penyampaian derma kepada anak-anak yatim, acara ini diharap dapat memperkukuh nilai ukhuwah, meningkatkan ketakwaan serta mengingatkan kita semua tentang tanggungjawab untuk terus beramal dan berbakti sesama insan terutama di bulan Ramadan.



**BACAAN** ayat-ayat suci Al-Quran dibacakan oleh kakitangan daripada Pejabat Tanah Daerah Temburong, dan bacaan terjemahannya oleh kakitangan daripada Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara.

# Program Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Sempena Bulan Ramadan 1447H/2026M

## Daerah Brunei dan Muara



**YANG** Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, mengetuai rombongan bagi Daerah Brunei dan Muara (atas dan atas kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Mac. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hari ini menyampaikan sumbangan kewangan berjumlah BND154,900 berserta makanan asasi, kuih raya dan minuman ringan kepada 150 keluarga yang terdiri daripada warga emas serta golongan yang memerlukan di seluruh negara melalui Program Ihsan YSHHB sempena bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Melalui program ihsan berkenaan, YSHHB juga

menyumbangkan peralatan keperluan pesakit, khususnya bagi warga emas, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menyantuni golongan yang memerlukan.

Pada masa yang sama, YSHHB juga memberikan sumbangan peralatan kepada beberapa individu yang dikenal pasti bagi menyokong usaha mereka menjana pendapatan keluarga.

Sehubungan dengan itu, sebanyak lima buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran

rumah di beberapa buah kampung di Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Belait turut menerima sumbangan kewangan berjumlah keseluruhan BND9,800 sempena program ihsan berkenaan.

Penyampaian sumbangan melalui Program Ihsan YSHHB telah dikendalikan di beberapa buah kampung di keempat-empat buah daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM), rombongan dan penyampaian sumbangan diketuai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Turut hadir, Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Penyerahan bagi DBM dimulakan dengan mengunjungi kediaman Dayang Piah binti Md. Zain di Kampung Pancha Delima, diikuti dengan penyerahan di kediaman Pengiran Seri Rama bin Pengiran Seri Damit, dan seterusnya Dayang Nirodasimah binti Haji Mumin di Kampung Sungai Akar.

Rombongan kemudian menuju ke kediaman mangsa-mangsa kebakaran, iaitu Awang Chibrauw @ Muhammad Asy-Syarqawi bin Mohamad Said di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Tanah Jambu, dan Awang Ladis bin Haji Jaffar di RPN Meragang.

Rombongan kemudian mengunjungi kediaman penerima seterusnya, iaitu Dayang Chee binti Jemat bertempat di Kampung Kapok.



Selaras dengan hasrat murni penubuhannya, YSHHB sebagai wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli kerabat baginda, dalam sentiasa memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Sumbangan menerusi Program Ihsan YSHHB berkenaan diharapkan dapat membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga dalam menyediakan keperluan sepanjang bulan Ramadan.

Dengan adanya bantuan berkenaan, para penerima diharapkan dapat menjalani ibadah puasa dengan lebih sempurna serta merasai kegembiraan dalam

menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Selaras dengan matlamat strategik YSHHB dalam memperkukuh pemedulian terhadap kebajikan golongan yang memerlukan, program berkenaan dilaksanakan pada setiap bulan Ramadan dengan menyasarkan warga emas serta keluarga yang memerlukan bantuan di seluruh negara.

Para penerima dikenal pasti melalui kerjasama dengan YSHHB, Jabatan-jabatan Daerah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama; serta Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program yang mula dilaksanakan sejak 2019 berkenaan telah membantu seramai 1,195 buah keluarga di seluruh negara.



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**TUTONG**, Rabu, 11 Mac. - Bagi memberikan keceriaan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah mengendalikan Program Ihsan YSHHB di beberapa buah kampung di keempat-empat daerah, hari ini.

YSHHB telah menyampaikan sumbangan kewangan yang keseluruhannya berjumlah BND154,900, beserta sumbangan berupa makanan asasi, kuih raya, minuman ringan dan sebahagian keperluan perubatan diserahkan kepada sebanyak 150 buah keluarga terdiri daripada warga emas dan golongan yang memerlukan bantuan di seluruh negara melalui Program Ihsan YSHHB sempena bulan Ramadan 1447 Hijrah bersamaan 2026

Masihi tahun ini.

Melalui Program Ihsan ini, YSHHB juga menyumbangkan peralatan keperluan pesakit, khususnya bagi warga emas, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menyantuni golongan yang memerlukan.

Bagi Daerah Tutong, penyampaian sumbangan diketuai oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Sumbangan melalui Program Ihsan YSHHB ini bertujuan bagi membantu meringankan keperluan perbelanjaan dalam menyediakan keperluan keluarga di bulan

Ramadan supaya mereka dapat menjalankan ibadah puasa dengan sempurna dan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.

Para penerima dikenal pasti melalui kerjasama dengan YSHHB, Jabatan-jabatan Daerah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program yang mula dilaksanakan sejak tahun 2019 ini telah membantu seramai 1,195 keluarga di seluruh negara.

Pelita Brunei telah menemu bual salah seorang penerima bantuan, Awang Suhef bin Haji Bujang dari Kampung Telisai menjelaskan, beliau merasa amat bersyukur dengan adanya sumbangan Ihsan dari YSHHB sempena bulan Ramadan dan Hari Raya yang akan menjelang.

Manakala bagi Awang Mohd. Jamil bin Tassan dari Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Telisai berkata mereka sekeluarga berasa syukur dengan adanya sumbangan dari pihak YSHHB. Beliau ingin merakamkan ucapan terima kasih dengan adanya sumbangan yang begitu bermakna bagi mereka untuk menggunakan sebaik mungkin.

"Saya akan berusaha untuk menggunakan sumbangan ini untuk membuka usaha kecil-kecilan seperti berniaga setiap Khamis dengan adanya sedikit modal maka saya akan berusaha sebaik mungkin untuk menjamin masa hadapan," jelasnya.

## Daerah Tutong



**YANG** Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) Jabatan Perdana Menteri, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB mengetuai rombongan bagi Daerah Tutong (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, Awang Mohd. Jamil bin Tassan dan Awang Suhef bin Haji Bujang semasa ditemu bual.



# Program Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Sempena Bulan Ramadan 1447H/2026M

## Daerah Temburong



**YANG** Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB semasa mengetuai rombongan Daerah Temburong.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**TEMBURONG**, Rabu, 11 Mac. – Sumbangan kewangan yang keseluruhannya berjumlah BND154,900 berserta sumbangan berupa makanan asasi, kuih raya dan minuman ringan disampaikan kepada 150 keluarga yang terdiri daripada warga emas serta golongan yang memerlukan di seluruh negara. Sumbangan berkenaan disalurkan melalui Program Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sempena bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Penyampaian sumbangan melalui Program Ihsan YSHHB telah dikendalikan di beberapa buah kampung di keempat-empat daerah.

Di Daerah Temburong, sumbangan berkenaan telah disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamida selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Semasa program berkenaan, Pelita Brunei telah menemu bual salah seorang penerima, iaitu Dayang Zuriwani binti Bakar yang mengongsikan, dengan menerima sumbangan berkenaan ia boleh meringankan dan membantu beliau dan anak-anak dalam menyambut Hari Raya tahun ini.

Menurutnya, dengan sumbangan berkenaan juga, ia boleh membeli baju Hari Raya untuk anak-anak.

"Harapan saya, raya tahun ini lebih bermakna bagi kami sekeluarga. Saya dan anak-anak ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak YSHHB kerana memberi sumbangan kepada saya dan anak-anak," ujarnya lagi.

Melalui Program Ihsan berkenaan, YSHHB juga menyumbangkan peralatan keperluan pesakit, khususnya bagi warga emas, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk

menyantuni golongan yang memerlukan.

Pada masa yang sama, YSHHB juga memberikan sumbangan peralatan kepada beberapa individu yang dikenal pasti bagi menyokong usaha mereka dalam menjana pendapatan keluarga.

Sumbangan menerusi Program Ihsan YSHHB berkenaan diharapkan dapat membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga dalam menyediakan keperluan sepanjang bulan Ramadan.

Dengan adanya bantuan berkenaan, para penerima dapat menjalani ibadah puasa dengan lebih sempurna serta merasai kegembiraan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Selaras dengan matlamat strategik YSHHB dalam memperkukuh pemedulian terhadap kebajikan golongan yang memerlukan, program ihsan berkenaan dilaksanakan pada setiap bulan Ramadan dengan menasaskan warga emas serta keluarga yang memerlukan bantuan di seluruh negara.

Para penerima dikenal pasti melalui kerjasama dengan YSHHB,

Jabatan-jabatan Daerah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama; serta Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program yang mula dilaksanakan sejak 2019 berkenaan telah membantu seramai 1,195 keluarga di seluruh negara.

YSHHB adalah sebagai wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda dalam sentiasa memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.



**DAYANG** Zuriwani binti Bakar semasa ditemu bual.



**YANG** Berhormat Peguam Negara selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB semasa menyampaikan sumbangan kepada para penerima (atas dan kanan).

**BELAIT**, Rabu, 11 Mac. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sebagai wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda sentiasa memberikan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, pada hari ini, YSHHB telah menyampaikan sumbangan kewangan yang keseluruhannya berjumlah BND154,900 berserta sumbangan berupa makanan asasi, kuih raya dan minuman ringan kepada 150 keluarga yang terdiri daripada

warga emas serta golongan yang memerlukan di seluruh negara.

Sumbangan berkenaan disalurkan melalui Program Ihsan YSHHB sempena bulan Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Melalui Program Ihsan ini, YSHHB juga menyumbangkan peralatan keperluan pesakit, khususnya bagi warga emas, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menyantuni golongan yang memerlukan.

Dalam masa yang sama, YSHHB juga memberikan sumbangan peralatan kepada beberapa individu yang dikenal pasti bagi menyokong usaha mereka dalam menjana pendapatan keluarga. Penyampaian sumbangan melalui

Program Ihsan YSHHB telah dikendalikan di beberapa buah kampung di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Belait, penyampaian sumbangan diketuai oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB kepada seramai 20 penerima.

Sumbangan menerusi Program Ihsan YSHHB berkenaan diharapkan dapat membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga dalam menyediakan keperluan sepanjang bulan Ramadan.

Dengan adanya bantuan tersebut, para penerima diharapkan dapat menjalani ibadah puasa dengan lebih sempurna serta merasai kegembiraan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Sejajar dengan matlamat strategik YSHHB dalam memperkukuh pemedulian terhadap kebajikan golongan yang memerlukan, Program Ihsan ini dilaksanakan pada setiap bulan Ramadan dengan menasaskan warga emas serta keluarga yang memerlukan bantuan di seluruh negara.

Para penerima dikenal pasti melalui kerjasama dengan YSHHB, jabatan-jabatan daerah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Jabatan Pembangunan

## Daerah Belait

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Azmah Haji Ahad



Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Program yang mula dilaksanakan sejak tahun 2019 ini telah membantu seramai 1,195 keluarga di seluruh negara. Sempena Program Ihsan itu juga, YSHHB turut menyampaikan sumbangan kewangan kepada tiga buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran di Daerah Belait.

Majlis penyampaian sumbangan kewangan yang keseluruhannya berjumlah BND9,800 telah diadakan di tapak rumah mangsa kebakaran. Mereka yang terlibat ialah Awang Alfiezam bin Haji Abu

Bakar, Lorong 3 Selatan, Seria; Dayang Suryati binti Ayat, Lorong 3 Selatan, Seria dan Dayang Nurfatina Syafiqah binti Md. Fauzidee, Lorong 3 Selatan, Seria.

Selaras dengan hasrat murni penubuhannya, YSHHB sentiasa menzahirkan keprihatinan terhadap golongan yang kurang bernasib baik, termasuk mereka yang terjejas akibat musibah seperti kebakaran rumah.

Sumbangan yang disampaikan itu merupakan bantuan segera yang dihasratkan dapat meringankan beban mangsa serta membantu mereka meneruskan kehidupan seharian.



## Lailatulqadar : Malam yang lebih baik daripada seribu bulan

lebih baik daripada seribu bulan iaitu Lailatulqadar.

Pada malam tersebut, Allah Subhanahu Wata'ala mengampunkan dosa-dosa hamba-Nya yang beribadat dengan penuh keimanan dan pengharapan, semata-mata kerana mengharapkan reda Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, marilah kita memperbanyakkan dan melipatgandakan amal ibadat serta amal kebajikan, demi merebut kelebihan yang tiada tolok bandingnya dan ganjaran yang tidak ternilai harganya. Daripada Abu Hurairah Radiallahu anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Barang siapa yang menegakkan Lailatulqadar (mengisi dengan ibadat) kerana iman kepada Allah dan mengharapkan pahala (hanya dari-Nya) maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu dan barang siapa yang berpuasa Ramadan kerana iman kepada Allah dan mengharapkan pahala (hanya dari-Nya) maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Lailatulqadar itu tidak ditentukan saat dan waktunya kerana ia adalah perkara rahsia dan hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahajalah yang Maha Mengetahui. Adapun antara hikmah Allah Subhanahu Wata'ala merahsiakan malam Lailatulqadar ialah agar kita tidak hanya memilih malam tertentu untuk beribadat tetapi sebaliknya sentiasa tekun dan bersungguh-sungguh beribadat di sepanjang malam-malam Ramadan. Dengan menyembunyikan malam penuh keberkatan itu, Allah Subhanahu Wata'ala

mendidik hati kita agar ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam beramal tanpa bergantung pada waktu tertentu, malah terus konsisten dalam mengejar rahmat dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala.

Walau bagaimanapun, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis Baginda agar kita mencari Lailatulqadar itu pada 10 malam yang terakhir di bulan Ramadan dan pada tiap-tiap malam yang ganjil. Daripada Abu Said Al-Khudri Radiallahu anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Hendaklah kamu cari ia (Lailatulqadar) itu pada 10 malam terakhir (bulan Ramadan) dan kamu cari ia pada tiap-tiap malam ganjil". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Dalam usaha kita untuk meraih Lailatulqadar, ada beberapa perkara yang digalakkan untuk kita melakukannya, antaranya membaca Al-Quran, memahami serta beramal dengan isi kandungannya, menghidupkan malam dengan ibadat, khususnya sembahyang sunat dan memperbanyakkan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Di antara doa yang paling utama yang diucapkan pada Lailatulqadar adalah apa yang Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ajarkan kepada Aisyah Radiallahu anha, daripada Aisyah Radiallahu anha katanya : "Aku pernah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Wahai Rasulullah! Bagaimana jika saya mengetahui akan malam Lailatulqadar itu dengan tepat, apakah doa yang patut saya baca?" Baginda menjawab :

**Maksudnya :** "Ya Allah! Sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf dan menyukai kemaafan, oleh itu maafkanlah aku". (Hadis Riwayat Imam At-Tirmizi)

Memandangkan betapa besarnya ganjaran Lailatulqadar, maka kita rebutlah peluang dengan meningkatkan lagi amal ibadat terutama sekali di 10 malam terakhir di bulan Ramadan ini. Gunakanlah peluang yang ada ini untuk benar-benar kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Jika sebelum ini kita pernah lalai, maka inilah masanya untuk sedar. Jika sebelum ini kita jauh, maka inilah waktu untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana mungkin Ramadan ini adalah yang terakhir buat kita.

Akhirnya, mudah-mudahan segala amal ibadat dan amal kebajikan yang kita lakukan di sepanjang bulan yang mulia ini diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan dengan sebaik-baik balasan serta menjadi asbab kita tergolong dalam kalangan hamba-Nya yang mendapat keampunan, rahmat dan syafaat pada hari yang tiada lagi pertolongan melainkan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam Lailatulqadar. Dan tahukah engkau apakah malam Lailatulqadar itu? Malam Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan Malaikat Jibril dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Malam itu (penuh) kesejahteraan hingga terbit fajar". (Surah Al-Qadr, ayat 1-5)

**BERTAKWALAH** kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, kita melafazkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kasih sayangnya, masih dipanjangkan umur, diberi kesempatan untuk terus bernafas dan dipertemukan lagi dengan bulan Ramadan Al-Mubarak. Inilah bulan yang dinantikan oleh seluruh umat Islam kerana di dalamnya, tersembunyi satu malam yang nilainya tiada bandingan, malam yang

## Al-Quran mampu membina peradaban unggul



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Memperingati Nuzul Al-Quran bagi peringkat Kementerian Pendidikan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 11 Mac. - Generasi sahabat menunjukkan contoh terbaik bagaimana Al-Quran membentuk kehidupan.

Mereka bukan sekadar membaca, tetapi terus menghayati dan mengamalkan setiap ayat yang diturunkan sehingga berlaku transformasi akidah dan keperibadian.

Al-Quran mengubah cara berfikir, menyatukan manusia tanpa mengira latar belakang, serta menguatkan ketabahan ketika menghadapi ujian dan penindasan pada awal perkembangan Islam.

Demikian antara isi ceramah bertajuk 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajaran-Nya' yang disampaikan oleh Penolong

Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman pada Majlis Sambutan Memperingati Nuzul Al-Quran bagi peringkat Kementerian Pendidikan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang diadakan di Dewan Utama, kementerian berkenaan, pagi tadi.

Jelasnya lagi, daripada tarbiah Al-Quran lahirlah tokoh-tokoh besar yang menjadi teladan sepanjang zaman, dan ia membuktikan bahawa apabila umat benar-benar hidup bersama Al-Quran, ia mampu membina peradaban yang unggul.

"Mukjizat dan keagungan Al-Quran suatu ketika dahulu telah membentuk sebuah peradaban Islam yang unggul.

"Oleh itu, pada hari ini kita tidak seharusnya membataskan penghayatan Al-Quran hanya pada waktu-waktu tertentu sahaja, bahkan menjadikannya panduan utama dalam setiap aspek kehidupan," ujarnya.

Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah menjelaskan, dengan berpegang teguh kepada Al-Quran, insyaaAllah manusia akan memperoleh kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat.

Majlis pada kali ini dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet, Bahagian Komunikasi Korporat dan Unit Undang-undang.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Pendidik, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Awang Haji Md. Azmi bin Haji Ridzuan.

Acara berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan kementerian dalam sama-sama memperingati peristiwa bersejarah berkenaan dengan turunnya ayat-ayat pertama kitab suci Al-Quran Al-Karim kepada junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai wahyu daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, dan Timbalan Timbalan Setiausaha Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan para pegawai serta kakitangan Kementerian Pendidikan.



**CERAMAH** disampaikan oleh Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.



# دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسي

## (صلوات تفرجية)

## سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

### Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempatan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

### Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

### Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

### Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن یغ مباحوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن ( تولق بلاء )

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

### Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

### Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَأَفْوِضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

### Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

# MAJLIS KHATAM PEGAWAI, KAKITANGAN WANITA KHEU



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis (kanan). Sementara gambar atas, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



**PANCHOR MENGKUBAU**, Rabu, 11 Mac. - Dalam sama-sama meraih keberkatan di bulan suci Ramadan yang penuh kemuliaan ini, umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan amal ibadah serta mengimarahkan masjid dan surau dengan pelbagai aktiviti keagamaan termasuk bertadarus dan khatam Al-Quran.

Sehubungan itu, Majlis Khatam Al-Quran bagi Pegawai dan Kakitangan Wanita Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi telah diadakan pagi tadi bertempat di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor

Mengkubau.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi. Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Sejurus itu, Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan diketuai oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas, Jabatan Pengajian Islam, KHEU, Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli. Majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim dipimpin oleh pegawai dari Jabatan

Pengajian Islam, KHEU.

Bagi memberkati majlis, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU, Datin Hajah Umiyati binti Haji Mohd. Noor.

Aktiviti keagamaan tahunan kementerian ini bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, bahkan turut menjadi wadah dalam mengembangkan syiar Islam, sekali gus mengukuhkan silaturahmi dalam kalangan para pegawai dan kakitangan wanita di bawah KHEU.

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**  
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

## Raih ganjaran pahala pada 10 malam terakhir Ramadan



ISTERI Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut (atas). Sementara gambar bawah, sebahagian yang menyertai majlis berkenaan.

**Oleh : Aimi Sani**  
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**TUNGKU LINK**, Khamis, 12 Mac. - Dalam usaha merebut ganjaran pahala pada 10 malam terakhir bulan Ramadan, pelbagai pihak di negara ini giat mengadakan Majlis Khatam Al-Quran serta pelbagai acara keagamaan yang lain bagi menghidupkan malam-malam yang penuh keberkatan tersebut.

Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam (UBD) pagi tadi mengendalikan Majlis Khatam Al-Quran bagi Kelas Bimbingan Muslimah Seluruh Negara sempena Tadarus Al-Quran di Bulan Ramadan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah isteri Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu.

Majlis diadakan bertujuan untuk meningkatkan amal ibadah dalam bulan Ramadan, khususnya melalui pembacaan Al-Quran. Ia juga dihasratkan untuk mendorong para Muslimah agar terus mengamalkan pembacaan Al-Quran sehingga Khatam, di samping mengeratkan lagi silaturahmi dalam kalangan Muslimah masjid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran, Doa Khatam dan Takhtim. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Dengan terlaksananya program ini, diharapkan para Muslimah dapat terus melazimkan diri dengan amalan ibadah melalui membaca dan menghayati Al-Quran serta berzikir dan tahlil, lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.



## Memperingati Nuzul Al-Quran, penyampaian sumbangan derma

**Oleh : Nurdiyana Rajami**  
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Nurdiyana Rajami**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Mac. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) telah mengadakan Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim serta Pengumuman Keputusan Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran pada Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi bertempat di Dewan Teater, Bangunan MOFE, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan penyampaian Ceramah Khas bertajuk 'Mengukuhkan Pembelajaran Al-Quran dan Menghayati Ajarannya' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Penolong Ketua Bahagian Pengembangan Dakwah (Pengislaman), Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Majlis kemudiannya diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada 19 orang anak-anak yatim dan turut disusuli dengan penyampaian hadiah kepada



**YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas). Manakala gambar bawah, Ceramah Khas disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Penolong Ketua Bahagian Pengembangan Dakwah (Pengislaman).**

pemenang-pemenang qari dan qariah bagi Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran, yang mana sesi saringan telah diadakan pada 12 Februari 2026 yang lalu.

Bagi Kategori Qari, johan disandang oleh Awang Mohammad Hazwan Hanif bin Haji Junaidi wakil daripada Tabung Amanah Pekerja, Naib Johan disandang oleh Pengiran Muhammad Zul Iskandar bin Pengiran Zulkifli selaku wakil daripada Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, MOFE, manakala tempat ketiga disandang oleh Awang Muhammad Farid bin Haji Redawan, wakil daripada Agensi Pelaburan Brunei.

Bagi Kategori Qariah, johan disandang oleh Dayang Aqilah binti Haji Hassan, wakil daripada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik. Naib Johan disandang oleh Dayang Shobrina binti Suili wakil daripada Bahagian Perdagangan, MOFE, manakala tempat ketiga disandang oleh Dayang Nurul Aziemah binti Hamidon@Prescilla Pete Bidom

Nandu wakil daripada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik.

Majlis seumpama ini merupakan salah satu tahunan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya, yang bertujuan untuk menggalakkan pembacaan ayat-ayat Suci Al-Quran di samping menentengahkan bakat-bakat dalam kalangan pegawai dan kakitangan. Pada tahun ini, majlis tersebut telah diumumkan oleh Tabung Amanah Pekerja, MOFE.



# BERBAGI REZEKI BERSAMA ANAK YATIM



■ Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**JERUDONG**, Khamis, 12 Mac. - Kebajikan anak-anak yatim terus diambil peduli sebagai tanda keprihatinan pelbagai pihak terutama sekali di bulan Ramadan ini selain berbagi rezeki bagi menjelang Aidilfitri yang bakal menjelma sedikit masa saja lagi.

Sehubungan itu, Syarikat Nazmi Textile Mall telah menganjurkan Majlis Penyampaian Derma dan Iftar Bersama Anak Yatim berlangsung di Royal Berkshire,

Jerudong Park and Polo Country Club, di sini.

Lebih 150 anak yatim diraikan pada majlis berkenaan terdiri daripada 146 dari Mukim Berakas 'A' dan selebihnya dari Kampung Belimbing Subok.

Hadir menyampaikan sumbangan derma ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia

**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir bagi menyempurnakan sumbangan derma kepada para penerima di majlis berkenaan. Turut hadir, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam; dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing (atas dan atas kiri).

Haji Mohd. Yusof; Pesuruhjaya Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Ramu Abbagani dan isteri; Pengarah Urusan Syarikat Nazmi Textile Mall, Awang Nazeer Ahmed Zackariah dan isteri.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing

serta beberapa perwakilan asing yang menetap di negara ini.

Majlis juga disemarakkan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil serta doa yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid di Masjid Mohamed Bolkih, Kampung Serusop, Awang Haji Syamsul Nizam bin Haji Badar. Anak-anak yatim dan penjaga seterusnya diraikan dengan

hidangan juadah berbuka bagi bersungai bersama-sama.

Dengan adanya sumbangan sedemikian diharap dapat memberikan keceriaan anak-anak yang kehilangan sebahagian tempat bergantung terutama sekali bagi meraikan lebaran selain demi mengharap ganjaran pahala berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

# MPM Mentiri bertahlil di Kubah Makam Diraja

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Mac. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Mentiri telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum

Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, pagi tadi.

Rombongan diketuai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok.

■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki bin Pg. Haji Kasharan

Juga hadir, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, ketua-ketua dan pemangku ketua-ketua kampung beserta Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) di bawah Mukim Mentiri dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid An-Na'im.

Majlis yang diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong itu diisikan dengan bacaan Surah Yaa

Siin, diikuti dengan bacaan tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Masjid An Na'im, Kampung Panchor Mengkubau Mentiri, Awang Mohd. Syu'ib bin Haji Abdullah.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Doa Tahlil dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.



**YANG** Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Subok hadir mengetuai rombongan Majlis Perundingan Mukim Mentiri di Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja (atas). Sementara gambar bawah antara yang hadir pada majlis tersebut.



## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Memupuk Budaya Menabung Sedari Kecil'. Tarikh Tutup : 18 Mac 2026
2. 'Peranan Individu Dalam Mengurangkan Pemanasan Global'. Tarikh Tutup : 25 Mac 2026
3. 'Menyantuni Anak Yatim: Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 1 April 2026

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi**  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# DANA TERIMA SUMBANGAN BND42,550 DARIPADA PELBAGAI PIHAK




**SETIAUSAHA** Tetap di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim hadir menyempurnakan Majlis Penerimaan Sumbangan berkenaan (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 13 Mac. - Sejumlah BND42,550 diterima oleh Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) yang disumbangkan oleh para dermawan daripada pelbagai pihak di negara ini. Majlis Penerimaan Sumbangan

berkenaan diadakan di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara. Alumni Penuntut-penuntut Asrama Kerajaan Brunei di Singapura (AKBS) menyampaikan sumbangan sejumlah BND5,000. Penyerahannya diwakili oleh Dato

Seri Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud selaku Penasihat Alumni AKBS. Manakala, Persatuan Fu Zhou Shiyi (Brunei), iaitu seramai 40 penyumbang, terdiri daripada syarikat perniagaan dan individu persatuan menyumbangkan keseluruhannya sejumlah BND37,550.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



Kesemua sumbangan berkenaan diterima oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

DANA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan dan kemurahan hati

para penyumbang dalam membantu usaha berterusan DANA untuk memperkasa kesejahteraan anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam. Sebagai sekretariat DANA, YSHHB akan terus memainkan peranannya dalam mengurus dan menyalurkan sumbangan kepada mereka yang memerlukan.

## Semai semangat kesukarelawanan, tanggungjawab sosial masyarakat



**SEKITAR** Program Kemasyarakatan dan Kerohanian Bulan Ramadan Tahun 2026 yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan BIBD Connects di ibu negara (atas, kanan dan bawah).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 13 Mac. - Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dengan kolaborasi Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) telah menganjurkan Program Kemasyarakatan dan

Kerohanian Bulan Ramadan Tahun 2026 yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan BIBD Connects di ibu negara, di sini.

Program berkenaan diadakan bersempena dengan Program Kemasyarakatan dan Kerohanian

Bulan Ramadan dengan tujuan untuk memperkukuh nilai-nilai kerohanian, mempererat hubungan strategik antara agensi kerajaan dan sektor korporat serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai usaha

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



pemulihan dan reintegrasi bekas penghuni institusi penjara ke dalam masyarakat.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Doa Kesyukuran, diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah. Turut diadakan ialah penyampaian sumbangan daripada BIBD dan Barramundi Group kepada 100 penerima serta sumbangan daripada penaja-penaja kepada 30 Rakan Seliaan (RS). Seterusnya, mengagihkan sumbangan makanan dan pakaian kepada para hadirin dan orang ramai.

Hadir selaku Pengerusi Bersama, Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Haji Mohammad Yassin; dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri.

Pada sebelah malam pula, program diteruskan dengan Majlis Mawlid Akbar dan Tazkirah, yang bertujuan untuk memperkukuh

penghayatan nilai-nilai keagamaan serta mengingati dan rasa rindu kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Ia juga bertujuan mengeratkan ukhuwah Islamiah sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Melalui penganjuran program seumpama berkenaan, Jabatan Penjara berharap dapat memperkukuh lagi hubungan kerjasama strategik bersama rakan-rakan agensi serta pihak swasta, di samping menyemai semangat kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan masyarakat.

Program berkenaan juga mencerminkan komitmen berterusan Jabatan Penjara dalam menyokong usaha pemulihan, pembangunan sahsiah dan reintegrasi sosial bekas penghuni penjara, selaras dengan pendekatan kemasyarakatan dan kesejahteraan sosial di Negara Brunei Darussalam.



# KHATAM AL-QURAN, PENYAMPAIAN SURAT LANTIKAN



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkiah (atas dan kanan), manakala gambar bawah, sebahagian daripada yang menyertai majlis berkenaan.

**TUTONG**, Khamis, 12 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran Tadarus Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi dan Penyampaian Surat Lantikan Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong bagi Sesi 2026-2028 yang berlangsung lewat petang tadi

di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh tetamu kehormat majlis. Seterusnya bacaan ayat suci Al-Quran yang diketuai oleh Imam Masjid tersebut, Awang Sahibol bin Haji Yusoff.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim yang dibacakan oleh Awang Abdul Hafiz bin Haji Abd. Kadiroshman. Sejurus itu, bacaan Doa Khatam dan disusuli dengan penyampaian Surat Lantikan AJK Takmir Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Tutong bagi Sesi 2026-2028.

Selepas itu, majlis diteruskan dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Majlis diakhiri dengan bersungkaik dan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah. Majlis berkenaan antara lain merupakan antara kegiatan keagamaan tahunan AJK Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong yang diadakan pada setiap bulan Ramadan.



## Kementerian Pendidikan adakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil



**SETIAUSAHA** Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir mengetuai rombongan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Mac. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Khas dan Pusat Keusahawanan Inovasi pada petang tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman

tahunan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi menyemarakkan bulan Ramadan dan memohon keberkatan, keredaan serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, majlis berkenaan juga menjadi wadah untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan, memperbanyakkan amal ibadah, serta mengeratkan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), ketua-ketua jabatan dan para pegawai serta kakitangan Kementerian Pendidikan.

## PERGA adakan Majlis Khatam Al-Quran

Oleh : Siti Rokiah Abdullah  
Foto : Ihsan Persatuan Bekas Guru Agama

**MULAUT**, Khamis, 12 Mac. - Dalam usaha mengimarahkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan dengan amalan membaca dan menghayati Al-Quran, Persatuan Bekas Guru Agama (PERGA) pagi tadi telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sempena Bulan Ramadan Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2026 Masihi yang berlangsung di Kampung Mulaut.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Dipertua PERGA, Awang Haji Abdul Rahim bin Haji Gantang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah secara beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat.

Acara kemudian diteruskan dengan bacaan Khatam Al-Quran, bermula daripada Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad, sebelum disusuli dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran sebagai tanda kesyukuran setelah berjaya menamatkan bacaan kitab suci tersebut.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada para peserta sebelum suasana majlis disemarakkan dengan alunan Dikir Marhaban serta bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan dan kesejahteraan.

Penganjuran majlis seumpama ini bukan sahaja bertujuan untuk menghidupkan aktiviti keagamaan sepanjang bulan Ramadan, malah aktiviti Tadarus Al-Quran juga menjadi platform untuk menjadikannya sebagai amalan harian dalam meraih ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Di samping itu, majlis berkenaan turut menjadi wadah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan ahli-ahli PERGA serta memperkukuhkan semangat kebersamaan dalam mengimarahkan syiar Islam.



**MAJLIS** Khatam Al-Quran anjuran Persatuan Bekas Guru Agama ini bukan sahaja bertujuan untuk menghidupkan aktiviti keagamaan, malah untuk memperkukuhkan semangat kebersamaan dalam mengimarahkan syiar Islam.

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN, PENYAMPAIAN DERMA GIAT DILAKSANAKAN



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim yang diraikan (atas dan kanan). Sementara gambar bawah, antara para Muslimah yang hadir pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 12 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran sempena penutup Program Bertadarus Bulan Ramadan serta penyerahan sumbangan kepada anak-anak yatim Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B' telah diadakan baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah 'A' ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Majlis tersebut diadakan sebagai penutup kepada aktiviti bertadarus sepanjang bulan Ramadan yang telah disertai oleh seramai 148

peserta yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah, belia dan beliawanis serta para jemaah masjid.

Penganjuran majlis ini antara lain bertujuan untuk menyemarakkan syiar Islam khususnya dalam menghayati serta membudayakan pembacaan Al-Quran sepanjang bulan Ramadan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti keagamaan di masjid, di samping memperkukuhkan ukhuwah dan semangat kebersamaan dalam kalangan penduduk kampung.

Majlis turut diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim dari Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah

'B' sebagai tanda keprihatinan serta usaha memupuk nilai kebajikan, kasih sayang dan keprihatinan terhadap golongan

Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah



yang memerlukan, khususnya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Majlis berkenaan turut dihadiri

oleh kira-kira 370 jemputan yang terdiri daripada penduduk kampung, para jemaah masjid serta orang ramai.



## Bantu ringankan beban anak yatim, OBK



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG,** Khamis, 12 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim serta Sumbangan kepada Orang-orang Berkeperluan Khas (OBK) sempena menjelang Hari Raya Aidilfitri yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang (Asal) dan Takmir Masjid RPN Bukit Beruang telah diadakan lewat petang tadi di Masjid RPN Bukit Beruang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis. Kemudian bacaan Surah Ad-Dhuha diketuai oleh Imam masjid berkenaan, Pengiran Md. Abd. Qadir bin Pengiran Ibrahim.

Selepas itu disusuli dengan bacaan Takhtim yang dibacakan oleh Awang Muhammad Darwisy Afiq bin Jalani, manakala bacaan Doa Khatam dikepalai oleh Awang Muhammad Adam Khairuddin bin

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma kepada para penerima (kiri dan kanan).

Abdullah Muhamad Hassanudin.

Sementara itu, bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dibacakan oleh imam masjid berkenaan, Awang Aisamuddin bin Haji Saleman. Seterusnya penyampaian sumbangan derma kepada para penerima yang berkenaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Sumbangan tersebut sebagai tanda keprihatinan dan sokongan berterusan pihak-pihak terlibat terhadap kebajikan golongan yang memerlukan.

Pada majlis berkenaan, seramai 60 anak yatim dan 20 OBK telah menerima sumbangan derma dan diharapkan dapat membantu memenuhi keperluan asas serta persiapan perayaan mereka, sekaligus mencerminkan semangat perpaduan, ihsan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan masyarakat.

Majlis tersebut diadakan bagi menyemarakkan keberkatan bulan Ramadan melalui Majlis Khatam Al-Quran, di samping menyantuni serta meringankan beban anak-anak yatim dan OBK dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.



SEBAHAGIAN para Muslimah yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran tersebut yang diadakan di Masjid RPN Bukit Beruang (bawah).



# KHATAM AL-QURAN IMARAHKAN RAMADAN



**PEMANGKU** Pengarah Hal Ehwal Masjid hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan sumbangan kepada pelajar-pelajar yang diraikan (atas dan kiri).

## Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Bright Jigsaw

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Mac. - Bagi memulakan dan mengimarahkan lagi bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan kemuliaan, Sekolah Bright Jigsaw telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma Anak-anak Yatim Program Fi Mardhatillah. Hadir selaku tetamu kehormat di

majlis ini ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa dan bacaan surah-surah lazim yang diketuai oleh tenaga pengajar Sekolah Bright Jigsaw, Awang Muhammad Aidil. Manakala bacaan Takhtim dan Doa Khatam Al-Quran telah dibacakan oleh

tenaga pengajar sekolah, Awang Mohammad Firdaus bin Sufardee dan bacaan Doa Tahliil telah dibacakan oleh Awang Yahya.

Majlis turut dimeriahkan dengan laungan Dikir Asyraqal Badru 'Alaina yang dipimpin oleh Belia Masjid Salambigar. Turut diisikan di dalam majlis ini ialah penyerahan sumbangan kepada pelajar-pelajar yang diraikan serta anak-anak yatim Kampung Salambigar dan Kampung Sungai Hanching oleh tetamu kehormat majlis bersama Pengarah Pengurusan Sekolah Bright Jigsaw, Salambigar, Awang Haji Abdul Azim bin Haji Mohd.

Sambas.

Penganjur berharap agar dengan Majlis Khatam Al-Quran ini akan dapat sedikit sebanyak dapat

memeriahkan dan mengambil pahala di bulan Ramadan, serta akan dapat membantu mereka yang memerlukan.

## Pusat Ehsan hulurkan sumbangan kepada golongan memerlukan



**SERAMAI 48** penuntut Pusat Ehsan terdiri daripada anak yatim, golongan individu kurang berkemampuan dan juga seorang ibu tunggal telah menerima sumbangan di majlis tersebut yang telah mengambil tempat di di Surau Pusat Ehsan, Kampung Bengkurong.

Oleh : Nurdiyana Rajami

Foto : Ihsan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam

**BENGKURONG**, Khamis, 12 Mac. - Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Anak-anak Yatim, Golongan Kurang Berkemampuan dan Ibu Tunggal bersempena Sambutan Nuzul Al-Quran Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis keagamaan yang diungkuaykan secara tahunan itu telah berlangsung di Surau Pusat Ehsan, Kampung Bengkurong.

Hadir bagi sama-sama menyaksikan keindahan majlis berkebajikan berkenaan ialah Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai oleh para individu kelainan upaya dan kakitangan Pusat Ehsan, disusuli dengan bacaan Takhtim, Tahliil, Doa Khatam dan Doa Selamat serta Dikir Marhaban.

Seterusnya, acara kemuncak majlis telah menyaksikan penyampaian sumbangan

daripada penaja-penaja korporat dan penderma individu kepada Pusat Ehsan dengan jumlah sumbangan sebanyak BND30,754.

Seramai 48 penuntut Pusat Ehsan yang terdiri daripada anak yatim, golongan individu kurang berkemampuan dan juga seorang ibu tunggal iaitu kakitangan Pusat Ehsan telah menerima sumbangan di majlis tersebut.

Derma kepada Pusat Ehsan dan anak-anak yatim serta urang berkemampuan berkenaan disumbangkan oleh syarikat-syarikat dan orang persendirian terdiri daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam dengan sumbangan sebanyak BND7,000; First Emporium & Supermarket Cawangan Batu Satu (BND2,288); Pertama Jaya Department Store Cawangan Jerudong (BND2,188); First Emporium & Supermarket Cawangan Madang (BND728); Samima Sdn. Bhd. (BND2,000); TM Majeed Supermarket (BND2,000); Orbit Supermarket Sdn. Bhd. (BND2,000); dan Hiew H Y Construction (BND2,000).

Manakala, Build Mix Trading,

T.S.M Sdn. Bhd., Al Barakah Company, Aisha Afiqa Sdn. Bhd., Siammali Remittance, D Mas Jaffre Ent. Sdn. Bhd., OKKY Jewellery, Raimmar Sdn. Bhd. dan J. S. Jaya Sdn. Bhd. masing-masing menyerahkan sumbangan sebanyak BND1,000.

Antara yang turut menyerahkan sumbangan ialah Kim Cars Sdn. Bhd., Seri Naffco Sdn. Bhd., Sifana Sdn. Bhd. dan para syarikat dan golongan individu dermawan yang lain.

Selain sumbangan kewangan, beberapa penaja turut menyumbang barangan dalam bentuk barangan termasuk paket hijau, mugs, barangan, baucar dan makanan, yang telah diedarkan kepada penerima.

Acara tahunan ini mencerminkan komitmen Pusat Ehsan untuk memperingati kepentingan Nuzul Al-Quran sambil berkongsi keberkatan dengan mereka yang memerlukan, khususnya individu dengan orang berkelainan upaya dan anggota masyarakat yang kurang bernasib baik.

Pusat Ehsan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penaja dan penderma yang kemurahan hati mereka menyumbang kepada kejayaan acara tersebut.

## Sedekah berperanan sebagai penolak bala, pembersih dosa



**PEMANGKU** Ketua Pegawai Eksekutif RB hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma pada majlis berkenaan di Tarindak D' Polo, Jerudong.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**JERUDONG**, Jumaat, 13 Mac. - Seramai 43 anak yatim yang berumur 7 hingga 21 tahun lewat petang tadi menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Derma dan Berbuka Puasa bersama Anak-anak Yatim sempena Bulan Suci Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi anjuran Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) dengan kerjasama Sabre Travel Network Brunei yang berlangsung di Tarindak D' Polo, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma pada majlis berkenaan ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Tahliil yang diketuai oleh Awang Mohd. Alidden Mahmud, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada tetamu kehormat.

Kolonel Norsuriati dalam ucapannya menjelaskan sebagai syarikat penerbangan kebangsaan, RB percaya bahawa tanggungjawab mereka adalah lebih daripada sekadar menyediakan perkhidmatan penerbangan.

"Kami adalah sebahagian daripada masyarakat dan amanah sosial ini adalah satu keutamaan. Setiap langkah kecil yang diambil hari ini adalah jambatan menuju kejayaan pada masa akan datang," tambahnya.

Acara diteruskan dengan sumbangan derma yang disampaikan oleh tetamu kehormat, bersama-sama dengan Pengurus Besar Sabre Travel Network Brunei, Awang Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman.

Ia turut dihiasi dengan tazkirah bertajuk 'Ramadan Bulan Sedekah' yang disampaikan oleh Awang Haji Abdus Salam bin Haji Ali.

Penceramah antara lain menjelaskan bulan Ramadan adalah bulan sedekah kerana ia adalah musim kebaikan dan keberkatan.

Tambahnya, sedekah memiliki kelebihan besar sebagai penolak bala dan pembersih dosa, sebagaimana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam: "Sedekah dapat menghapuskan dosa sebagaimana air memadamkan api".

Kelebihan berkenaan, jelas beliau lagi, dicontohi oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri.

Terangnya, Ibnu Abbas Radhiallahuanhuma meriwayatkan: "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah manusia paling dermawan, terlebih-lebih lagi pada bulan Ramadan".

Majlis diakhiri dengan berbuka puasa. RB berharap agar sumbangan yang sedikit ini dapat membantu menggembirakan dan meringankan beban anak-anak yatim dalam menjalani ibadah di bulan Ramadan yang mulia ini.

RB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sabre Travel Network Brunei, jawatankuasa penganjur, pasukan media, dan semua individu yang terlibat atas sokongan dan sumbangan mereka dalam menjayakan majlis yang bermakna ini.

Juga hadir ialah ahli-ahli pengurusan dan kakitangan dari RB serta Sabre Travel Network Brunei.



SILA IMBAS UNTUK  
KHUTBAH LENGKAP

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 23 Ramadhan 1447H / 13 Mac 2026M



# LAILATUL QADAR: MALAM YANG LEBIH BAIK DARIPADA SERIBU BULAN

## HIKMAH ALLAH SWT MERAHSIAKAN MALAM LAILATUL QADAR



Agar kita **tidak** hanya **memilih** malam tertentu untuk beribadah.



Allah SWT **mendidik hati** kita agar ikhlas.




**Bersungguh-sungguh** dalam beramal, tanpa bergantung kepada waktu tertentu.

## BILA WAKTUNYA LAILATUL QADAR ITU BERLAKU?



Tidak ditentukan saat dan waktunya.

Walau bagaimanapun Rasulullah SAW menyuruh kita mencari Lailatul Qadar:



Pada **sepuluh malam yang terakhir** di bulan Ramadan.



Pada **tiap- tiap malam yang ganjil**.

## BEBERAPA PERKARA YANG DIGALAKKAN UNTUK KITA MELAKUKANNYA, ANTARANYA:



**Membanyakan membaca al-Qur'an**, memahami serta beramal dengan isi kandungannya.



**Menghidupkan malam dengan ibadah** Khususnya Sembahyang Sunat.



**Memperbanyakkan berdoa** kepada Allah SWT.

## ANTARA DOA YANG PALING UTAMA YANG DIUCAPKAN PADA LAILATUL QADAR:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُجِيبُ الْعَفْوَ فَاغْفِرْ عَنِّي

### Maksudnya:

Ya Allah! Sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf dan menyukai kemaafan, oleh itu maafkanlah aku.

(Hadis riwayat Imam Tirmizi)



**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

Rujukan Iklan:  
FEB2 / 2026 / JAPEM / COUNTERSCCTV / RB

Tajuk Iklan:  
Supply, Installation, Configuration,



Commissioning, Testing, Training And Maintenance Of CCTV Surveillance System For Service Counter At Jabatan Pembangunan Masyarakat

Tarikh Tutup:  
Khamis, 2 April 2026



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Sebut Harga Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada Khamis, 9 April 2026.

Borang Sebut harga:  
BND7.00

1. JPt / SH / 01 / 2026 - 2027 Kerja-Kerja Memotong Rumput dan Membersih Kawasan Bangunan Bagi Pejabat Unit Kemajuan Industri Padi dan Green House Di KKP Wasan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

2. JPt / SH / 02 / 2026 - 2027 Kerja-Kerja Memotong Rumput dan Membersih Kawasan Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

3. JPt / SH / 03 / 2026 - 2027 Kerja-Kerja Pembaikan AM dan Elektrik Di Bangunan-Bangunan Di Bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan Di Daerah Temburong

4. JPt / SH / 04 / 2026 - 2027 Pelaksanaan Penilaian Survelan ISO/IEC 17025 Bagi Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar

5. JPt / SH / 05 / 2026 - 2027 Supply and Deliver Antisera, Check & Trace Kit and Supplementary Consumables for Salmonella Serotyping

6. JPt / SH / 06 / 2026 - 2027 To Supply and Deliver Salmonella Test Kits and Its Supplementary Items



**KEMENTERIAN HEL EHWAL LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:  
MFA / SEC / 06 / 2026

Tajuk Sebut Harga:  
Membekal Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Untuk Bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Di Jalan Perayaan Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan

Tarikh Tutup Sebut Harga:  
Rabu, 25 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Bilangan dan Tajuk Tawaran:  
EGNC / PM / 4.1 / 9.2025  
EGNC Loadmaster LM-X25 License Renewal & Maintenance for 2 Years (2026-2028), Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC)

Tarikh Tutup:  
Selasa, 17 Mac 2026



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

Universiti Islam Sultan Sharif Ali mempelawa pemohon-pemohon yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan akademik seperti berikut :

**Jawatan:**  
Penolong Profesor (PT2/PT2A)

**Tangga Gaji:**  
PT2A (BND4,480.00 - BND 5,610.00) Sebulan;  
PT2 (BND 3,880.00 - BND 4,960.00) Sebulan

**Kemudahan Elaun:**  
BND 250.00 Sebulan

**Bidang:**  
Tafsir / Hadith / Law / Shariah / Bahasa Arab (Arabic Language) / Kesusasteraan Arab (Arabic Literature) / Terjemahan (Translation) / Accounting / Melayu Islam Beraja / Business Management / Islamic Finance/ Economics / Development Management / Islamic Governance / Halal Sciences / Technology & Innovation / Data Analytics / Programming / Computer Networking / Information And Communication Technology / Mass Communication / Agriculture / Aquaculture / Horticulture / Agritechology / Animal Husbandry / Agronomy / Data Science / Artificial Intelligence (AI) / Machine Learning / Tourism

**Tarikh Buka Permohonan:**  
Isnin, 9 Mac 2026

**Tarikh Tutup Permohonan:**  
Isnin, 23 Mac 2026

**Rujukan Iklan:**  
UNISSA/IJK/AKA(7A)/2026/PP

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi UNISSA nombor *hotline* 8687055 atau e-mel kepada [recruitment@unissa.edu.bn](mailto:recruitment@unissa.edu.bn)

Borang permohonan - Bagi pemohon tenaga akademik tempatan bolehlah menggunakan Form P2 (Borang P2) diisi melalui ONLINE di laman sesawang.

Borang permohonan - Bagi pemohon tenaga akademik luar negeri bolehlah menggunakan Form P3 (Borang P3) diisi melalui ONLINE di laman sesawang.



Universiti Islam Sultan Sharif Ali mempelawa pemohon-pemohon yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan akademik seperti berikut :

**Jawatan:**  
Profesor (PT5/PT5A)

**Tangga Gaji:**  
PT5 (BND8,000 - BND8,210) / PT5A (BND9,500 - BND9,750 - BND10,000) Sebulan

**Kemudahan Elaun:**  
BND800.00 Sebulan

**Bidang:**  
Halal Science, Agriculture, Islamic Finance

**Tarikh Buka Permohonan:**  
Isnin, 9 Mac 2026

**Tarikh Tutup Permohonan:**  
Isnin, 23 Mac 2026

**Rujukan Iklan:**  
UNISSA/IJK/AKA(7A)/2026/PROF.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi UNISSA nombor *hotline* 8687055 atau e-mel kepada [recruitment@unissa.edu.bn](mailto:recruitment@unissa.edu.bn)

Borang permohonan - Bagi pemohon tenaga akademik tempatan bolehlah menggunakan Form P2 (Borang P2) diisi melalui ONLINE di laman sesawang.

Borang permohonan - Bagi pemohon tenaga akademik luar negeri bolehlah menggunakan Form P3 (Borang P3) diisi melalui ONLINE di laman sesawang.



Universiti Islam Sultan Sharif Ali mempelawa pemohon-pemohon yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan akademik seperti berikut :

**Jawatan:**  
Profesor Madya (PT4)

**Tangga Gaji:**  
PT4 (BND6,800.00 - BND7,010.00) sebulan

**Kemudahan Elaun:**  
BND500.00 Sebulan

**Bidang:**  
Falak Syarie

**Tarikh Buka Permohonan:**  
Isnin, 9 Mac 2026

**Tarikh Tutup Permohonan:**  
Isnin, 23 Mac 2026

**Rujukan Iklan:**  
UNISSA/IJK/AKA(7A)/2026/PM

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi UNISSA nombor *hotline* 8687055 atau e-mel kepada [recruitment@unissa.edu.bn](mailto:recruitment@unissa.edu.bn)

Borang permohonan - Bagi pemohon tenaga akademik tempatan bolehlah menggunakan Form P2 (Borang P2) diisi melalui ONLINE di laman sesawang.

Borang permohonan - Bagi pemohon tenaga akademik luar negeri bolehlah menggunakan Form P3 (Borang P3) diisi melalui ONLINE di laman sesawang.



**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**





**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2025 – 2026 / 73

**Tajuk Tawaran:**  
One Year General  
Cleaning For Tourism  
Development Department Office  
(2026 – 2027)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis, 26 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Tawaran:**  
JKP / SH / 2026 – 2027 / 72

**Tajuk Tawaran:**  
One Year General  
Cleaning For Tourism  
Development Department Office  
(2026 – 2027)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Khamis, 26 Mac 2026  
Jam 2.00 Petang.



**Bilangan Sebut Harga:**  
JKP / LTK / 2025 - 2026 / 17

**Tajuk Sebut Harga:**  
Event Management Services For  
Visit Year Brunei 2027 –  
Pre-Launch Event

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
17 Mac 2026 (Selasa)  
Jam 12.00 Tengah hari

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)  
Pembayaran Adalah Secara  
Dalam Talian



**UNIVERSITI TEKNOLOGI  
BRUNEI**

**Job Vacancy  
At Universiti Teknologi Brunei**

Advertisement No. 02/2026

**Date Of Advertisement:**  
9 March 2026

**Closing Date:**  
8 April 2026

Universiti Teknologi Brunei is pleased to invite suitably qualified and dynamic individuals to apply for the following strategic commercial position at Universiti Teknologi Brunei:

Advertisement No. 02 / 2026

**Position:**  
Lead Commercial  
Marketing Officer

**Salary:**  
BND3,000.00 Per Month

**Vacancy:**  
One (01)

**Contract:**  
Three (3) Years

**Submission Of  
Application Form**

The application form and further details can be obtained by downloading them from the University's website at <https://www.utb.edu.bn/careerutb/>.

**IMPORTANT:** Completed application forms together with the following supporting documents must be submitted via email to [utbrecruitment@staff.utb.edu.bn](mailto:utbrecruitment@staff.utb.edu.bn) with the email subject titled "Advertisement No.: 02/2026":

1. Copy of Smart Identity Card
2. Updated Curriculum Vitae (CV)
3. Copies of academic certificates with transcripts (Bachelor's degree and above)
4. Copy of latest salary slip (if applicable)
5. Passport-sized photograph

6. Proof of work experience
7. Referee details (2 referees)
8. A 1 – 2 page statement on "Your proposed approach to market development, stakeholder engagement, and revenue growth for UTB's laboratory and professional services".
9. Any other requirements as stated in the Universiti Teknologi Brunei job advertisement

**The closing date for submission of applications is 8 April 2026, at 3:00 pm.**

Applicants who are currently serving in the Government must submit their application through their Head of Department, together with the following documents, to the address below:

- A Confidential Report on the applicant's character and work performance from the Head of Department
- Performance Appraisals for the past 3 years (at least Grade B)
- Certified copies of the Service Record and Leave Record

**YANG MULIA  
REGISTRAR AND SECRETARY  
UNIVERSITI TEKNOLOGI  
BRUNEI  
JALAN TUNGKU LINK,  
GADONG BE1410  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

**[UP: ASSISTANT REGISTRAR  
(PERSONNEL), STAFF CENTRE]**

**Advertisement No.: 02/2026  
Reference: UTB/S5/1.6 (a)/2026**

All applications must be complete and submitted no later than the closing date of the advertisement. Application forms received after the closing date will not be considered.

Only shortlisted applicants will be notified.



**JABATAN KASTAM DAN  
EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI**

1. Perkhidmatan Pembersihan Bagi Pos Kawalan Sungai Tujoh, Pejabat JKED Pos Ofis Seria dan Rumah Transit Mumong, Cawangan Daerah Belait dan Tutong (CDBT), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam Secara Berkontrak Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

**Ruj. Sebut Harga:**  
JKED / TAWARAN / UPA /  
BHEK / Q / 2026 - 03

2. Perkhidmatan Pembersihan Bagi Pejabat dan Bilik Di Pos Kawalan Labu dan Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujong Jalan, Cawangan Daerah Temburong dan Kuala Lurah (CDTKL), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam Secara Berkontrak Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

**Ruj. Sebut Harga:**  
JKED / TAWARAN / UPA /  
BHEK / Q / 2026 – 04

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
7 April 2026



**سوروهنجاي فرخدمتن عوام**  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG  
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

**PERINGATAN PENTING**

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))
2. **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** ("Sal, transkrip dan pengiktirafan Matrik Kelulusan Pengiktirafan Kognitif" (PKKP) yang berkenaan)
4. **Tandakan "X"** pada kotak semak "Jawatan Selarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. **Lengkapkan Maklumat** (darjah / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersetujui di dalam skim iklan)

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.

2. **Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.**

+673 7371961 | PSC.BN | [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)

Selanjutnya: Suruhannya Perkhidmatan Awam | PSC.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. MEKANIK TINGKAT KHAS KEMENTERIAN PEMBANGUNAN D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/MAR/01/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	18 MAC 2026
2. PEGAWAI PERTANIAN KANAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN B.3 (BAHAGIAN II) 2026/MAR/01/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	02	38(B)	23 MAC 2026

- PERINGATAN:**
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
  2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN (7A) SAHAJA.
  3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada  
Pemborong-pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
V (IV & V) sahaja

**Kategori:**  
KA01 Kod Baharu

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 17 Mac 2026,  
Tidak lewat jam 12.00  
Tengah Hari.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DDS 003 / 2026 –  
(SEW).T.V

**Nama Projek:**  
Menaiktaraf Kolam-kolam  
Rawatan Di Daerah Brunei-Muara,  
Tutong dan Temburong  
(Tawaran Semula)

**Yuran Tawaran:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
BND5.00



**Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong  
Yang Berdaftar  
Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**  
III & IV

**Kategori:**  
B01 (Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran:**  
Selasa, 3 Mac 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa, 17 Mac 2026,  
Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DTS / 03 / CQS /  
2026-T / III


**Nama Projek:**  
Pembinaan Courtyard Kiri Dan  
Kanan Masjid Rancangan  
Perumahan Negara Kampung  
Rimba – Design And Build

**Yuran Tawaran:**  
BND50.00  
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**  
-



# PENYAKIT KARDIOVASKULAR



**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:**

penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang **ke-2** tertinggi

## FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

## LANGKAH PENCEGAHAN



Tidak merokok



Ketahui tekanan darah awda



Mengekalkan berat badan yang sihat



Meningkatkan aktiviti fizikal



Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah awda



Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula



Tangani stres dengan bijak



Elakkan meminum minuman keras

## TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

*Jika awda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.*

“Fahami risiko awda”

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular



## KHATAM AL-QURAN SEMPENA RAMADAN ANJURAN MWNBD



### Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam

**BERAKAS**, Khamis, 12 Mac. - Majlis bertadarus sepanjang bulan Ramadan bagi ahli-ahli Majlis Wanita berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan Masjid Suri Seri Begawan Raja Isteri Pengiran Anak Damit Kampung Manggis/Madang, pagi tadi.

Majlis yang dianjurkan oleh Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) sebagai salah satu aktiviti tahunan ini adalah bagi menyemai budaya membaca Al-Quran di kalangan ahli-ahli persatuan-persatuan yang bergabung di dalam MWNBD.

Selain itu, untuk mengamalkan

ajaran-ajarannya sebagai amalan harian untuk memohon keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, lebih-lebih lagi di bulan Ramadan yang mulia ini digalakkan untuk membaca Al-Quran bagi menyemarakkan lagi suasana di bulan Ramadan di samping turut mengeratkan lagi silaturahim di antara ahli-ahli dari 13 persatuan.

Terdahulu atur cara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar

MAJLIS Khatam Al-Quran berkenaan menghimpunkan lebih kurang 200 orang ahli dari persatuan-persatuan wanita yang bergabung di dalam Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

ahli-ahli Persatuan PERTIWI.

Bagi memberkati majlis, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Dayang Hajah Amsah binti Haji Abd. Razak dari Persatuan Siswazah Wanita (PSW).

Objektif majlis adalah untuk menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan dan mendekatkan diri dengan Al-Quran dan sama-sama meraih pahala dengan membaca dan mendengar bacaan Al-Quran.

Seramai lebih kurang 200 orang ahli dari persatuan-persatuan wanita yang bergabung di dalam MWNBD hadir di majlis tersebut.

Juga hadir sama, Naib Yang Dipertua I, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat; Naib Yang Dipertua II, Datin Hajah Masni binti Haji Md. Ali; Naib Yang Dipertua III, Dayang Hajah Kertini binti OKPSD Abang Haji Abu Hanifah.

Turut hadir, kalangan Ahli-ahli Lembaga Tadbir Majlis Wanita, Yang Dipertua, ketua pesuruhjaya, pengarah, serta wakil tetap 13 buah persatuan yang bergabung dalam MWNBD.

13 buah persatuan tersebut terdiri dari Persatuan PERTIWI, Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Badan Kebajikan Isteri Pegawai-pegawai Kerajaan, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI), PKP Daerah Belait, PPPBD, Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Persatuan Kebajikan Gabungan Wanita Daerah Tutong (PERGANITA), Badan Kebajikan Wanita Perumahan Negara Lambak Kanan (BAKANITA), PSW, Persatuan Belia Kampung Lambak (PERBEKAL), Persatuan Wanita Kampung Junjungan (PEWAJA), Persatuan Nurul Islam (PNI) dan Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI).

dan Selawat Tafriyyah beramai-ramai, yang kemudian disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dipertua MWNBD, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yusof, selaku tetamu kehormat majlis.

Seterusnya ucapan alu-aluan daripada Yang Dipertua MWNBD.

Bacaan Khatam Al-Quran dimulai dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Massad yang diketuai oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad dari Persatuan PERTIWI.

Sementara bacaan Takhtim dipimpin oleh Dayang Julianawati binti Haji Hamdan dari Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP) Daerah Belait, yang kemudian disusuli dengan Doa Khatam yang dibacakan oleh Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar dari Persatuan PGGMB selaku Pengerusi Bahagian Keagamaan MWNBD.

Manakala bacaan Tahli dibacakan oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani dari Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD).

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban yang diketuai oleh

SEBAHAGIAN daripada yang hadir bergambar ramai setelah selesai majlis.



## Jawatankuasa Guru-Guru Ugama Daerah Tutong adakan Majlis Penutup Tadarus



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Ihsan Jabatan Pengajian Islam

**TUTONG**, Khamis, 12 Mac. - Dalam usaha mengimarahkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, pagi tadi diadakan Majlis Penutup Tadarus Al-Quran sempena Bulan Ramadan bagi Guru-guru Ugama Daerah Tutong bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Bukit Beruang, di sini.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Imam Tingkat I, Masjid Rancangan

Perumahan Negara Kampung Bukit Beruang, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awangku Muhammad Abdul Qadir bin Pengiran Ibrahim.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu khas majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim, disusuli bacaan Takhtim Al-Quran dan diteruskan dengan Doa Khatam.

IMAM Tingkat I, Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Bukit Beruang hadir selaku tetamu khas majlis (kiri dan kanan).

Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Asyraqal dan kemudiannya penyampaian cenderamata dan bunga telur.

Pada masa yang sama, bertempat di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong diadakan ceramah agama yang dihadiri oleh Guru-guru Ugama Perempuan Daerah Tutong.

Ceramah disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Agama, Pusat Da'wah Islamiah, Daerah Tutong, Dayang Siti Noraziah binti Haji Asli.

Majlis ini merupakan aktiviti tahunan anjuran Jawatankuasa Guru-guru Ugama Daerah Tutong dalam usaha mengimarahkan bulan Ramadan melalui pengisian aktiviti keagamaan, di samping memperkukuhkan ukhuwah dan silaturahim dalam kalangan guru-guru ugama di daerah tersebut.

SEBAHAGIAN daripada para Muslimah yang hadir di majlis tersebut.



# PEMERIKSAAN PASTIKAN PAMER TANDA HARGA JELAS



**PENIAGA** yang didapati melakukan kesalahan berulang tidak mempamerkan tanda harga boleh dikenakan kompaun maksimum sebanyak BND1,000 menurut Bab 10A, Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

## Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Mac. - Para peniaga gerai di kawasan letak kereta Pantai Jerudong telah dinasihatkan untuk mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul selaras dengan keperluan Perintah Kawalan Harga (Paparannya Tanda Harga).

Perkara ini telah disarankan semasa pemeriksaan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan

Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi memudahkan pengguna untuk membuat perbandingan harga dan seterusnya membuat keputusan pembelian yang bermaklumat.

Pemeriksaan yang dijalankan baru-baru ini merupakan siri lawatan pemantauan secara berterusan sebagai usaha bagi

memelihara kepentingan pengguna dengan memastikan ketelusan harga dalam kalangan para peniaga, dan sekali gus mempromosi persekitaran perniagaan yang beretika dan telus.

Pemeriksaan juga bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan kepatuhan para peniaga terhadap Perintah Kawalan Harga (Paparannya Tanda Harga) di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Hasil pemeriksaan ke atas lebih

15 gerai menjual pelbagai barangan seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan makanan kering telah mendapati segelintir peniaga tidak mempamerkan tanda harga, manakala sebilangan peniaga mempamerkan tanda harga pada sebahagian barangan yang dijual sahaja.

Susulan kesalahan tersebut, para peniaga diberikan penerangan dan nasihat akan kepentingan bagi mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul

pada pelbagai barangan yang dijual.

JPES akan melaksanakan siri lawatan pemantauan ke gerai dan tamu dari semasa ke semasa bagi memastikan pematuan terhadap Perintah Kawalan Harga (Paparannya Tanda Harga).

Peniaga yang didapati melakukan kesalahan berulang tidak mempamerkan tanda harga boleh dikenakan kompaun maksimum sebanyak BND1,000 menurut Bab 10A, Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Sebarang aduan atau pertanyaan lanjut mengenai paparan tanda harga boleh disalurkan melalui e-mel [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn) atau Talian Darussalam 123, dengan menyertakan dokumen sokongan seperti gambar, bagi penelitian lanjut JPES.

## Kemudahan Pusat Penyelarasan Media bagi liputan MMN Ke-22



**ANTARA** kelengkapan yang disediakan ialah termasuk kemudahan Wi-Fi, komputer meja, mesin pencetak serta siaran langsung televisyen (*live feed*) yang dilengkapi pembesar suara bagi membolehkan media memantau prosiding persidangan dari dalam pusat berkenaan.

Oleh : Nurhamiza Awang Haji Roslan  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 12 Mac. - Pusat Penyelarasan Media (MCC) di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat (JMM) kini mula beroperasi bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bagi memudahkan para petugas media termasuk wartawan, pemberita dan jurugambar menjalankan liputan sepanjang persidangan berlangsung.

Pemangku Pegawai Penerangan, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin selaku Sekretariat Media menjelaskan bahawa MCC ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Media dan Publisiti dan fungsi utamanya ialah untuk menyediakan ruang kerja serta

kemudahan sokongan bagi petugas media.

Antara kelengkapan yang disediakan ialah termasuk kemudahan Wi-Fi, komputer meja, mesin pencetak serta siaran langsung televisyen (*live feed*) yang dilengkapi pembesar suara bagi membolehkan media memantau prosiding persidangan dari dalam pusat berkenaan. Ini membolehkan pelaporan dapat dilakukan dengan lebih efisien tanpa mengganggu perjalanan sidang di Dewan Chamber.

Kemudahan ini disediakan untuk memastikan tugas media dapat menjalankan tugas dengan selesa dan lancar. Selain kemudahan asas, MCC turut menyediakan Pegawai Penghubung Media (MRO) yang akan membantu kelancaran sesi penggambaran

serta memastikan protokol dipatuhi.

Beliau turut mengingatkan bahawa semua wartawan, pemberita dan jurugambar yang ingin membuat liputan diwajibkan mendaftar kehadiran secara dalam talian melalui imbasan Kod QR di MCC sebelum memasuki kawasan persidangan. MCC akan beroperasi bermula pukul 8.00 pagi sehingga selesai persidangan.

Dalam pada itu, aspek pematuan etika dan protokol turut ditekankan dan para petugas media diminta agar mematuhi panduan pakaian yang ditetapkan sepanjang berada di Dewan Chamber mahupun sekitar kawasan persidangan.

Bagi petugas lelaki, pakaian yang dibenarkan adalah kemeja lengan panjang dan seluar panjang (*lounge suit*) lengkap dengan tali leher, atau pakaian Melayu Islam Beraja lengkap dengan sinjang dan songkok. Pemakaian *blazer* hitam atau warna gelap serta kasut kerja adalah wajib.

Manakala bagi petugas perempuan, pakaian hendaklah sopan dan kemas sama ada baju kurung atau kemeja lengan panjang dengan seluar atau *skirt* labuh (*lounge suit*), bertudung bagi yang beragama Islam, serta memakai *blazer* hitam atau warna gelap dan kasut kerja.

Pemakaian topi, baju lengan pendek, baju T, pakaian sukan, seluar *jeans*, seluar pendek, *skirt* pendek, *legging*, sandal atau selipar adalah dilarang sama sekali.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkembangan terkini Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN boleh melayari laman sesawang rasmi JMM di [www.majlis-mesyuarat.gov.bn](http://www.majlis-mesyuarat.gov.bn).

## Mengeratkan lagi semangat kebersamaan, perpaduan

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**KAMPUNG KASAT**, Khamis, 12 Mac. - Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Rendah (SR) Kasat tidak ketinggalan dalam mengimarahkan bulan suci Ramadan ini dengan amalan bersedekah dan berbagi rezeki menerusi Projek Al Ehsan Wal Barakah.

Projek anjuran PIBG SR Kasat yang berlangsung selama dua hari itu membuka peluang terutama mereka yang memerlukan barangan pakaian seperti baju Melayu, baju kurung, tudung dan barangan termasuk kasut dan lainnya bertempat di kawasan letak kereta sekolah berkenaan.

Pengerusi PIBG sekolah berkenaan, Awang Mohd. Najib bin Haji Mohd. Yassin berharap projek tersebut dapat memberikan kegembiraan kepada mereka yang memerlukan lebih-lebih lagi mereka yang serba dalam kekurangan terutama sekali bagi kegunaan sambutan Aidilfitri yang akan diraikan kurang dari dua minggu saja lagi.

Amalan berbagi melalui projek itu diharap akan dikekalkan dan diteruskan dalam sama-sama meraih keberkahan dan ganjaran pahala berlipat ganda di bulan berkah ini. Semoga usaha kecil itu akan dapat memberikan manfaat bersama dan mengeratkan lagi semangat kebersamaan dan perpaduan dalam komuniti. "*Sedekah yang paling afdal adalah sedekah di bulan Ramadan*". (Hadis Riwayat At-Tirmizi).



**BARANGAN** pakaian seperti baju Melayu, baju kurung, tudung dan barangan termasuk kasut dan lainnya ada bagi keperluan golongan-golongan yang memerlukan, melalui Projek Al Ehsan Wal Barakah yang bertempat di kawasan letak kereta Sekolah Rendah Kasat.

## 9 KELUARGA TERIMA SUMBANGAN BERBAGI REZEKI



LAPAN keluarga di Daerah Brunei dan Muara, dan sebuah keluarga di Daerah Tutong menerima sumbangan berupa barangan keperluan asas harian dengan tujuan untuk membantu meringankan beban mereka (kiri dan kanan).

meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan, lebih-lebih lagi dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang.

Melalui program ini juga diharapkan dapat menyemai semangat keprihatinan dan menggalakkan amalan bersedekah serta berkongsi rezeki dalam kalangan masyarakat, khususnya di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Penyampaian sumbangan berkenaan ke rumah-rumah para penerima yang terpilih disempurnakan oleh Pengarah Abdul Razak Holdings, Awang Haji Suhaime bin Haji Awang Besar; Pemangku Pengarah Pengajian



Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil; Timbalan Presiden Persekutuan Pacuan Empat Roda Brunei Darussalam, Awang Mazlani bin Mahadi serta ahli-ahli rombongan yang lain dari ketiga-tiga pihak yang terlibat.

Program Infak Ramadan tersebut merupakan Program Iftar

Ramadan 1447 Hijrah yang diungkayahkan bersama oleh pihak Abdul Razak Holdings dan JPI, KHEU bagi mengimarahkan bulan Ramadan dengan amal kebajikan yang dianjurkan dalam ajaran Islam, di samping menyemai rasa tanggungjawab dan empati untuk membantu golongan yang memerlukan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Mac. - Dalam sama-sama meraih keberkahan di bulan suci Ramadan ini, Abdul Razak Holdings Group of Hotels dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Persekutuan Pacuan Empat Roda Brunei Darussalam petang tadi mengadakan program sumbangan

berbagi rezeki menerusi Program Infak Ramadan kepada sembilan keluarga murid sekolah agama yang memerlukan, iaitu lapan keluarga di Daerah Brunei dan Muara, dan sebuah keluarga di Daerah Tutong.

Penyampaian sumbangan berupa barangan keperluan asas harian ini diadakan bertujuan untuk sama-sama membantu

## Projek Jalinan Kasih RTB rai 30 anak yatim



SESI bergambar ramai bersama anak-anak yatim yang diraikan (atas), manakala gambar bawah, sebahagian daripada atur cara pada majlis berkenaan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Radio Televisyen Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Mac. - Projek Jalinan Kasih RTB Ke-18 diteruskan lagi dengan Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-anak Yatim yang diadakan baru-baru ini bertempat di Pearls Cafe, Kampung Salar, Mukim Mentiri.

Sempena bulan Ramadan tahun ini, seramai 30 anak yatim diraikan dan dijemput untuk berbuka puasa bersama-sama.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Ketua Bahagian Rancangan TV, Dayang Hajah Serimah binti Haji Muhamad; Pengurus Am Pearls Cafe, TGT Sdn. Bhd., Bahagia Distributors Sdn. Bhd. dan BMC Food Industries Sdn. Bhd.

Projek Jalinan Kasih RTB merupakan tanggungjawab sosial korporat Radio Televisyen Brunei (RTB) dalam suasana masyarakat Negara Brunei Darussalam menunaikan ibadah puasa dan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Seperti lazimnya, projek disasarkan kepada golongan asnaf, warga emas, Orang Kelainan Upaya (OKU), golongan muaf, anak-anak yatim atau ibu tunggal.

Pelaksanaan projek adalah

bertepatan dengan slogan RTB, iaitu 'Sentiasa Bersama Biskita' yang bukan hanya terbatas menyiarkan rancangan-rancangan melalui rangkaian radio dan saluran televisyen, tetapi juga menyantuni secara sua muka dengan masyarakat di keempat-empat buah daerah.



## RTB semarakkan Sambutan Nuzul Al-Quran 1447H



CERAMAH Khas telah disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Jabatan Hal Ehwal Masjid (atas). Sementara gambar bawah, majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.



■ Siaran Akhbar dan Foto : Radio Televisyen Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 11 Mac. - Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) baru-baru ini telah mengadakan Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Nuzul Al-Quran Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, bertempat di Ibu Pejabat RTB, Bangunan Sekretariat.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan, Pegawai Pentadbir Kanan, Awang 'Izzul Azam bin Dato Seri Paduka Haji Mohd. Roselan; serta pegawai-pegawai dan kakitangan RTB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, diikuti Ceramah Khas yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Fansuri Sharimi @ Haji Mansur bin Mohamad Ali, yang antara lain menyentuh mengenai kepentingan menghayati dan menjadikan Al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan seharian.

Penganjuran majlis berkenaan diharap dapat meningkatkan lagi penghayatan warga RTB terhadap kepentingan Al-Quran, khususnya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Majlis diakhiri dengan bacaan doa.

# USAHA, KERJASAMA PADU PELBAGAI AGENSI LANCARKAN PENGAGIHAN KURNIA PERIBADI

**BERAKAS**, Rabu, 11 Mac. - Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas antara lokasi yang dijadualkan bagi pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dibukakan selama dua hari sejak kelmarin.

Selain Universiti Brunei Darussalam, Stadium Tertutup ini juga dipilih bagi pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi para penerima majoritinya iaitu penduduk di Daerah Brunei dan Muara.

Kelancaran pengagihan ini juga atas usaha dan kerjasama padu daripada para petugas pelbagai agensi dalam memastikan keseluruhan acara berjalan lancar

dan sempurna.

Pelita Brunei sempat menemui bual salah seorang penyelaras yang bertugas di Stadium Tertutup, Awang Mohd. Norfaiz @ Md. Adam bin Haji Abu Bakar menyatakan bahawa lebih 250 petugas yang terlibat antaranya daripada Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Kementerian Kesihatan (Medic), Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan serta beberapa agensi lainnya.

Pihak penyelaras katanya, telah bekerjasama dengan PPDB dan JBP serta Kementerian Kesihatan (Medic) terutama sekali dari segi logistik dalam mengutamakan keselamatan para petugas dan begitu juga bagi para penerima. Setiap zon di kawasan berkenaan katanya, memang ada petugas berperanan dalam menjaga aspek keselamatan sehingga di kawasan

letak kereta.

Awang Mohd. Norfaiz seterusnya menjelaskan, selama dua hari mereka berpusat di sana, pelaksanaan pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia berjalan begitu teratur, lancar dan tiada terjadinya berbaris begitu sesak dan panjang.

Alhamdulillah, tambahnya, para penerima tidak perlu menunggu agak lama sampai berjam-jam dalam setiap urusan pengeluaran kurnia dan mereka juga merasa selesa berikutan mendapat layanan yang begitu baik daripada para petugas.

Justeru, pihak penyelaras menzahirkan penghargaan terima kasih bagi para petugas yang terlibat dan kerjasama mereka berikutan adalah sangat baik dan efektif serta layanan mesra mereka terhadap para penerima.

"Penghargaan terima kasih kepada agensi-agensi yang terlibat atas jasa baik mereka dalam melaksanakan tugas demi menjayakan pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM," katanya lagi.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Tambahnya lagi, kurnia peribadi tersebut adalah menjunjung hasrat Kebawah DYMM bagi meringankan beban para penerima dan digunakan dengan berhemat dan sebaik-baiknya dan adanya pengurniaan ini juga dapat memeriahkan lagi sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang ini nanti.

Seramai 5,886 penerima dicatatkan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas yang dibukakan bagi dua hari iaitu 3,100 penerima kelmarin dan 2,786 pula hari ini.

Para penerima Kurnia Peribadi Kebawah DYMM setentunya jelas terpancar kegembiraan di wajah mereka dan bersyukur atas keprihatinan raja terhadap kebajikan hal ehwal rakyat dan penduduknya yang tidak pernah dilupakan setiap menjelang Aidilfitri.

Dengan keberkahan Ramadan Al-Mubarak lagi mulia ini, segenap lapisan rakyat dan penduduk



AWANG Mohd. Norfaiz@Md. Adam bin Haji Abu Bakar.

mendoakan Kebawah DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja yang lain dipanjangkan usia, kesihatan berterusan serta sentiasa dalam keselamatan dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala di samping mendapat keberkahan hidup aman dan makmur di bumi Darussalam yang tercinta ini.

## Kurnia Peribadi : Penduduk zahir rasa kesyukuran



AWANG Ramli bin Saban dan Awang Maswirani bin Haji Mohamad.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**RIMBA**, Rabu, 11 Mac. - Sambutan Hari Raya Aidilfitri menjadi lebih bermakna kepada rakyat dan penduduk, khususnya mereka yang memerlukan, dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya yang bakal menjelang tidak lama lagi apabila menerima

Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Golongan-golongan Tertentu Khusus bagi Rakyat dan Penduduk

Tetap Negara Brunei Darussalam yang Beragama Islam sempena Hari Raya Aidilfitri 1447 Hijrah / 2026 Masihi bagi Daerah Brunei dan Muara diteruskan lagi bagi hari ketiga dan terakhir dengan penyertaan seramai 2,900 penerima bertempat di dua lokasi iaitu Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam dan Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Semasa temu bual Pelita Brunei bersama salah seorang penerima golongan Orang Bekeperluan Khas (OBK), Awang Ramli bin Saban, 64 tahun dari Kampung Jerudong berkata bahawa Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membawa erti yang amat besar kepada dirinya yang sangat memerlukan dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi.

Awang Ramli menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas kurnia berkenaan yang sudah setentunya membantu dirinya serta keluarga menikmati Aidilfitri dalam suasana yang sederhana namun tetap meriah.

Sementara itu, Pengiran Normah binti Pengiran Latip, ibu kepada Nuria Qonitah Ilhiyah binti Rosmadi, 9 tahun iaitu seorang penerima juga di bawah golongan OBK berkata dengan adanya kurnia tersebut, beliau dapat berbelanja untuk keperluan hari raya anaknya dan menyimpan selebihnya untuk kegunaan masa hadapan.

Beliau menzahirkan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan yang diberikan dan mendoakan semoga baginda dilanjutkan usia serta kerabat diraja yang lain akan sentiasa diberikan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara yang sama turut dikongsikan oleh Awang Maswirani bin Haji Mohamad, 45 tahun dari Kampung Rimba, penerima di bawah Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB). Kurnia ini membawa erti yang sangat bermakna buat dirinya dalam membuat persiapan Aidilfitri minggu depan dan menabung selebihnya untuk kegunaan pada masa hadapan.

Manakala, Dayang Khairunnisa Izzati binti Haji Hatnan, ibu kepada Miqayla Eleya binti Mohd. Fadzillah Isnon, 5 tahun, penerima golongan OBK berasa gembira dan terharu atas pengurniaan peribadi Kebawah DYMM berkenaan.

"Ini merupakan tahun kedua anak saya menerima kurnia dan berhasrat untuk menyimpan untuk kegunaan beliau di masa hadapan.

"Hamba Kebawah Duli Tuan Patik merafak sembah dan setinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan kerabat diraja yang lainnya atas kurnia ini dan turut mendoakan agar Allah Subhanahu Wata'ala



DAYANG Khairunnisa Izzati binti Haji Hatnan bersama anaknya Miqayla Eleya binti Mohd. Fadzillah Isnon.

akan sentiasa menjaga kesihatan baginda dan dilanjutkan usia, kekal qarar memerintah negara dalam keadaan aman dan damai," tambahnya.



PENGIRAN Normah binti Pengiran Latip, bersama anaknya Nuria Qonitah Ilhiyah binti Rosmadi.



SUASANA riang pada pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah mengambil tempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.



## Do'a yang terkabul

Oleh : Diansantun  
 Illustrasi : Muhammad Al Khaliq Ali

**H**ARI ini, Affan Ilham anakku sudah mulai bersekolah. Dibandingkan dengan pelajar lain, mungkin anakku lebih muda kerana dia mulai bersekolah tepat umurnya tiga tahun. Kebanyakan pelajar sekolah berumur tiga tahun lebih, membuatkan dia kelihatan yang paling kecil semasa waktu pendaftaran tahun lepas. Affan Ilham, anak yang aku tunggu selama sepuluh tahun lamanya. Disaat aku berputus asa dalam mendapatkan zuriat, Allah lakarkan satu nikmat yang benar-benar ajaib dan tidak ku sangka.

Aku selalu mengangankan untuk mendapat mertua yang baik. Tetapi nasibku tidak menyebelahiku. Masih bermain di kepala ku bagaimana aku menangis dulu bila hanya garis satu yang ku terima bila aku tidak mendapatkan haid. Harapanku hancur lebur bila mertuaku sampai menuduh aku yang bermasalah disebabkan aku adalah anak tunggal manakala suamiku mempunyai sepuluh adik beradik dan hampir semua telah mempunyai zuriat. Suamiku juga pernah disuruh untuk kahwin lagi. Suamiku menolak. Macam-macam yang telah ibu mertuaku lakukan kepada kami dan aku hanya mampu bersabar. Aku selalu menangis dan mentalku terganggu sampai aku terpaksa berjumpa doktor untuk terapi.

Walaupun bagaimanapun, suamiku adalah seorang yang sangat penyabar dan baik. Sakan baiknya, suamiku sampai bersetuju untuk bekerja di luar negeri supaya dapat membawaku jauh dari keluarganya. Mentalku semakin terjaga bila kami jauh dari keluarga. Jauh dari tekanan. Tiada lagi persoalan zuriat. Tiada lagi sedih menghiris hati bila dibanding-banding dengan keluarga lain terutama sekali ketika majlis kenduri. Dengan layanan yang tidak sewajarnya, suamiku bulat dengan keputusannya meninggalkan negara ini. Ibunya semakin membenciku dan menuduhku macam-macam. Suamiku dengan berat hati memutuskan perhubungan dengan keluarganya, untuk menjaga diriku yang sebatang kara.

Jauh termenung sambil menyediakan barang-barang Affan Ilham, suamiku memelukku dari belakang. "Rajin jua mommy Affan Ilham ani, nervous kah kan antar anak kitani esok?". Seakan faham apa yang bermain di benak otakku, aku tersenyum. Suamiku tahu betapa takutnya aku untuk melepaskan anakku tanpa aku disisi.

Kami pernah menghantarnya ke pusat penjagaan berdaftar, akan tetapi aku menjadi trauma. Lebih-lebih lagi, bila aku dapat tahu anakku telah digigit oleh pelajar lain secara tidak sengaja. Aku menangis bila dapat tahu selang beberapa jam mengambilnya dari pusat penjagaan dan ingin membawanya untuk mandi petang, ada bekas gigitan di tangan kanannya. Aku terus mempersoalkan dan ingin melihat CCTV disana. Aku langsung tidak diberitahu kerana yang menjaganya lalai bermain dengan telefon bimbit. Oleh kerana itu, aku memutuskan untuk meninggalkan pekerjaanku dan menjaganya sendiri. Walaupun aku sedar kewangan sangat penting, aku tidak akan membenarkan anak yang ku tunggu sekian lamanya untuk luka sedikit pun, apatah lagi dicuai-cuainkan.

Terhenti lamunanku setelah mendengar bunyi dengkur suamiku di sebelah. Aku pun tidak lama terlelap. Bangun dari tidur, aku bersiap dan menikmati sarapan yang ku sediakan bersama suami dan Affan. "Are you excited?" tanyaku kepada Affan. Affan dengan comel mengangguk dan matanya bersinar-sinar, dia terlihat sangat gembira di dalam seragam sekolahnya. Kami pun menghantarnya ke sekolah dan kulihat ia melambai kami dari dalam kelas. Setelah tamat waktu persekolahan, aku mengambilnya dari kelas. Nampak dari luar mereka sedang diajarkan doa habis belajar. Aku tersenyum lega kerana Affan kelihatan seronok dan masih bertenaga. Affan meluru ke dakapanku setelah melihatku. Kami pun perlahan ke kereta untuk pulang ke rumah.

Aku tersenyum dan bersyukur kerana keluargaku kini telah lengkap. Tiba-tiba, selesai saja sampai ke tempat letak kereta di

rumah, telefon bimbitku berbunyi. Aku menekan punat telefon dan aku tiba-tiba terdiam. Ibu mertuaku menelefonku. Tanganku terketar-ketar. Adakah aku akan dimaki hamun seperti dahulu?

"Ayda, ani babu lai." Pecah sunyi dari telefon bimbit yang ku angkat. "Ayda, babu tau babu banyak salah arah mu sama Fadil lai. Tapi babu menyasal." Setelah Affan Ilham berumur 3 tahun, barulah ibu mertuaku menghubungi. "Babu inda lagi sihat, boleh Ayda sama Fadil balik ke sini lai? Babu kan jumpa kamu dua sebelum babu nada lagi." Matakku berkaca-kaca. Aku menutup telefon bimbit kerana masih terkejut.

Pada malam itu, suamiku sedar aku terlihat resah. Aku menceritakan kejadian petang tadi. Suamiku tersentak. Aku tahu dia merindui ibunya tapi dia hanya ingin melindungi keluarga kecilnya. Aku memujuknya untuk kembali ke negara itu, untuk melawat ibunya. Melamun panjang, dengan desahan berat, dia pun bersetuju. Beberapa hari setelah siap perengkapan, kami pun pulang ke tanah air. Banyak perubahan di sini. Aku mulai merindui cara kehidupan di sini dan aku juga takut untuk datang ke rumah ibu mertuaku.

Setelah pemandu Dart kami menghantar kami ke rumah ibu mertuaku, rumah itu nampak masih seperti dulu, hanya berlainan warna. Kami mengetuk pintu rumah dan memberi salam. Sunyi. Kami pun menunggu di pintu. Tiba-tiba, muncul sebuah kereta pantas masuk ke laman rumah dan tanpa meletak kereta di garaj, keluar sosok kakak iparku. Dia memelukku dan matanya berkaca-kaca. Dia menangis dan memeluk suamiku dan anakku. Membuka pintu hadapan, kakak Ani menarik tanganku untuk masuk ke bilik babu. Alangkah sayu hatiku melihat ibu mertuaku di atas katil, terdampar lesu. Badannya nampak kurus kering, mukanya cengkung dan matanya berair, tangis menderas laju.

Suamiku meluru duduk di sebelah ibu mertuaku dan menangis, mencium tangan ibunya. Berdosakah kami ya Allah? Merajuk membawa diri sejauh itu kerana ingin menjaga

rumahtangga kami? Terdetik sesalan di hatiku. Ibu lalu melihat aku yang kaku di hadapannya memeluk anakku Affan. Aku lalu menghampirinya dan mengenalkan Affan kepada neneknya. Ibu mengusap tanganku dan pipi Affan. "Babu minta maaf Ayda.. babu rindu kamu.. maafkan babu dengan layanan babu selama ani.." Berjurai air mataku mendengar ibu mertuaku meminta maaf. "Kami minta maaf babu, kami menyesal tinggalkan babu di sini, tinggalkan semua di sini." "Babu faham lai, babu maafkan kamu.. Babu yang jahat arah kamu.. Babu minta maaf lai.. Terima kasih jaga anak babu sama cucu babu.. Ya Allah, doaku terkabul hari ini. Allah bagi ruang untuk kami memohon maaf. Allah bagi peluang kami memperbaiki hubungan yang retak. Selama ini, aku selalu berdoa semoga masih ada sinar harapan untuk keluarga ini.

Hari ini, genap seminggu pemergian ibu mertuaku. Kakak Ani perlahan memecah lamunanku. "Lai, terima kasih untuk kesudian kamu pulang kemari dan menguruskan pengebumian babu apa. Kami sudah lama mencuba menjejaki kamu. Mulai hari ini, kaka harap kamu dapat memaafkan kami dan persengketaan yang lama. Mungkin sukar, tapi lakastah kitani sama-sama mengeratkan yang renggang. Lupakan sengketa yang lama. Jadilah kitani keluarga yang sakinah, mawadah dan warahmah. Babu ada berpesan jua, kalau kamu balik, ia wasiatkan rumah ani untuk kamu." Aku terkedu. "Ayda, ani dari babu untuk Ayda. Batah sudah ia kan membagi." Kakak Ani mengeluarkan beberapa perhiasan emas. Aku sebak, tidak dapat menahan tangisanku lagi. Suamiku memeluk bahuku dan ikut menangis bersamaku.

Semenjak itu, kami menetap kembali di Brunei dan tinggal di rumah ini. Walaupun ibu sudah tiada, sekarang-kurangnya rumah peninggalannya menjadi memori untukku dan suami. Ya Allah, tempatkanlah ibu mertua ku di kalangan solehah. Terimalah amal ibadahnya tanpa hisab. Ayda sayang babu. Al Fatihah.



# Gandakan amalan di 10 akhir Ramadan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Infografik : Ak. Izzan Danish Pg. Idris, penempatan penuntut Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa di Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

**B**ULAN Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam bulan yang mulia ini, umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan amal ibadah seperti berpuasa, bersedekah, membaca Al-Quran, berzikir serta melakukan pelbagai bentuk kebajikan. Namun demikian, antara waktu yang paling istimewa dalam bulan Ramadan ialah 10 malam terakhir yang mempunyai kelebihan serta ganjaran yang amat besar bagi mereka yang menghidupkannya dengan ibadah.

10 malam terakhir Ramadan sering dikaitkan dengan peluang untuk meraih ganjaran pahala yang berlipat ganda serta peluang untuk bertemu dengan malam yang paling mulia dalam Islam iaitu Lailatulqadar. Malam tersebut merupakan malam yang lebih baik daripada seribu bulan, sebagaimana yang disebutkan dalam Al-Quran. Oleh itu, umat Islam dianjurkan untuk meningkatkan lagi usaha dalam beribadah pada malam-malam tersebut, sebagai tanda kesungguhan dalam mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Menghayati keistimewaan Lailatulqadar Salah satu sebab utama mengapa 10 malam terakhir Ramadan amat dinantikan oleh umat Islam ialah kerana di dalamnya terdapat malam Lailatulqadar. Malam ini merupakan malam yang penuh keberkatan dan keampunan. Allah Subhanahu Wata'ala telah menjelaskan dalam Al-Quran bahawa Lailatulqadar adalah malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

Keistimewaan malam ini bukan sahaja terletak pada ganjaran pahala yang besar, malah ia juga merupakan malam turunnya para malaikat serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya yang beribadah dengan penuh keikhlasan. Justeru, umat Islam digalakkan untuk mencari malam tersebut dengan memperbanyakkan amal ibadah sepanjang 10 malam terakhir Ramadan, khususnya pada malam-malam ganjil.

Walaupun tarikh sebenar Lailatulqadar tidak diketahui secara pasti, hikmah di sebalik perkara ini ialah supaya umat Islam terus berusaha dan bersungguh-sungguh dalam beribadah sepanjang 10 malam tersebut dan bukannya hanya menumpukan ibadah pada satu malam sahaja.

## Memperbanyakkan solat malam

Antara amalan yang sangat digalakkan pada 10 malam terakhir Ramadan ialah memperbanyakkan solat malam atau qiamullail. Amalan ini termasuklah solat sunat tarawih, solat tahajud, solat witir serta solat-solat sunat yang lain. Melalui ibadah solat malam, seseorang hamba berpeluang mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam suasana yang tenang dan penuh khusyuk.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri memperbanyakkan ibadah pada 10 malam terakhir Ramadan. Baginda menghidupkan malam dengan solat, doa dan zikir serta membangunkan ahli keluarga

untuk turut sama beribadah. Perkara ini menunjukkan betapa pentingnya 10 malam terakhir Ramadan dalam kehidupan seorang Muslim.

Solat malam bukan sahaja memberikan ganjaran pahala yang besar, malah ia juga mampu menenangkan jiwa, menguatkan iman serta meningkatkan hubungan rohani antara hamba dan Penciptanya.

## Memperbanyakkan bacaan Al-Quran

Selain solat malam, umat Islam juga digalakkan untuk memperbanyakkan bacaan Al-Quran pada 10 malam terakhir Ramadan. Bulan Ramadan sendiri dikenali sebagai bulan Al-Quran kerana pada bulan inilah kitab suci tersebut diturunkan sebagai petunjuk kepada seluruh umat manusia.

Membaca, memahami serta menghayati kandungan Al-Quran merupakan amalan yang sangat mulia. Setiap huruf yang dibaca akan diberikan ganjaran pahala oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, 10 malam terakhir Ramadan merupakan peluang terbaik untuk memperbanyakkan tilawah Al-Quran serta mentadabbur ayat-ayat suci yang terkandung di dalamnya. Di samping itu, membaca Al-Quran juga mampu menenangkan hati dan memberikan kekuatan rohani kepada seseorang dalam menghadapi cabaran kehidupan.

## Memperbanyakkan doa dan istighfar

10 malam terakhir Ramadan juga merupakan waktu yang sangat sesuai untuk memperbanyakkan doa dan memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Setiap manusia tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan dosa, sama ada secara sedar atau tidak.

Oleh yang demikian, malam-malam yang penuh keberkatan ini merupakan peluang terbaik untuk memohon keampunan serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Antara doa yang dianjurkan untuk dibaca ketika mencari Lailatulqadar ialah doa memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala kerana sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan menyukai orang-orang yang memohon keampunan.

Amalan beristighfar dan berdoa bukan sahaja dapat menghapuskan dosa-dosa yang lalu, malah ia juga mampu memberikan ketenangan jiwa serta memperkukuhkan keimanan seseorang hamba.

## Menghidupkan malam dengan amalan kebajikan

Selain melakukan ibadah secara individu, umat Islam juga digalakkan untuk memperbanyakkan amalan kebajikan pada 10 malam terakhir Ramadan. Antaranya termasuklah bersedekah, membantu golongan yang memerlukan serta melakukan pelbagai bentuk amal jariah.

Amalan bersedekah pada bulan Ramadan, khususnya pada 10 malam terakhir, mempunyai ganjaran pahala yang sangat besar. Setiap sumbangan yang diberikan dengan penuh keikhlasan akan

menjadi bekalan yang berharga di akhirat kelak. Di samping itu, amalan kebajikan juga dapat mengeratkan hubungan sesama manusia serta memupuk nilai kasih sayang dan keprihatinan dalam masyarakat.

## Mendidik diri menjadi insan yang lebih baik

10 malam terakhir Ramadan bukan sahaja peluang untuk memperbanyakkan ibadah, malah ia juga merupakan waktu yang sesuai untuk melakukan muhasabah diri. Setiap individu digalakkan untuk menilai kembali amalan dan perbuatan sepanjang hidup mereka.

Melalui muhasabah diri, seseorang dapat mengenal pasti kelemahan serta kesilapan yang pernah dilakukan dan berusaha untuk memperbaikinya pada masa akan datang. Ramadan seharusnya menjadi titik perubahan bagi setiap Muslim untuk menjadi insan yang lebih baik dari segi akhlak, ibadah dan hubungan dengan sesama manusia. Perubahan yang berlaku sepanjang Ramadan juga diharapkan dapat diteruskan walaupun selepas berakhirnya bulan yang mulia ini.

## Merebut peluang yang tidak pasti kembali

Sesungguhnya 10 malam terakhir Ramadan merupakan peluang yang amat berharga bagi umat Islam untuk meraih ganjaran pahala serta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Setiap detik pada malam-malam tersebut seharusnya dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya melalui pelbagai amalan ibadah dan kebajikan.

Sebagai manusia, kita tidak mengetahui sama ada kita akan berpeluang untuk bertemu lagi dengan Ramadan pada tahun-tahun yang akan datang. Oleh itu, kesempatan yang ada pada tahun ini wajar dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan keimanan serta mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Semoga dengan kesungguhan dalam menghidupkan 10 malam terakhir Ramadan, kita semua diberikan peluang untuk bertemu dengan malam Lailatulqadar serta memperoleh keampunan, rahmat dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

**AMALAN PADA 10 MALAM TERAKHIR RAMADAN**

- MEMBACA AL-QURAN
- PERBANYAKKAN ZIKIR, ISTIGHFAR DAN DOA
- PERBANYAKKAN SEDEKAH
- MELAKUKAN SOLAT TARAWIH DAN QIAMULLAIL
- BERIKTIKAF DI MASJID

**REBUTLAH PELUANG UNTUK MENDAPATKAN KEBERKATAN DAN MALAM LAILATULQADAR**



## GUNUNG SEMERU MELETUS 4 KALI, MUNTAHKAN ABU SETINGGI 600 METER

JAKARTA, 12 Mac. - Gunung Semeru yang terletak di sempadan wilayah Lumajang dan Malang di Jawa Timur, meletus sebanyak empat kali pada Khamis dengan memuntahkan awan yang mengandungi abu kira-kira 600 meter di atas puncaknya.

Menurut pegawai Pos Pemerhatian Gunung Semeru

Liswanto, letusan pertama berlaku pada 12.27 tengah malam Waktu Indonesia Barat (WIB), diikuti satu lagi pada 12.31 tengah malam, namun awan mengandungi abu daripada letusan itu tidak dapat diperhatikan secara visual.

"Gunung Semeru meletus sekali lagi pada 5.28 pagi WIB

dengan lajur abu diperhatikan mencapai sekitar 600 meter di atas puncak, atau kira-kira 4,276 meter dari aras laut, katanya seperti dipetik Agensi Berita ANTARA."

Liswanto berkata gunung berapi itu sekali lagi meletus pada 5.46 pagi WIB dengan menghasilkan awan mengandungi

abu setinggi kira-kira 300 meter di atas puncak. Beliau berkata Gunung Semeru masih berada pada status aktiviti gunung berapi Tahap III (berjaga-jaga).

Pusat Vulkanologi dan Mitigasi Bencana Geologi Indonesia (PVMBG) menasihati orang ramai supaya tidak menjalankan sebarang aktiviti dalam radius 13

kilometer di sektor tenggara sepanjang Besuk Kobokan dari puncak gunung itu.

Penduduk juga diingatkan supaya sentiasa berwaspada terhadap kemungkinan awan panas, runtuh lava serta aliran lahar di sepanjang sungai yang berpunca dari puncak gunung berapi itu. - ©BERNAMA

## Elak pembelian panik, stok bahan api domestik kekal mencukupi

JAKARTA, 11 Mac. - Republik Indonesia menggesa orang ramai supaya kekal tenang dan mengelakkan pembelian panik walaupun terdapat laporan mengenai kenaikan harga minyak mentah global susulan konflik di Asia Barat.

Menteri Tenaga dan Sumber Mineral Bahlil Lahadalia mengesahkan bahawa stok bahan api domestik kekal mencukupi dan terjamin bagi memenuhi

permintaan orang ramai.

"Apa yang kami maksudkan sebelum ini mengenai 21 hingga 25 hari adalah merujuk kepada kapasiti penyimpanan kami, namun bekalan tambahan akan terus tiba. Operasi industri berjalan seperti biasa dan import kami kekal mengikut jadual," katanya, menurut Agensi Berita ANTARA pada Selasa malam.

Terdahulu, Bahlil bersama Menteri Kewangan Purbaya Yudhi

Sadewa serta beberapa menteri Kabinet lain menghadiri mesyuarat di Istana Presiden di Jakarta pada petang Selasa bagi membincangkan harga minyak mentah global yang telah melepasi paras US\$100 setong susulan peningkatan ketegangan di Asia Barat.

Bahlil berkata Republik Indonesia mengimport minyak mentah terutamanya dari Asia Barat, manakala produk bahan api bertapis diperoleh dari negara Asia Tenggara sebelum diproses di dalam negara.

Beliau turut mengesahkan bahawa harga bahan api bersubsidi akan kekal tidak berubah sehingga Aidilfitri walaupun berlaku lonjakan harga minyak mentah global.

Sementara itu, Purbaya berkata kerajaan memantau rapat kenaikan harga minyak global dan akan mengambil pendekatan berhati-hati sebelum membuat sebarang pelarasan dasar fiskal.

"Kami memerhati dengan teliti sama ada harga terus meningkat atau menurun. Jika kenaikan berterusan selama beberapa hari atau minggu, maka kita boleh menjangkakan satu trend yang berterusan, namun harga juga boleh meningkat dan tiba-tiba turun semula," katanya.

Beliau menjelaskan kerajaan akan terlebih dahulu menilai trend harga sebelum membuat sebarang pelarasan terhadap belanjawan negara (APBN).

"Jika harga menurun semula kemudian, kami perlu

menyamakannya semula. Melaraskan andaian dalam APBN memerlukan lebih banyak pertimbangan daripada bertindak balas terhadap pergerakan pasaran harian," katanya.

Pada masa ini, beliau berkata subsidi bahan api dalam APBN adalah berdasarkan andaian purata harga minyak mentah sebanyak US\$70 setong bagi tahun fiskal penuh.

Beliau menambah bahawa kerajaan tidak akan bertindak balas serta-merta terhadap turun naik harga jangka pendek, sambil menegaskan bahawa pelarasan dasar fiskal memerlukan pertimbangan lebih teliti berbanding reaksi terhadap pergerakan pasaran harian. - ©BERNAMA

## Air India naikkan surcaj bahan api susulan lonjakan harga minyak akibat konflik Asia Barat

NEW DELHI, 11 Mac. - Air India menaikkan surcaj bahan api bagi laluan domestik dan antarabangsa sehingga US\$50 susulan lonjakan harga minyak akibat konflik yang sedang berlaku di Asia Barat.

Harga tiket bagi laluan ke Eropah, Amerika Utara dan Australia akan meningkat antara US\$25 hingga US\$50 mulai 18 Mac ini manakala surcaj antara US\$10 hingga US\$30 akan dikenakan bagi tempahan ke Asia Barat, Asia Selatan dan Afrika bermula Khamis, menurut kenyataan syarikat penerbangan itu pada Selasa.

Syarikat penerbangan itu juga akan memperkenalkan surcaj sebanyak 399 rupee (US\$4.3) bagi penerbangan domestik dan Asia Selatan bermula Khamis.

Air India berkata keputusan itu "terpaksa dilakukan berikutan kenaikan mendadak harga bahan api jet yang berpunca daripada situasi geopolitik di rantau Teluk".

"Sejak awal Mac 2026, bahan api turbin penerbangan (ATF), yang menyumbang hampir 40 peratus daripada kos operasi syarikat penerbangan, mencatatkan peningkatan harga yang ketara berikutan gangguan bekalan.

"Di India, tekanan ini diperhebat oleh Duti Eksais dan Cukai Nilai Tambah (VAT) yang tinggi ke atas ATF di bandar metropolitan utama seperti Delhi dan Mumbai, sekali gus memperbesar kesan serta memberi tekanan besar kepada ekonomi operasi syarikat penerbangan," katanya.

Peningkatan surcaj bahan api secara berperingkat bagi laluan Air India ke Hong Kong, Jepun dan Republik Korea Selatan akan "diumumkan dalam masa terdekat".

Konflik Amerika Syarikat-Israel terhadap Republik Islam Iran telah mencetuskan kekacauan perjalanan serta menjadikan syarikat penerbangan lebih terdedah kepada lonjakan kos bahan api susulan gangguan bekalan minyak mentah.

Harga minyak penanda aras bagaimanapun susut semula selepas meningkat menghampiri US\$120 setong pada Isnin. Republik Islam Iran mengancam untuk menyerang mana-mana kapal tangki yang dikaitkan dengan musuhnya yang melalui Selat Hormuz, laluan laut penting bagi perdagangan tenaga di sempadan selatan Republik Islam Iran.

Syarikat penerbangan juga mengalami gangguan jadual penerbangan akibat konflik itu, di tengah-tengah serangan balas Republik Islam Iran terhadap aset ketenteraan Amerika Syarikat di rantau Teluk yang menempatkan hab perjalanan utama seperti Dubai, Doha dan Abu Dhabi. - ©BERNAMA

## 6 maut, beberapa lagi cedera dalam kebakaran bas di Switzerland

GENEVA, 11 Mac. - Enam orang maut dan sekurang-kurangnya empat yang lain cedera selepas sebuah bas awam terbakar di barat Switzerland, menurut polis pada Selasa malam, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Tiga daripada mangsa yang cedera berada dalam keadaan kritikal, menurut polis di kanton Fribourg. Seorang paramedik turut cedera semasa operasi

menyelamat.

Insiden itu berlaku di komuniti Kerzers, di barat ibu negara Bern.

Akhbar Switzerland Blick memetik seorang saksi mendakwa seorang lelaki telah menuang petrol di dalam bas itu sebelum membakar dirinya. Polis tidak mengesahkan dakwaan itu, namun berkata kebakaran berkenaan berpunca daripada tindakan manusia.

Imej yang tular di media sosial menunjukkan kenderaan itu dijilat api dengan kepulan asap tebal menjulang tinggi ke udara.

Anggota bomba berjaya memadamkan kebakaran itu, namun bas berkenaan musnah sepenuhnya.

Bas itu milik PostAuto yang kebanyakannya mengendalikan perkhidmatan berjadual di kawasan luar bandar. - ©BERNAMA

## IEA adakan mesyuarat tergempar susulan keadaan pasaran minyak merosot

PARIS, 11 Mac. - Sebanyak 32 negara anggota Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) akan mengadakan mesyuarat tergempar lewat Selasa di tengah-tengah keadaan pasaran minyak global semakin tegang, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Mesyuarat itu akan menilai 'keselamatan bekalan semasa dan keadaan pasaran', yang akan membantu menentukan sama ada negara anggota perlu melepaskan rizab minyak strategik, menurut agensi itu.

Pengarah Eksekutif IEA Fatih Birol mengadakan perbincangan itu

bersama kerajaan negara anggota agensi berkenaan.

Terdahulu pada Selasa, IEA menganjurkan mesyuarat menteri tenaga Kumpulan Tujuh (G7).

"Dalam pasaran minyak, keadaan telah merosot sejak beberapa hari kebelakangan ini," kata Birol dalam satu kenyataan selepas perbincangan itu.

"Selain cabaran transit melalui Selat Hormuz, sejumlah besar pengeluaran minyak telah dikurangkan. Keadaan ini mewujudkan risiko besar yang semakin meningkat terhadap pasaran".

"Kami membincangkan semua pilihan yang ada, termasuk menyediakan stok minyak kecemasan IEA kepada pasaran".

Sebanyak 32 anggota IEA memiliki kira-kira 1.2 bilion tong rizab minyak kecemasan, menurut agensi itu. Selain itu, organisasi yang berpangkalan di Paris itu menganggarkan stok industri berjumlah sekitar 600 juta tong lagi.

Sejak penubuhannya lebih 50 tahun lalu, IEA menyatakan pelepasan secara terselaras telah berlaku sebanyak lima kali. - ©BERNAMA

# GUNUNG IBU MELETUS DI MALUKU UTARA, GEGARAN DIRASAI 50 SAAT



**JAKARTA, 13 Mac.** - Gunung Ibu di Halmahera Barat, Maluku Utara meletus pada petang Jumaat, dengan gegaran gunung berapi itu berlarutan kira-kira 50 saat.

Pemangku Ketua Agensi Geologi Kementerian Tenaga dan Sumber Mineral (ESDM), Dr. Lana Saria berkata letusan itu berlaku pada 11.42 waktu tempatan dengan amplitud maksimum 28 milimeter

direkodkan.

"Walaupun kepanasan abu akibat letusan itu tidak dapat dilihat secara visual oleh pegawai di pos pemantauan, aktiviti itu masih berada dalam kriteria Gunung Ibu, yang kekal pada Tahap Amaran II (Waspada)," katanya, menurut Agensi Berita ANTARA pada Jumaat.

Lana menasihati penduduk yang

tinggal berhampiran gunung berapi itu, serta pelawat dan pelancong, supaya mengelakkan aktiviti dalam radius dua kilometer dari kawah aktif tersebut.

"Zon larangan juga telah diperluas kepada 3.5 kilometer ke arah bukaan kawah utara.

"Sekiranya berlaku hujan abu (*ashfall*), orang ramai yang melakukan aktiviti luar digesa

memakai alat perlindungan, termasuk topeng untuk menutup hidung dan mulut serta pelindung mata seperti goggles," katanya.

Beliau juga menggesa orang ramai supaya bertenang, mengelak menyebarkan maklumat tidak sahih

dan mengikut arahan pihak berkuasa tempatan.

Katanya pentadbiran Halmahera Barat telah diminta untuk terus berkoordinasi dengan Pusat Vulkanologi dan Mitigasi Bencana Geologi (PVMBG) serta pos pemerhatian Gunung Ibu di Kampung Gam Ici bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai aktiviti gunung berapi itu. - ©BERNAMA

## Apple akan menurunkan komisen pembelian dalam aplikasi di Republik Rakyat China



**SYARIKAT Apple** semasa Ekspo Rantaian Bekalan Antarabangsa China yang ketiga di Beijing, ibu negara Republik Rakyat China.

**BEIJING, 13 Mac.** - Apple mengumumkan pada hari Jumaat bahawa ia akan mengurangkan komisen untuk pembelian dalam aplikasi yang digunakan di Republik Rakyat China mulai 15 Mac 2026.

Menurut kenyataan yang dibuat oleh Apple, penyesuaian tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh

tersebut untuk kadar komisen yang dikenakan ke kedai App Store di Republik Rakyat China pada iOS dan iPadOS.

Kadar komisen untuk pembelian dalam aplikasi Apple standard dan transaksi aplikasi berbayar adalah 25 peratus, kata syarikat itu. Kadar tersebut kini adalah 30 peratus.


Kadar komisen untuk transaksi pembelian dalam aplikasi Apple yang layak di bawah Program Perniagaan Kecil App Store dan Program Rakan Kongsi Aplikasi Mini, dan untuk pembaharuan automatik langganan pembelian dalam aplikasi Apple selepas tahun pertama, adalah 12 peratus. Pada masa ini, kadar ini adalah 15 peratus.

Apple berkata ia sedang membuat perubahan pada App Store di Republik Rakyat China, susulan perbincangan dengan pengawal selia di Republik Rakyat China.

Berpandukan terma yang dikemas kini menjelang 15 Mac ini, tidak diperlukan untuk menerima manfaat daripada perubahan kadar komisen ini bermula pada hari tersebut, kata syarikat itu.

Kenyataan itu menambah bahawa Apple komited terhadap terma yang kekal adil dan telus kepada semua pembangun, dan sentiasa menawarkan kadar App Store yang kompetitif kepada pembangun yang mengedarkan aplikasi di Republik Rakyat China yang tidak lebih tinggi daripada kadar keseluruhan di pasaran lain. - ©XINHUA

## Republik Rakyat China melancarkan satelit internet baharu



**SEBUAH** roket pembawa Long March-8A yang membawa kumpulan satelit internet orbit rendah ke-20 berlepas dari tapak pelancaran kapal angkasa komersial di wilayah Hainan, selatan Republik Rakyat China.

**WENCHANG, Hainan, 13 Mac.** - Republik Rakyat China melancarkan roket pembawa Long March-8A pada hari ini di wilayah pulau selatan Hainan, menghantar sekumpulan satelit internet baharu ke angkasa lepas.

Roket itu berlepas pada jam 3.48 pagi (Waktu Beijing) dari tapak pelancaran kapal angkasa komersial Hainan. Ia berjaya meletakkan muatan, kumpulan ke-20 satelit internet orbit rendah, ke orbit yang telah ditetapkan. - ©XINHUA

## Syarikat penerbangan Afrika Selatan kenakan surcaj bahan api

**CAPE TOWN, 13 Mac.** - Syarikat penerbangan di Afrika Selatan mula memperkenalkan pelarasan harga berkaitan bahan api berikutan lonjakan mendadak kos bahan api penerbangan yang dikaitkan dengan konflik Asia Barat yang sedang berlarutan, lapor Xinhua.

Lapangan Terbang Antarabangsa Cape Town dan Lapangan Terbang Antarabangsa King Shaka di Durban keduanya telah menaikkan kos bahan api Jet A1 sebagai tindak balas terhadap kenaikan harga minyak tersebut.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada Rabu, syarikat penerbangan terbesar Afrika Selatan, FlySafair berkata harga bahan api penerbangan Jet A1 di lapangan terbang Afrika Selatan meningkat kira-kira "70 peratus dalam masa seminggu sahaja", sekali gus memaksa syarikat penerbangan mempertimbangkan semula struktur harga mereka.

"Kami akan menyenaraikan surcaj bahan api dinamik sementara ini secara khusus pada semua tiket bagi memastikan keadilan dan ketelusan kepada

pelanggan kami," kata Kirby Gordon, ketua pegawai pemasaran FlySafair dalam satu kenyataan.

Surcaj itu akan berkuat kuasa bermula Khamis dan terpakai bagi penerbangan yang berlepas pada atau sebelum 12 Mei. Tempahan sedia ada tidak akan berubah dan tiada surcaj akan dikenakan secara retrospektif.

Syarikat penerbangan serantau Airlink juga telah mula melaraskan harga tiket. Ketua Pegawai Eksekutif Airlink, de Villiers Engelbrecht berkata syarikat penerbangan itu telah menaikkan tambang sebanyak dua kali dalam beberapa minggu kebelakangan ini -- sekali selepas lonjakan awal harga minyak dan sekali lagi pada 9 Mac -- namun pemegang tiket sedia ada tidak akan menghadapi levi tambahan.

Syarikat penerbangan milik kerajaan, South African Airways (SAA) menjadi syarikat terbaharu yang bertindak balas. "Memandangkan skala kenaikan yang besar ini, adalah mustahil bagi syarikat penerbangan untuk menyerap kos tersebut sepenuhnya. Kesannya, SAA perlu

melaraskan tambang penerbangan," kata syarikat itu dalam satu kenyataan.

Tiket yang telah dibeli sebelum 12 Mac akan kekal mengikut tambang asal yang dibayar. SAA menegaskan bahawa pelarasan itu bertujuan untuk "memastikan kelestarian operasi yang berterusan sambil mengekalkan perkhidmatan yang selamat dan boleh dipercayai untuk pelanggan kami".

Asia Barat merupakan tempat bagi lima daripada 10 pengeluaran minyak utama dunia. Penghantaran melalui Selat Hormuz, laluan air sempit antara Republik Islam Iran dan Oman yang membawa kira-kira satu perlima daripada penggunaan minyak dunia dan kira-kira 20 peratus daripada perdagangan gas asli cecair global, hampir terhenti sepenuhnya berikutan meletusnya perang antara Republik Islam Iran dengan Amerika Syarikat serta Israel pada 28 Februari.

Rantau itu juga merupakan hab penting bagi penerbangan global, dan ketidaktentuan di wilayah berkenaan memberikan kesan langsung kepada syarikat

penerbangan serta pengembara. Walaupun Afrika Selatan mendapatkan bahan api penerbangan melalui pelbagai saluran domestik dan import,

syarikat penerbangan berkata kenaikan kos menjadikan pengenaan surcaj tidak dapat dielakkan buat masa ini. - ©BERNAMA

## Republik Indonesia bakal ganti loji janakuasa diesel dengan tenaga boleh baharu perkukuh keselamatan tenaga

**JAKARTA, 13 Mac.** - Republik Indonesia sedang bersiap sedia untuk menggantikan loji janakuasa diesel secara berperingkat dengan tenaga boleh baharu sebagai sebahagian daripada usaha mengekalkan bekalan elektrik yang stabil di tengah-tengah ketidaktentuan geopolitik global, kata Menteri Tenaga dan Sumber Mineral Bahlil Lahadalia pada Khamis, lapor Xinhua.

Bahlil berkata demikian selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Prabowo Subianto di Istana Merdeka, Jakarta bagi membincangkan langkah mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil dan memperkukuh keselamatan tenaga nasional susulan ketegangan geopolitik serta ketidaktentuan harga minyak.

"Memandangkan situasi geopolitik semasa dan konflik global, kita tidak boleh pasti tentang prospek tenaga jangka panjang, jadi kita mesti mengoptimalkan semua sumber tenaga domestik yang ada, termasuk beralih daripada bahan api fosil," kata Bahlil.

Kementerian itu, dengan penyelarasan bersama syarikat elektrik negara PT PLN, kini sedang menyelaraskan pelan pembangunan kuasa nasional, dengan projek solar dan geoterma berskala besar dijangka dilancarkan dalam masa terdekat. - ©BERNAMA



## SRG SAMBUT BAIK FORMAT BAHARU MPL MY, SASAR REKOD TANPA KALAH

**KUALA LUMPUR, 13 Mac.** - Ketua jurulatih Selangor Red Giants (SRG), Michael Bocado Arcadia percaya pasukan itu mampu mengekalkan momentum walaupun dengan pengenalan format baharu untuk Musim ke-17 Mobile Legends: Bang Bang Professional League (MPL) Malaysia.

Jurulatih dari Republik Filipina itu mengalu-alukan perubahan itu yang akan menyaksikan *regular season* dimainkan dalam format dua pusingan, dengan peningkatan perlawanan akan menjadikan persaingan lebih menarik dan kompetitif.

"Kami sangat menantikan format dua

pusingan ini. Musim ke-13 antara prestasi terbaik kami dalam liga dengan rekod tanpa kalah, tetapi itu hanya satu pusingan.

"Apabila kami mendapat tahu musim baharu menampilkan dua pusingan, pemain sangat bermotivasi dan teruja. Kami percaya boleh memecahkan satu lagi rekod, mungkin rekod *regular season* tanpa kalah dan ahli pasukan benar-benar bersemangat untuk mengejar matlamat itu," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, MPL Malaysia mengumumkan program kerjasama baharu untuk musim ke-17 yang menandakan fasa seterusnya dalam pembangunannya.

Program itu melibatkan lapan pasukan rakan kongsi dan bertujuan memberikan sokongan berstruktur dalam memastikan persekitaran persaingan yang stabil serta profesional untuk organisasi dan pemain.

Menerusi inisiatif itu, MPL Malaysia berusaha memperkukuh ekosistem e-sukan profesional dengan mewujudkan laluan kerjaya yang lebih jelas untuk pemain, jurulatih, pencipta kandungan dan profesional industri dalam ekonomi digital dan kreatif.

Ketua Pembangunan Perniagaan E-sukan Malaysia di MOONTON Games Krystal Tan berkata inisiatif itu

mencerminkan komitmen organisasi untuk membina ekosistem e-sukan yang mampan di negara ini.

"Ketika kami berada di ambang babak baharu, kami membuat komitmen yang tidak pernah dilakukan untuk membina ekosistem yang profesional dan stabil supaya pemain dan pasukan kami boleh berkembang maju di pentas global.

"Ini usaha transformatif untuk meningkatkan landskap e-sukan Malaysia, melahirkan juara dan ikon budaya merentas permainan itu sendiri. Visi kami untuk menjadikan e-sukan sebagai permainan kebangsaan, yang terjaln dalam budaya Malaysia," katanya.

- ©BERNAMA

## Piala Uber 2026 : Mei Xing sedia beri laluan kepada pemain muda

**KUALA LUMPUR, 11 Mac.** - Pemain beregu wanita negara, Teoh Mei Xing bersedia memberi laluan kepada pemain muda untuk beraksi pada kejohanan Piala Uber 2026 di Horsens, Denmark bulan depan.

Mei Xing berkata pemain muda wajar diberi peluang untuk merasai pengalaman mewakili negara pada kejohanan badminton berpasukan wanita paling berprestij yang dijadual dari 24 April hingga 3 Mei ini.

"Saya pernah main sebelum ini, jadi saya rasa bagi (peluang) kepada junior lebih bagus kerana mereka pun memerlukan pengalaman (beraksi di Piala Uber).

"Saya juga okay kalau kekal di sini (Akademi Badminton Malaysia) untuk menjalani latihan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Pemain berusia 29 tahun itu sebelum ini pernah membuat penampilan sebanyak tiga kali pada Piala Uber bermula dari edisi 2020 di Aarhus, Denmark, edisi 2022 di Bangkok dan edisi 2024 di Chengdu, Republik Rakyat China.

Dalam pada itu, Mei Xing mengakui berdepan cabaran beraksi dalam dua

kategori termasuk beregu campuran pada tahun ini.

Mei Xing digandingkan dengan Tan Zhing Hui bagi beregu wanita dan beraksi bersama Tan Zhi Yang dalam kategori beregu campuran.

Walaupun kombinasinya bersama Zhing Hui agak baik, namun beliau berkata masih memerlukan masa untuk mencipta keserasian bersama Zhi Yang.

"Saya sudah agak lama tidak bermain beregu campuran. Jadi saya masih perlu perbaiki dari segi aspek keserasian dengan gandingan saya," katanya.

Pencapaian terbaik Mei Xing bersama Zhing Hui adalah mara ke separuh akhir Siri Antarabangsa Singapura 2026, baru-baru ini.

Bagi aksi bersama Zhi Yang, pencapaian terbaik mereka setakat ini adalah layak ke suku akhir Cabaran Antarabangsa Singapura 2026 dan Siri Antarabangsa Singapura 2026.

Mei Xing sebelum ini bergandingan bersama Go Pei Kee namun mereka berpisah selepas pasangannya membuat keputusan untuk keluar daripada Persatuan Badminton Malaysia, bulan lepas. - ©BERNAMA

## Sivasangari, Aira, Aifa tempah tiket suku akhir Terbuka Australia

**KUALA LUMPUR, 11 Mac.** - Pemain skuasy wanita negara S. Sivasangari menepati ramalan apabila dengan mudah melangkah ke pusingan suku akhir Terbuka Australia 2026 di Brisbane hari ini.

Dalam aksi pusingan kedua yang berlangsung di gelanggang kaca South Bank Piazza, pemain pilihan utama kejohanan itu hanya memerlukan 24 minit untuk menewaskan pemain England, Grace Gear, 11 - 4, 11 - 3, 11 - 7.

Sivasangari, 27, yang juga pemain nombor enam dunia akan membuat perhitungannya dengan rakan senegara Aira Azman bagi memburu slot ke separuh akhir esok.

Aira, 21, yang juga pilihan keenam kejohanan, berjaya melepasi pusingan kedua apabila terpaksa bermandi peluh selama 44 minit sebelum menyingkirkan pemain Hong Kong, Tomato Ho 11 - 4, 12 - 10, 8 - 11, 5 - 11, 11 - 6.

Sementara itu, seorang lagi wakil negara Aifa, 24, turut mengiringi adiknya Aira ke suku akhir selepas mengetepikan cabaran pemain Republik Perancis, Marie Stephan 11 - 9, 11 - 9, 11 - 4 dalam tempoh 31 minit.

Aifa dijadual bertemu wakil Belgium, Nele Gillis yang terdahulu menewaskan pemain Republik Korea Selatan, Ka Yi Lee 11 - 6, 11 - 9, 11 - 6. - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**BAGI** menyambut awal bulan Ramadan ditembakkan sebanyak 21 das tembakan selepas sembahyang Maghrib untuk menandakan pada esoknya berpuasa. Jika awal Ramadan ditentukan kerana anak bulan telah kelihatan, maka tembakan meriam itu akan dilakukan pada malam permulaan Ramadan. Dalam bulan Ramadan ditembakkan satu das menandakan waktu terbuka puasa dan satu das bagi menandakan waktu mula sahur. Pada akhir bulan Ramadan ditembakkan sebanyak 12 das bagi menandakan pada esoknya 1 Syawal.

**SUMBER :** Buku Adat Istiadat Diraja Brunei.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

PERBANYAKKAN IBADAH, 10 MALAM TERAKHIR RAMADAN MEMPUNYAI KELEBIHAN SERTA GANJARAN AMAT BESAR